

MUHARAM 1439 HIJRAH

www.pmbk.gov.my

PERCUMA



MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

QIADAH

FOKUS

PENGUKUHAN
3K ERA MB

DESTINASI

LEMBAH SIREH

MAKANAN

KETUPAT SOTONG


www.pmbk.gov.my

PERCUMA

PENGUKUHAN 3K
**KEBERKATAN
KEMAKMURAN
KEBAJIKAN**

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM | KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

ISSN 2289-5418



9 772289 541000



بازر توءُ نورو BAZAR TOK GURU



PUSAT JUALAN BORONG & RUNCIT TEKSTIL

PASAR SENI KOTA BHARU

PUSAT KESIHATAN & KECANTIKAN

PASAR BUKU KOTA BHARU



WAKTU OPERASI:
9.00 PAGI-6.00 PETANG
SABTU-KHAMIS

KEMUDAHAN AWAM



SURAU



ATM



PARKING



MEDAN SELERA



SEWAAN/JUALAN LOT:
011-25469440 (YUSRI)
019-932 2295 (GEE)
013-901 6532 (JUE)
09-747 4082 (PEJABAT)



JALAN SULTAN IBRAHIM,
BANDAR KOTA BHARU,
15000 KOTA BHARU,
KELANTAN

BAZAR
PILIHAN
RAMAI



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ كُلُّ نِعْمَةٍ مِّنْ حُكْمِ رَبِّنَا

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bangunan PKINK, Peti Surat 142, Jalan Tengku Maharani, 15710 Kota Bharu, Kelantan

📞 09 - 741 4141

📠 09 - 741 4140

✉ pkink@pkink.gov.my

🌐 www.pkink.gov.my



Rumah Mampu Milik Kelantan Badang



Taman Perumahan Kota Jembal



Apartment D'Perdana
Telipot



Apartment D'Perdana
Sri Cemerlang



Rusat Gadaian Islam Ar-Rahn



Kiang Sawit Tapis Jerimbong



Perlombongan Emas di Sokor, Tanah Merah

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah

Penggerak Pembangunan Ummah



AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-17

Ketua Editor

Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Setiausaha Jawatankuasa Editorial

Sanusi Hj. Othman
Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jawatankuasa Editorial

Zamakhshari Muhamad

Pengurus Kanan Pemasaran & Komunikasi Korporat Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Hjh. Nik Aida Nik Ahmad

Pengurus Kanan Audit Dalaman Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Zuraidah Husin

Pemangku Pengurus Besar Akademi Pembangunan Insan Profesional Sdn. Bhd.

Hj Mahadi Mokhtar

Pengurus Kanan Pembangunan Korporat Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd.

Wan Subki Wan Omar

Pengurus Besar Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd.

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Muhammad Najid Abdullah

Eksekutif Latihan Modal Insan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Penulis & Penyunting

Mohd Asri Mat Daud

Penyelaras Editorial

Shariah Derahman
Pegawai Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pembantu Penyelaras Editorial

Siti Norazami Mohd Anuar
Pegawai Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Penulis Bersama

Dr. Wan Nik Wan Yussof
Dr. Mohd Azhar Abdullah
Wan Roslan Wan Hamat
Mohd Fadli Ghani
Mazlan Jusoh
Abdul Malik Abd Karim
Muh Na Abdullah
Abu Al-Farouq
Zanazanzaly
Salmah Husain
Akhi Sahrul
Surina Suhaimi
Shariah Derahman
Siti Norazami Mohd Anuar
Nurul Dayanna Norji
Noorleyne Hamzah

Pereka Grafik & Layout

Mustaqim Isa
Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar

Ahmad Nai'me Muhammad
Pegawai Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar Bersama

**Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)
Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN)**
Muhamad Bukhari Muhamad Arifin

Pengiklanan, Pemasaran & Promosi

Jabatan Komunikasi Korporat, Perbadanan Menteri Besar Kelantan.

Tel: 09-747 4082

Diterbitkan oleh

Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Tingkat 6, Bangunan PMBK Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-747 4082
Fax: 09-747 7815
Portal: www.pmbk.gov.my

Dicetak oleh

Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd., Tingkat 5, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani,
15710, Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-747 3800

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُ أَكْبَرُ

ALLAHU AKBAR

MERAFAK
SEMBAH TAHNIAH



KEHADAPAN
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V**

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.(SELANGOR), D.K.(NEGERI SEMBILAN), D.K.(JOHOR),
D.K.(PERAK), D.K.(PERLIS), D.K.(KEDAH), D.K.(TERENGGANU), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN
BAGI NEGERI KELANTAN DARULNAIM**

SEMPENA
PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V
YANG KE-48, TAHUN 2017

PADA
**SABTU, 22 SAFAR 1439H
BERSAMAAN 11 NOVEMBER 2017M**

“RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT”

YANG MERAFAK SEMBAH DAN MENJUNJUNG KASIH





LAMAN HADAPAN:
PENGUKUHAN
3K

FOKUS

12PENGUKUHAN
3K ERA MB

VARIASI

24MENUBUHKAN
IPTG

VARIASI

28PORTFOLIO
HUBUNGAN
SERANTAU

VARIASI

32KANUN
JENAYAH SYARIAH**12**PENGUKUHAN
3K ERA MB

VARIASI

36PROGRAM
DIPLOMA
TASAWWUR ISLAM

VARIASI

40MAAHAD SAINS
TOK GURU

VARIASI

43IDEA
KEANTARABANGSAAN

VARIASI

46

FASA MMBI

Dasar Merakyatkan
Membangun Bersama Islam

VARIASI

50

Selangor Darul Naim

SPARK UNIT PEMERINTAHAN
DAN PEMERINTAHAN STRATEGIK
PESTABILITI BESAR SELANGOR

PEMIMPIN

54USTAZ DATO'
AHMAD YAKOB

WARISAN

58

REBANA UBI

QIADAH

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dalam mentadbir kerajaan negeri telah menerapkan Muwasofat Balad Al-Toyyib dan menggubal satu wawasan untuk tempoh 5 tahun, penggal 2013-2018, iaitu menjadikan Kelantan negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan urus tadbir kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan visi, misi dan objektif dasar Membangun Bersama Islam.

FOKUS

VARIASI

VARIASI

VARIASI

VARIASI

43IDEA
KEANTARABANGSAAN

VARIASI

46

FASA MMBI

Dasar Merakyatkan
Membangun Bersama Islam

VARIASI

50

Selangor Darul Naim

SPARK UNIT PEMERINTAHAN
DAN PEMERINTAHAN STRATEGIK
PESTABILITI BESAR SELANGOR

PEMIMPIN

54USTAZ DATO'
AHMAD YAKOB

WARISAN

58

REBANA UBI

MAKANAN		61	KETUPAT SOTONG Manfaat menolong
DESTINASI		64	LEMBAH SIREH BANDAR BARU LEMBAH SIREH BERMULA DARI KEBUN SAYUR
TOKOH		68	USTAZ DATO' ABDUL HALIM DAPIN PERLU JADI COTTON KEPADA MASYARAKAT
JENAMA KELANTAN		72	MANC'S CAP LADA
KELANTAN SANA SINI	MAGGI KETAM MENU POPULAR SIANG DAN MALAM	76	MAGGI KETAM
INSPIRASI KELANTAN		80	DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN STRATEGI KERJASAMA DENGAN PROTON
FOKUS PMBK		84	PENSTRUKTURAN AKSB AIR KELANTAN SDN. BHD. TERUS TINGKATKAN KHAMAT UNTUK SAKYAT KELANTAN
AKTIVITI PMBK		86	RMMK MERANTI MAILIS PEGALANAH RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN (RMMK) MERANTI
AKTIVITI PMBK		88	MAJLIS HARI RAYA PMBK 1438H
TEROWONG MASA		92	OPIS PANJANG
DIALEK KELANTAN		94	DIALEK KELANTAN

BARISAN KEPIMPINAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN



Berdiri dari kiri:

YB Dato' Dr. Hj. Ramli bin Mamat (Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Rakyat, Kesihatan, Alam Sekitar dan NGO), YB Dato' Hj. Hanifa bin Ahmad (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Maklumat), YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Hj. Hassan (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi), YB Mejah (B) Dato' Hj. Md Anizam bin Abdul Rahman (Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan), YB Dato' Hj. Che Abdullah bin Mat Nawi (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau), YB Dato' Hj. Mohd Nassuruddin bin Hj. Daud (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta), YB Hj. Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Timbalan Speaker) dan YB Hjh. Mumtaz binti Md Nawi (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan).



Foto: UKMB

Duduk dari kiri:

YB Dato' Hj. Anuar Tan bin Abdullah (Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Perpaduan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan), YB Dato' Hj. Nik Kazim bin Nik Yusoff (Pegawai Kewangan Negeri Kelantan), YB Dato' Hj. Mohd Faudzi bin Hj. Che Mamat (Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan), YB Dato' Hj. Abdullah bin Ya'kub (Speaker Dewan Negeri Kelantan), Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa'iz Petra ibni Sultan Ismail Petra merangkap Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan, YAB Ustaz Dato' Hj. Ahmad bin Yakob (Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Pelaburan dan Kewangan), YB Dato' Hj. Mohd Amar bin Abdullah (Timbalan Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Tanah dan Sumber Asli), YB Dato' Shahidani bin Abd. Aziz @ Juned (Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan) dan YB Dato' Hj. Abdul Fattah bin Hj. Mahmood (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia dan Sukan).



Mutiara Kata

USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu khalifah di bumi, maka jalankanlah tadbir urus dan penghakiman antara manusia dengan kebenaran dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan jalan Allah itu." (Al-Rum, ayat 42).

Pada tarikh 6 Mei 2017, genaplah empat tahun saya diamanahkan sebagai ketua kerajaan negeri memegang urusan besar rakyat. Saya merakamkan penghargaan kepada semua jentera pentadbiran dalam semua peringkat dan seluruh rakyat yang telah membantu dan memberi sokongan penuh dalam usaha saya menjadikan Kelantan ke arah negeri berkebajikan yang diredai Allah SWT.

Konsep negeri berkebajikan yang dibangunkan ini adalah berteraskan wahyu Allah sebagaimana tuntutan Allah kepada Nabi Daud AS agar mentadbir kerajaan dengan al-Haq iaitu menegakkan kebenaran dan keadilan dalam semua aspek sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat al-Quran di atas.

Sesungguhnya, usaha untuk membangunkan Negeri Serambi Mekah ini sejak dahulu hingga ke zaman pentadbiran saya merupakan usaha yang bersepada untuk mencapai pembangunan yang berteraskan syariat; iaitu pembangunan untuk kepentingan dunia dan akhirat. Di samping itu, pencapaian juga dapat dilihat atas kejayaan bekerja secara berpasukan dalam kalangan pimpinan kerajaan dan pegawai-pegawaiannya.

Alhamdulillah, kini kerajaan kita sudah memasuki usia 27 tahun dengan terus membangun bersama dasar Islamnya dan Kelantan telah menjadi bahan perhatian di seluruh negara kerana keunikian dasar ini apabila diterapkan sejak sekian lama. Dasar ini adalah dasar kesejahteraan dan keadilan kepada semua rakyat tanpa mengira agama dan kaum. Ianya telah dirasai sendiri oleh rakyat sepanjang mereka bernaung dibawah pentadbiran Islam.

Oleh itu, saya sendiri hendak melihat dasar Islam ini bertapak dalam hati seluruh rakyat dan tidak menjadi dasar kerajaan negeri sahaja. Maka dengan itu, pada fasa ini, saya telah membuat beberapa penambahbaikan dengan menjenamakan 'Merakyatkan Membangun Bersama Islam' sebagai dasar bersama kerajaan negeri dan rakyat. Apa yang penting ialah kita laksanakan kerja semata-mata kerana Allah dan pastikan kerajaan negeri ini kekal dibawah pentadbiran yang sedia ada.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan secara bersama hasrat murni kerajaan negeri dan insya-Allah Negeri Serambi Mekah ini akan sentiasa dibawah naungan rahmat Allah SWT.

**"ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG"
"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM-KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN"**

USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB
S.J.M.K., D.J.M.K. (Kelantan)
(DATO' BENTARA KANAN)
Menteri Besar Kelantan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah. Ambo (saya) mulakan kata alu-aluan ini dengan menyeru agar kita dapat melunaskan syukur ke hadrat Allah SWT atas segala limpah kurnia-Nya. Tiada upaya untuk manusia menidakkannya segala nikmat pemberian-Nya. Selawat serta salam dipanjangkan buat junjungan Nabi Muhammad SAW yang membawa rahmat ke sekalian alam.

Alhamdulillah juga atas penyempurnaan Qiadah edisi ke-17 dengan fokus lakaran kejayaan legasi kepimpinan ulama pimpinan Ustaz Dato' Bentara Kanan Hj. Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan dengan slogan Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI). Semestinya Qiadah dengan fokus ini amat istimewa bagi pihak PMBK, ia umpama satu penghormatan atas kelangsungan pentadbiran Ustaz Dato' Ahmad yang merupakan Pengurus Kumpulan PMBK.

Sebelum terlupa, ambo merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada jawatankuasa dan penulis yang telah menyempurnakan tugas mengumpulkan bahan, lalu menjadikannya suatu dokumentasi kekal untuk pembaca. Ambo percaya dokumentasi ini bukan sahaja akan dihargai oleh generasi hari ini, malahan pasti akan dikenang untuk tatapan sejarah.

Jika disoroti secara ringkas, slogan MMBI yang dibangunkan atas konsep keberkatan, kemakmuran dan kebijikan adalah langkah bergaya Ustaz Dato' Ahmad dalam melakarkan warna bagi pemerintahan negeri ini. Seacara tidak langsung kesannya juga terbiasa melestari perjalanan PMBK sebagai sebuah badan pelaburan strategik negeri.

Kumpulan PMBK pastinya mengekor rapat segala pelan pentadbiran yang direncana mengikut keupayaan dan fungsinya. Sokongan ini ditunjukkan dengan rangka Perumahan Mampu Milik, perkhidmatan utiliti untuk kesenangan rakyat, program CSR dan kebijikan serta pelbagai aktiviti menjana kerancakan ekonomi negeri. Semua ini dirangka dan dilaksanakan dengan keyakinan bahawa pentadbiran Ustaz Dato' Ahmad adalah model kepada pelaksanaan slogan Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

Ia seakan memberikan nafas nyata kepada firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi." (Surah Al-A'raf, ayat 96).

Atas rasional itulah slogan MMBI di bawah kepimpinan Ustaz Dato' Menteri Besar diwacana dalam bentuk dokumen bertulis. Semua kajian dan sudut pandang



diselusuri dengan mengangkat kejayaan dan program yang telah dirintis sejak awal pengambilalihan kepimpinan kerajaan negeri Kelantan, menyambung amanah kepimpinan yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Atas prinsip ilmu dan penyelidikan yang berdasarkan data dapatan dan kerangka model kepimpinan bertunas dari idea Ustaz Dato' Ahmad mentadbir negeri Kelantan dan menerajui PMBK sebagai sebuah badan pelaburan strategik negeri, Qiadah edisi ke-17 ini bolehlah dianggap cemerlang. Langkah bergaya ini pada ambo perlukan dokumentasi kemas dan jelas.

Sekali lagi ambo ucapan terima kasih atas segala bantuan dan tahniah kepada semua penggerak yang menjayakan penerbitan ini. Semoga jasa dan kerahan idea tuan/puan akan diganjari pahala oleh Allah SWT juga.

Sekian, terima kasih.

HAJI ABDUL RASHID MOHD YUSOFF
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PENGUKUHAN 3KERA MB

KEBERKATAN | KEMAKMURAN | KEBAJIKAN

Oleh: Mohd Asri Mat Daud

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dalam mentadbir kerajaan negeri telah menerapkan *Muwasofat Balad Al-Toyyib* dan menggubal satu wawasan untuk tempoh 5 tahun, penggal 2013 hingga 2018, iaitu;

"Menjadikan Kelantan negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan tadbir urus kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan visi, misi dan objektif dasar Membangun Bersama Islam."

Wawasan ini akan menggerakkan Kelantan melangkah ke hadapan, berpaksikan tiga tonggak utama iaitu keberkatan, kemakmuran dan kebajikan. Tiga tonggak ini saling berkaitan bahkan setiap satunya merupakan prasyarat kepada kewujudan antara satu sama lain. Pada hakikatnya, wawasan ini merupakan sahutan daripada anjuran firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan negeri yang baik, maka tanaman-tanamannya tumbuh subur dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik maka tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan lambat serta layu. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda kekuasaan Kami dengan pelbagai cara bagi orang-orang yang bersyukur." (Surah al-A'raf: 58).

Kelantan dan Keberkatan

Tonggak yang pertama iaitu keberkatan merupakan istilah yang tidak boleh difahami oleh pemikiran selain daripada Islam. Barakah bukan hanya membawa makna bertambah dan berkembang, tetapi perkembangan dan pembangunan yang perlu disepadukan dengan kebahagiaan dan ketenangan, yang membawa kepada pengertian kemakmuran kerana mendapat rahmat dari Allah. Negeri yang berkat dan makmur akan membawa kebajikan kepada rakyatnya.

Oleh itu, Ustaz Dato' Bentara Kanan sentiasa mengawasi agar setiap perancangan

dan pelaksanaan di setiap jabatan dan agensi kerajaan negeri dibangunkan berlandaskan hukum Islam yang sentiasa mengambil kira pandangan syariat sebelum diluluskan dan dilaksanakan. Inilah saluran yang boleh menjamin *barakah* dalam pentadbiran negeri.

Kunci *barakah* ada pada iman dan takwa. Keimanan tinggi akan membentuk peribadi taat dan patuh kepada Allah yang dimanifestasikan oleh amalan soleh. Ketakwaan pula membentuk satu keperibadian yang mengisi hari-hari kehidupan dengan penjagaan hukum syariat, tindakan dan pelaksanaan tugas secara berhati-hati dan berakhlik, supaya manfaatnya merangkumi dunia dan akhirat.

Kerajaan negeri telah menggariskan tiga bidang teras bagi mencapai matlamat keberkatan ini. Pertama ialah Agama dan Dakwah. Kedua; Pendidikan dan Pembangunan Insan. Dan Ketiga ialah Pentadbiran Awam. Dalam memainkan peranan di bidang Agama dan Dakwah, agensi-agensi yang terlibat seperti Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan yang selainnya telah berperanan dengan baik. Agama dan dakwah bukan hanya dilihat dari aspek *ta'lim* (sekadar memberi ilmu kepada rakyat) tetapi merangkumi aspek tarbiyah dan *ta'dib*, mendidik, mengasuh dan mengawal sehingga terbentuk satu penghayatan Islam yang *syumul*, dan terbina satu peradaban warisan yang unggul.

Bidang Pendidikan dan Pembangunan Insan juga turut menyumbang ke arah kehidupan yang *barakah*. Kerajaan negeri memiliki sistem pendidikan yang tersendiri dan unik, di bawah Yayasan Islam Kelantan yang dipertahankan hingga ke hari ini. Institusi ini dipertahankan kerana ia merupakan aset bernilai dan unik untuk membina generasi *ummah* mengikut acuan Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI).

Matlamat dan hasrat kerajaan negeri tidak akan menjadi realiti tanpa dijana oleh jentera pentadbiran awam yang kuat dan sehaluan.

Apabila kerajaan negeri telah meletakkan dasar MMBI, anggota perkhidmatan awam negeri di



bekalkan dengan tiga prinsip Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan. Konsep kerja sebagai ibadah ataupun Ubudiyah seharusnya telah sebat dalam diri penjawat awam sebagaimana berlarinya darah dalam tubuh badan masing-masing. Konsep integriti misalnya, bukan sekadar untuk mematuhi nilai-nilai murni ciptaan falsafah barat, tetapi diukur daripada neraca Mas'uliyyah yang melibatkan kebertanggungjawaban dan soal jawab di akhirat nanti. Begitu juga dalam usaha meningkatkan kecekapan, kualiti kerja dan produktiviti, ia hendaklah berasaskan kepada prinsip Itqan yang merangkumi segenap aspek kecemerlangan dunia dan akhirat.

Sehingga hari ini, banyak program telah berjaya diperkenalkan malah mendapat pengiktirafan dari pihak kerajaan Persekutuan. Transformasi perkhidmatan awam bukan sahaja perlu dilaksanakan di dalam persekitaran pejabat, bahkan yang lebih penting ianya dapat dirasakan oleh rakyat yang turut menjadi 'stakeholder' kepada jabatan-jabatan kerajaan.

Oleh itu, beliau sentiasa menggesa anggota perkhidmatan awam negeri agar bersedia dan turut menyumbang ke arah peningkatan prestasi dan produktiviti kerja dalam usaha memenuhi kehendak rakyat selaku pelanggan utama kerajaan negeri. Sementara kes-kes yang bercanggah dengan etika pentadbiran malah bercanggah dengan syariat Islam seperti ketirisan, cuai amanah, melanggar etika, bersubahat dan mendedahkan rahsia kerajaan telah diberi peringatan agar dielakkan di Kelantan sesuai dengan negeri yang membangun bersama Islam.

Kelantan dan Kemakmuran

Memacu tonggak kemakmuran di negeri ini, beliau telah memberi tumpuan kepada empat bidang utama bagi mencapai matlamat kemakmuran iaitu: pertama; Pengukuhan Kewangan Negeri. Kedua; Peningkatan Sosioekonomi rakyat. Ketiga; Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan, dan yang keempat; Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal.

Aspek Pengukuhan Kewangan Negeri adalah penting dalam menjayakan sesebuah kerajaan. Kerajaan perlu membuat pertimbangan bijak setiap masa untuk menjana kewangan yang mencukupi seterusnya mengguna dan menyalurkan kewangan tersebut agar segala tuntutan dan keperluan dapat disempurnakan.

Apa yang penting ialah kerjasama seluruh pentadbir dalam meningkatkan pemantauan dan memastikan pengurusan hasil yang cekap serta mengamalkan perbelanjaan berhemah sangat ditekankan oleh beliau.

Kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah merangka Hala Tuju Pembangunan Negeri bagi tempoh 10 tahun, bermula dari tahun 2015 hingga 2025. Segala perancangan telah disusun dalam kerangka "Dasar Pembangunan Negeri" yang telah digubal, iaitu;

"Pembangunan ekonomi dan kerohanian yang seimbang dan bersepadu untuk menjadikan negeri Kelantan sebuah negeri yang maju dan makmur dengan keberkatan dan keredaan Allah SWT."

Dasar Pembangunan negeri ini akan dipacu oleh 5 teras utama iaitu: pertama; Peranan Kerajaan Sebagai Pemudah Cara yang Efektif, kedua; Penglibatan Sektor Swasta yang Berdaya Saing Sebagai Peneraju Pertumbuhan, ketiga; Penerokaan Bidang Ekonomi Baru yang Terdiri Daripada K-Ekonomi, Bio-Ekonomi dan Green-Ekonomi, keempat; Modal Insan yang Kreatif, Inovatif dan Berkemahiran, dan kelima; Pemacuan Ekonomi Menerusi Pelestarian Sumber Alam Sekitar.

Dalam aspek Peningkatan Sosioekonomi Rakyat, sebagai tanggungjawab sebuah negeri dan kerajaan berkebajikan, beliau amat sedar tentang bilangan rakyat yang masih belum memiliki tapak untuk tempat tinggal. Bagi menjayakan hasrat tersebut, beliau telah berusaha memastikan program "Satu Keluarga Satu Rumah" dapat dijayakan sepenuhnya melalui program Rumah Mampu Milik.

Hal ini semata-mata untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat di samping meneruskan program Bantuan Rumah Dhuafa' yang diperuntukkan bagi tujuan penyenggaraan rumah-rumah dan pembinaan rumah di setiap Dewan Undangan Negeri untuk membantu meringankan beban rakyat yang kurang berkeupayaan serta membaiki dan mendapatkan rumah sendiri kepada mereka.

Dalam aspek Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan, beliau telah mengenal pasti sektor-sektor yang boleh diberi tumpuan iaitu sektor Perkhidmatan seperti bidang pelancongan yang perlu digerak dan dimajukan agar negeri Kelantan berjaya menjadi destinasi pilihan pertama pelancongan domestik. Selain itu, bagi meningkatkan kemasukan pelancong antarabangsa berasaskan penampilan negeri Kelantan sebagai hub-pelancongan Islam, warisan, budaya, kesenian dan eko-pelancongan.



Kelantan dan Kebajikan

Selaras dengan usaha menjadikan Kelantan sebagai Negeri Berkebajikan, maka penekanan kepada tiga bidang utama diberi fokus iaitu Kebersihan dan Kesihatan Rakyat, Khidmat Kebajikan dan Khidmat Perbandaran. Beliau menggesa para pendakwah dan guru-guru agama agar sentiasa memikul tugas mendidik dan mentarbiah rakyat supaya penghayatan Islam secara *syumul* dapat dibangunkan dengan jayanya.

Khidmat Kebajikan sememangnya mendasari setiap program kerajaan negeri seperti Tabung Serambi Mekah, Takaful Warga Emas, Takaful Armalah, Program Pembangunan Wanita, Program Ladang Rakyat, Skim Gerbang Az-Ziwaaj, Skim Al-It'aam, Bantuan Penyakit Kronik dan banyak lagi program yang menepati konsep negeri berkebajikan. Kebajikan yang sentiasa ditekankan ialah memastikan semua rakyat beriman kepada Allah dan mematuhi suruhan agama agar mereka selamat di dunia dan akhirat. Oleh kerana itu, kerajaan negeri sangat bertegas dan bersungguh-sungguh menjayakan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah supaya tertegak di Kelantan.

Kerajaan negeri juga memberi fokus kepada Khidmat Perbandaran yang baik dalam rangka menjaga kebajikan rakyat. Ini memerlukan perancangan bandar dan desa yang mengambil kira kawalan penggunaan tanah dan reka bentuk persekitaran bandar, termasuk jaringan pengangkutan bagi memandu dan memastikan agar pembangunan penempatan dan masyarakat dalam keadaan yang terancang. Semoga usaha mewujudkan *baldah toyyibah* di Kelantan terlaksana sepenuhnya dibawah keredaan Allah selari dengan pengukuhan 3K.

Hasil Pengukuhan 3K

Dalam tempoh pentadbiran Menteri Besar Kelantan yang baharu, beliau telah berusaha gigih dalam menyambung dan meneruskan apa yang telah diperjuangkan oleh Allahyarham Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Oleh itu, dasar dan amalan tadbir urus masih diteruskan dengan visi dan misi asal yang diasaskan sejak tahun 1990. Ia masih berpaksikan kepada visi mentadbir Kelantan berdasarkan sistem Islam dan *istiqamah* atas dasar Membangun Bersama Islam. Begitu pula pernyataan misinya masih meletakkan matlamat untuk memaju dan membangunkan rakyat dan negeri Kelantan menuju keberkatan, kemakmuran dan kebajikan yang dibina atas prinsip "Takwa Tonggak Pembangunan".

Ustaz Dato' Bentara Kanan telah membuat beberapa langkah pemerkasaan melalui pembentukan saf Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dianggap semakin mantap apabila mengukuhkan lagi penghayatan terhadap konsep *syura* dan kerjasama kepakaran ahli agama dengan *ikhtisas*. Ia merupakan suatu langkah untuk memperkuuhkan misi kepimpinan ulama mentadbir urus kerajaan dan parti.

Beliau telah melakukan penyusunan semula kedudukan portfolio ahli EXCO dan Timbalan dengan mengambil kira pengalaman dan kepakaran mengikut keperluan semasa. Ia sesuai dengan matlamat untuk



menambahkan keyakinan rakyat, pegawai tadbir dan pihak awam kepada keupayaan kepimpinan kerajaan negeri Kelantan pada zaman beliau. Sesuai dengan itu, usaha mendekatkan Kelantan dengan kerajaan negeri-negeri lain dan warga Kelantan yang bekerja di luar negeri juga telah dilakukan dengan lebih meluas. Dengan itu diwujudkan Portfolio Hubungan Seranta bagi membolehkan penyaluran maklumat kerajaan negeri dipercepatkan menerusi pusat-pusat aktiviti Kelantan di luar negeri.


Memperkuuhkan 3K juga telah diimbangkan dengan idea-idea dan usaha-usaha baharu. Oleh yang demikian, beliau turut mengumumkan pembubuhan Majlis Penasihat Ekonomi Negeri (MPEN) bagi mengumpul kepakaran dan idea bernalas untuk membantu pembangunan ekonomi negeri mendepani cabaran. Ia merupakan satu pendekatan baharu yang dikira lebih mesra dan produktif. Dengan demikian, kepimpinan baharu kini diberi peranan dan tanggungjawab mempengerusikan GLC yang sesuai dengan portfolio yang dipegang bagi menggerakkan pembangunan wilayah dan tempatan secara bersama.

Ustaz Dato' Bentara Kanan amat prihatin terhadap isu-isu integriti yang melibatkan ahli EXCO dan pegawai kerajaan. Sehubungan dengan itu, pengisytiharan harta dalam kalangan ahli EXCO dipersetujui sebagai melaksanakan pelan integriti pimpinan. Ia merupakan satu langkah positif demi meningkatkan budaya pentadbiran yang menghayati dan mengamalkan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan dalam semua urusan hidup, kebertanggungjawaban dan profesionalisme yang merupakan teras pentadbiran "Merakyatkan Membangun Bersama Islam".

Beliau sebagai Menteri Besar sentiasa mengingatkan bahawa usaha untuk membangunkan Negeri Serambi Mekah ini adalah usaha yang bersepdua untuk mencapai pembangunan; iaitu pembangunan untuk kepentingan dunia dan kepentingan akhirat. Maka hasilnya dibuat penilaian secara bersama yang sudah tentu tidak boleh dinilai untuk kepentingan dunia sahaja. Jika dinilai secara bersama, nescaya hasilnya sangat membanggakan. Dengan demikian, kejayaan demi kejayaan terlakar dalam arus pentadbiran kerajaan negeri melalui agenda pembangunan rakyat, pembentukan generasi anak muda berkarib, pendidikan wanita Kelantan yang berketerampilan dan gabungan usaha sama NGO-NGO dibawah naungan kerajaan negeri.

Tidak syak lagi, kepimpinan sekarang dibawah tadbir urus Ustaz Dato' Bentara Kanan telah mewarisi kepimpinan terdahulu yang sangat sesuai dalam segala gerak kerjanya untuk meneruskan pembangunan negeri ini mengikut panduan syariat Islam. Maka menjadi tanggungjawab rakyat di negeri ini untuk *istiqamah* memberi dukungan dan kepatuhan yang tidak berbelah bahagi. Q

**MERAKYATKAN
MEMBANGUN
BERSAMA
ISLAM**



KELANTAN MENTERI BESAR'S JOURNEY TO STRENGTHEN THE UMMAH



Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar of Kelantan has adopted Muwasofat Balad Al-Toyyib as the guiding essence of government, and has set a vision for a period of five years, from the year 2013 to 2018, which is:

"To establish Kelantan as a state where the people enjoying blessing, prosperity and welfare, well informed, prosperous, with optimization of outcome through efficient governance, transparent and with integrity in line with the vision, mission and objective of develop together with Islam tenets."

This vision that will push Kelantan forward is anchored to three main pillars that are blessing, prosperity and welfare. These three pillars are interconnected and each of them is pre-requisite to each other. In fact, this vision is inspired by the verse:

"And the good land - its vegetation emerges by permission of its Lord; but that which is bad - nothing emerges except sparsely, with difficulty. Thus do We diversify the signs for a people who are grateful" (Al-A'raf:58) source: <https://quran.com/7/58>

Kelantan and Blessings

The first pillar, blessing is a term that can not be easily understood by the thinking other than Islam. Blessing does not just mean increasing and growing, but it is growing and development that is integrated with happiness and serenity, which means prosperity that is achieved through blessings from Allah. A state that is blessed and properous will bring wealth to its' people.

On this note, Ustaz Dato' Bentara Kanan is constantly ensuring that all planning and implementations by government departments and agencies are in adherence to Islam, taking into account the shariah view before it is approved and implemented. This is to ensure the administration of the state government enjoys His blessings.

They keys to blessings are faith and piety. A person with strong faith will show his obedience to Allah through his good deeds while a person with piety will

strictly adhere to the shariah laws and execute his tasks carefully and with high moral values for his gain in this world and the hereafter.

The government of Kelantan has outlined three core areas to achieve god's blessing. First, religion and da'wah, second is education and human development and third is public administration. The agencies involved such as Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JHEAIK), Jabatan Mufti Negeri Kelantan and others have played their role accordingly. Religion and da'wah are not only seen from the angle of teaching but also includes the concepts of tarbiyah and ta'dib, educating, nurturing and regulating in order to form an understanding of Islam that is universal and to built an ideal civilization legacy.

Education and human development also contribute into achieving a blessed life. State government has their own unique education system under Yayasan Islam Kelantan (YIK) that maintained until today. This institution is maintained because it is a valuable and unique asset to nurture generation of ummah according to the framework of developing together with Islam.

The objectives and intentions of state government will not be materialized without a strong and united public administrative machinery. Since the state government has placed the principle of developing together with Islam, members of the public service are equipped with the principles of Ubudiyah, Mas'uliyyah and Itqan. The concept of working as an act of worship or Ubudiyah, must already blended within themselves. As an example, integrity concept is not only to adhere to positive values according to western philosophy, but measured in accordance to Mas'uliyyah which involved accountability not only in this world but also in the hereafter. Likewise, in order to improve efficiency, quality and productivity of work, it has to be based on the principle of Itqan which is encompassing all the aspect of excellent in this world and in the hereafter.

Until today, numerous programmes have been introduced, which received recognition from the Federal Government. The transformation of the public sector should not only carried out in the office environment, but what is more important is that, it will benefit the public who are the stakeholders of the government agencies and departments. Thus, Ustaz Dato' Bentara Kanan is constantly urging members of the state public service be prepared to contibute to the performance and productivity of services improvement in order to fulfill the needs of people as the main clients of the state goverment.

On the other hand, members of the public services has been reminded that any wrongdoings in the administration that is against administrative ethics, which also contradictory to Islamic law such as financial leakages, breach of trust, violation of ethics, aiding and abetting in exposing secret of the state must be avoided in according the the principle of develop together with Islam.

Kelantan and Prosperity

Driving the pillars of prosperity in Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan focus on four main areas in order to achieve the goals of prosperity which are, strengthening state finance, improving people's socioeconomic status, investments and economics development, and lastly infrastructure and physical development.

Strengthening the state finance is key in ensuring a successful government. A government must always make smart decision in order to generate ample revenue and channel it properly to fulfill all the needs and requirements. Hence, the Ustaz Dato' Bentara Kanan emphasized on wise management of funding and cooperation from all government servants to improve monitoring and to ensure efficient revenue management and most importantly to practice prudent spending.

The state government through State Economic Planning Unit has drafted the State Development Plan for 10 years, from 2015 to 2025. The plan is organized into the formulated "State Development Policy" which state;

"A balanced and integrated economic and spiritual development to make Kelantan into a State that is developed and prosperous with the blessings and pleasure of Allah SWT."

This State Development Policy is driven by five main pillars , which are; government as an effective enabler; involvement of a competitive private sector as a growth driver; exploring new economic field which consist of k-economy, bio-economy and green-economy; creative, innovative and skilfull human capital and driving economy through conservation of natural resources.

In relation to the improvement of people's socioeconomic status, which is responsibility of the state and as a prosperity state, Ustaz Dato' Bentara Kanan realizes about numbers of people who still do not have proper site for homes. Hence, to fulfill that intention, an affordable home programme, "One Family One Home" has been launched in order to ensure all the people of Kelantan can afford to own in all the State Assembly





in order to ease the burden of less fortunate people of Kelantan.

In the aspect of investment and economic development, Ustaz Dato' Bentara Kanan has identified sectors that should be given focus, namely service sector such as tourism, which need to be driven and developed for Kelantan to be first choice destination for domestic tourism. Besides that, to increase the arrival of international tourists, Kelantan will be promoted as an Islamic tourism hub known for its culture, heritage, art and eco-tourism.

Kelantan and Welfare

In accordance with the effort to turn Kelantan as prosperity state, there are three main focus area, which are cleanliness and people's health, welfare services and municipal services. Ustaz Dato' Benara Kanan urges preachers and teachers always taking charge to educate and nurture people to embrace the teachings of Islam totally.

Welfare services is the foundation of all of the State Government's programmes such as Tabung Serambi Mekah, Takaful Warga Emas, Takaful Armalah, Women Development Programme, Ladang Rakyat Programme, Al-Ziwaaj scheme, Al-It'aam scheme, Aid for Chronic Diseases and many more programmes that in accordance to prosperity state concept. The welfare that are always emphasized is to ensure all the people believe in Allah and adhere to the teaching of Islam so that they are safe in this world and in the hereafter. Hence, the state government is very serious and persistent to implement the Shariah Penal Code in Kelantan.

In order to take a good care of the welfare of the people, state government also focus on efficient municipal services. This is done by having town and rural planning that takes into account land usage and urban design, inclusive of systematic transportation network for drivers and to ensure well planned people and housing development. Hopefully, an effort to build Baldah Toyyibah in Kelantan will be fully achieved under the pleasure of Allah in accordance with strengthening of 3K.

The Outcome of Strengthening 3K

During the last four years of the administration of Ustaz Dato' Bentara Kanan, he has worked tirelessly to continue the legacy of the late Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Hence, the principle of the administration and governance remains with the vision and mission which founded since 1990. It is still based on a vision to administer Kelantan in accordance to Islamic system and to continue

UBUDIYYAH

BEING TRUE SLAVE OF ALLAH

MAS'ULIYYAH

ACCOUNTABILITY

ITQAN

PERSEVERANCE



Google images

with the principle of developing together with Islam. This is so for its mission statement which still emphasize to develop people and state of Kelantan towards blessing, prosperity and welfare which founded on principle of "Taqwa is the pillar for Development."

Ustaz Dato' Bentara Kanan has taken empowerment measures through formation of State Executive Councillor line up that is more sturdy with the consultation concept through cooperation of Islamic Scholars and professional. This is a step forward to strengthen the mission of Ulama Leadership in governance of state government and party.

The Chief Minister has reshuffled the portfolio of State Executive Councillor and Deputy Executive Councillor, taking into account their experiences and area of expertise according to current needs. This is done to increase the confidence of people, civil servants and public toward the state leadership capability during his tenure. Efforts are also taken to bridge the gap between Kelantan and other state governments and Kelantanese who are working and residing outside of the state. Hence, the portfolio of External Relations is formed to enable effective dissemination of state government information through Kelantan activity centres nationwide.

The 3K concept is further strengthened with various new ideas and initiatives. Ustaz Dato' Bentara Kanan has announced the formation of State Economic Advisory Council (MPEN) to gather expertise and new ideas to spur state economic development to face current challenge. This new approach will be friendlier and more productive. Hence, the new leadership lineup are now given the roles and responsibility of chairing Government Linked Companies (GLC) accor-

ding to their portfolios to spur local and regional development.

Ustaz Dato' Bentara Kanan very concerned on integrity issues involving executive councillors and state officers. With respect to that, executive councillors have come to an agreement to declare their assets in order to implement the leadership integrity plan. This is a positive step to improve a culture of administration that appreciate and practise the principles of ubudiyah, mas'uliyah and itqan in daily affairs, accountability and professionalism which are the essences of "Merakyat Membangun Bersama Islam" administration.

As the Chief Minister, Ustaz Dato' Bentara Kanan always remind that, the effort to develop Serambi Mekah (Kelantan) is an integrated effort; which are to gain worldly interest and in the hereafter, thus the outcomes cannot be assessed according to worldly interest only. If assess together, the result that achieved so far definitely can be proud of. Thus, multiple successes have been achieved by state government administration through the agenda of people development, shaping high calibre younger generations, skillful woman education and collaboration with non government organisation (NGO) under the patron of state government.

It is proven that the leadership of Ustaz Dato' Bentara Kanan has inherited the legacy of the previous leadership seamlessly to continue the state development in accordance to Islamic teachings. Therefore it is the responsibility of the people of Kelantan to remain steadfast in providing undying support and loyalty to current state leadership under Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakob. 

4 تاهون منtri بسر مغوكوه 3K کبرکاتن، کممورن، کباجیقن

أستاذ داتوء بنتارا كانن منتري بسر كلنت دالم منتدبیر کراجان نکری تله منرغکن مواصفات بلد الطیب دان مخکوبل سانتو واوسن اونتووق تیمفوه 5 تاهون، فعکل 2013 هیغکنا 2018، یایت:

"منجادیدن کلنت نکری يع رعيت منعماتي كبركتان، كمموران دان كجاجيقن، فنوه برمعلومه دان هيدوف يع سجهترا، دغۇن مغاۋەتىمومكىن حاصلىي مۇرسى عمالن أوروس تدبىر كراجان يع چكف، تلوس دان برىئنترىتىي سلارى دغۇن ئىسى، مىسى دان أوجىجىكتىيف داسىر مەباڭون برسام إسلام."

واوسن این اکن مغزگون کلتن ملغکه کهادن، برقسیکن تیکا توغکن اوتابم یایت کبرکاتن، کمموران دان کباجیقن. تیکا توغکن این اداله سالیغ برکایتن بهکن ستیاف ساتوٹ مروفاکن فراشر ط کفدا کوجودان انتارا ساتو سام لاین. فد حقیقت، واوسن این اداله ساهوتن درد فرمان الله سبحانه وتعالی یغ برمقصود:

(سورة الأعراف: 58)

کلنت دان کبر کاتن

توغّكق يغ فرتام يأيت كبرکاتن مروفاكن إصطلاح يغ تيدق بوليه دفهامي اوليه فميکيران يغ سلأين دري إسلام. براكه بوکن هاث ممبوا معنا برقمبه دان بركمبیخ، تنافي فركمباگن دان فمباغونن يغ فرلو دس فادوکن دغنز ک بهاکیأن دان کتناغن، يغ ممبوا کفدا فغرتیان کمموران کران مندافة رحمة دري الله. نکري يغ برکة دان معمور اکن ممبوا کيابیچن کفدارعيت.

أولیه ایت، یغامت بر حرمت استاذ داتوء بنتارا کانن سنتیاس معاوسي اکر ستیاف فرنچاغن دان فلقس—ان دستیاف جابتن دان اکینسی— کراجان نگری دباغونکن برلندرسکن حکوم إسلام يغ سنتیاس مخمبیل کیرا فنداغن شریعة سلوم دلو لو سکن دان دلقسانکن .اینله سالوران يغ بو لیه منحاصن برآکه دالم فنتدیران نگری.

کونخی برآکه ادا فد إيمان دان تقوی .كایهانن تیغکی اکن ممبنتوق فریبادی طاعة دان فاتوه کفدا الله، يغ دمانافستاسکن او لیه عمالن صالح. کتفوأن فولا ممبنتوق ساتو کفر بیادیان بیغ مغیسی- هاری- هاری کههدوفن

دغۇن فنجاڭان حکوم شريعة، تىندقىن دان فلقسى—انأن

توكس سچارا برهاتى-هاتى دان برأخلاق، سفاي منفعتى
مرغكومى دنيا دان أخيرة.

_____ھېغىڭا ھاري اين، باپق فروڭرم-فروڭرم تله برجاي
دفركىلەن مالە مندافتە فغاىعطرافن درى فيھق كراجان
فرسکوتوان. ترسفورماسى فرخدماتن عوام بوكن سهاج
فرلو دلسانكىن دادام فرسكتاران فجابت، بەكەن يىغلىيە
فتىيغ سفاي إيات دافە دراسكەن اولىيە رعيت يىغ توروت
منجادىي "stakeholder" كەفدا جابتن-جابتن كراجان.
اولىيە ايت، أستاذ داتوء بنتارا كانن سنتىاس مەشكىسا أغۇوتا
فرخدماتن عوام نكىرىي اكىر برسىديا دان توروت مېمۇنىغ
كۈرە فنيغىكەن فريستاسى دان فرودكتيؤيتىي كرج دام
أوسەها منۇھىي كەندىق رعيت سلاكىو فلغۇن ئوتام
كراجان نكىرىي. سەمنتارا كىيس-كىس يىغ برچىغىكە دغۇن
إيتىكا فنتدىيران مالە برچىغىكە دغۇن شريعة إسلام سفترىي
كىتىرىيەن، چواي أمانە، ملۇغىر إيتىكا، بىرسابەحة دان
منددهكەن رەسسىيا كراجان تله دبىرى فريغان ئاكىر
دایلىقكەن دكىلتەن سسۋايدغۇن نكىرىي يىغ مەمباغۇن برسام
إسلام.

كلىتن دان كمموران

ماماجۇ توڭىنلىق كمموران دنكىرىي اين، أستاذ داتوء بنتارا
كانن تله ممبرىي تومفووان كەفدا امفە بىدۇ ئوتام باڭىي
منچاپىي مەلامەت كمموران يائىت : فەرتام، فخۇكوهن
كاؤاڭن نكىرىي. كەدوا: فنيغىكەن سوسىيە ئىكونومىي رعيت.
كىتىكا: فەمباغۇن ئىنۋاستروكتور دان فيزىيكل.

اسفيق فخۇكوهن كاؤاڭن نكىرىي ادالە فنتىيغ دام منجادىكەن
سسبواه كراجان. كراجان فرلو مەمبوات فرتىمباغۇن بىيچق
ستىياف ماس، اوئنتوق منجانا كاؤاڭن يىغ منچوکو فىي
ستروست مەفرۇكۇنا دان مېالوركەن كاؤاڭن ترسبوت ئاكىر
سکالا تونتوتن دان كفرلowan دافە دىسمەفورنەن. اولىيە
كران ايت، فغۇرۇسن كاؤاڭن هندقلە بىيچق. اف يىغ فنتىيغ
كرجسام سلۇروھ فنتدىير دام منيغىتكەن فەمتاون دان
ممىتىكەن فغۇرۇسن حاصلىي يىغ چكى دان مەعەملەن
فرېلنجان بىرھىمە ساڭە دىتكەن ئولىيە مەنلىي بىر كلىتن.

كراجان نكىرىي ملالۇي ئونىت فرنچىخ ئىكونومىي نكىرىي
(UPEN) تله مرغىڭا ھالاتوجو فەمباغۇن نكىرىي باڭىي

كراجان نكىرىي تله مەغكارىيىس—كەن تىڭا بىدۇ ئىچ ترس باڭىي
منچاپىي مەلامەت كېركاتن اين. فەرتام اىيالە ئاكام دان دعوە.
كەدوا فندىدىيەن دان فەمباغۇن ئىنسان. دان كىتىكا اىيالە
فنتدىيران عوام. دام مەمائىنكەن فەرلان دېبىدۇ ئاكام دان
دعوە، أكىنسىي-أكىنسىي-يىغ ترلىيە سفترىي مجلسىس ئاكام
إسلام كلىتن، جابتن حال إحوال ئاكام إسلام نكىرىي كلىتن،
جابتن مفتىي نكىرىي كلىتن دان يىغ سلائىنەت تله بىرفران ئىچ دغۇن
بائىك. ئاكام دان دعوە بوكن هاث دليھە درى أسىف
تعلیم، سەقدەر مەمبرىي علمو كەفارەت، تەتاپىي مرغكومىي
أسفيق تربىية دان "تأدیب"، مندىدىق، مەعاسىوھ دان
مەقاول سەھىغىڭا تربىنتوق ساتو فەغىياتن إسلام يىغ شەمول،
دان تربىينا ساتو فرآدبىن وارىش يىغ أوغۇكول.

بىدۇ ئەندىدىيەن دان فەمباغۇن ئىنسان جوڭا توروت
مېمۇنىغ كۈرە كەھيدوفن يىغ براکە. كراجان نكىرىي مەمەلىقىي
سەيىستەم فندىدىيەن يىغ ترسىنديرىي دان أونىيڭ دباوه ياياسىن
إسلام كلىتن يىغ دفتراتەنەن كەنھىڭا كەھارىي اين.
ئىنسەتىپسىي اين دفتراتەنەن كران اىي مەرفاكەن ئۆسيت
برىنيلاي دان أونىيڭ أونتوق مەمبىنا كەراسىي أومە مەعەيكەت
أچوان مەرعىتكەن مەمباغۇن برسام إسلام.

مەلامەت دان حسرەت كراجان نكىرىي تىدق اكىن منجادىي
ريالىيە تىنفا دجاپا اولىيە جەنترە فنتدىيران عوام يىغ قواة دان
سەھالوان. افبىلا كراجان نكىرىي تله مەلتقەن داسىر مەرعىتكەن
مەمباغۇن برسام إسلام، أغۇوتا فرخدماتن عوام نكىرىي
دېكىلەن دغۇن تىڭا فەرىنسىيف عبودىيە، مەسئۇلىيە دان
إتقان. كونسىيف كرج سباڭىي عبادة اتالوفون عبودىيە
سەھاروست تله سباقىي دادام دىريي فنجاوت عوام سباقىيمان
برلارىيەت دارە دادام توبوه بدان ماسىخ-ماسىغ. كونسىيف
إینتەنگەتىي مثالىڭ، بوكن سەقدەر أونتوق مەماتوھىي نىلایي-
نىلایي مورنىي چىفتان فلسفە بارت، تەتاپىي داؤكۈر درى نىراچا
مەسئۇلىيە يىغ مەلبىتكەن كېرەتەنەن ئەنۋەن دان سوّال دأخىرە
نەتىي. بىكىتىو جوڭا دام أوسەها منيغىتكەن كچكاكافن، كوالىيە
كرج دان فرودكتيويتىي، اىي هندقلە برأسا سەكەن كەدا
فرەينسىيف إتقان يىغ مرغكومىي سەكەن اسفيق كچمەلاغۇن

واريشن، بودايا، كسنيان دان إيكو-فلنچوغن.

كلنت دان كباچيقن

سلارس دغۇن اوسەها منجادىكىن كلنت سباڭى نىڭرى بىر كباچيقن، مك فنكانىن كفدا تىڭا بىدۇ اوتام دېرى فوكوس يائىت كېرسىھەن دان كصىخاتنى رعىت، خدمە كباچيقن دان خەمە فەرىندارەن. يىغامت بىر حەرمەت أستاد داتوە بىنتارا كانىن مەڭكىسا فارا فەندىعە دان گۇرو-گۇرۇ ئاكام اكىر سەنتىياس مەمكۈل توڭس مندىدىق دان منتربىيە رعىت سەفايى فەغىتەن إسلام سچارا شەمول دافە دباغۇنلىك دغۇن جايىت.

خدمە كباچيقن سەممىخت منداسارى سەتىياف فروڭرم كراجان نىڭرى سەفرتى تابۇغ سەرمبى مەكە، تکاپل ورگا ئامس، تکاپل ارمەلە، فروڭرم فەمباغۇن وانىتا، فروڭرم لادۇغ رعىت، سكىيم الزواج، الإطعام، بىنتوان فېاكىيە كرونىك دان باپق لائىكى فروڭرم يىغ منفايىتى كونسىف نىڭرى بىر كباچيقن. كباچيقن يىغ سەنتىياس دەتكەن كفدا الله دان مەماتوھى سۈرۈھەن ئاكام اكىر سلامەت دەنەيا دان أخىرە. اولىيە كران ايت، كراجان نىڭرى ساغەت بىرتىكىس دن بىرسۇغۇكوه-سوغۇكوه منجايىكىن فلقسانان قانون جنایە شەريعە سەفايى تەركىق دەكتەن.

كراجان نىڭرى جوڭا مەمبىي فوكوس كفدا خەمە فەرىندارەن يىغ بىأيك دالم رەڭكە منجاڭا كباچيقن رعىت. اين مەمەلۇكەن فەنچاغۇن بىندر دان دىيسا يىغ مەمبىيەل كىرا كاولۇن فەنچەن تانە دان رىيکا بىنتوق فەرسەكىتارەن بىندر، تەماسوق جارىيەن فەنچەن، باڭى مەمندو دان مەمسىتىكىن اكىر فەمباغۇن فەنمفانىن دان مەشاركت دالم كادان يىغ تەرنچىغ. سەموڭا اوسەها موجودكەن بلدة طىبە دەكتەن تەرقىسان سەفونەت دبادە كريپستان الله سلارى دغۇن فەنچەن 3K.

حاصىل فەنچەن 3K

دالم تىمفوھ مەلفاسى 4 تاهون فەنتدىيەن منتىرى بىر كلنت يىغ بەهارو، بىلياو تله بىرأوسەها كىيڭىھە دالم پېمپۇغ دان مەرسەن اف يىغ تله دەرجواغەن كىنلىك اولىيە المەرحوم توانكۈرۈ داتوە حاج نىء عبد العزىز بن نىء مت. اولىيە ايت، داسى دان عمالن تدبىر أورۇس ماسيھە دەتروسەن دغۇن ئۆيىس دان مىسىي أصل يىغ دەساسكەن سەجق تاهون 1990. اي ماسيھە

تىمفوھ 10 تاهون، بىرمۇلا درى تاهون 2015 ھېيغەن 2025 سەكالا فەنچاغۇن تله دەسۋىسۇن دام كرڭىڭا داسى فەمباغۇن نىڭرى "يىغ تله دەكوبىل، يائىت:

"فەمباغۇن إيكۆنومى دان كروھانىن يىغ سەپامېش دان بىرسەفادو اونتوق منجادىكىن نىڭرى كلنت سبواھ نىڭرى يىغ ماجو دان مەممۇر دغۇن كېركاتەن دان كريپستان الله سبھانە وتعالى".

داسىر فەمباغۇن نىڭرى اين اكن دەفاچو اولىيە 5 تەرس أوتام يائىت: فەرتام، فرانز كراجان سەباڭى فەمودە چارا يىغ إيفىكتىف، كدوا: فەغلىباتن سېكتور سواستا يىغ بىردايا سائىغ سەباڭى فەراچو فەرمۇبەن، كىيڭا: فەرۋوڭان بىدۇغ إيكۆنومى بارو يىغ تەدىرىي درەدا K-EKONOMI، بايو-إيكۆنومى دان گەرین إيكۆنومى، كامفە، مۆدل إنسان يىغ كرياتىف، إينۋەتەتيف دان بىركماھىرەن دان كلىما، فماچوان إيكۆنومى مەرسىي فەلىستاريان سومېر عالم سەكتىر.

دالم اسفيق فەنچەن سوسيو إيكۆنومى رعىت، سەباڭى تەخکۈچجواب سبواھ نىڭرى دان كراجان بىر كباچيقن، منتىرى بىرى-كلنت اما سەر تەنچ بىلاغۇن رعىت يىغ ماسىيە بلوم مەمەلىقىي تافق اونتوق تەمەن تېغىڭىل. باڭى منجايىكەن حىرىت تەرسبەت، بىلياو تله بىرأوسەها مەمسىتىكىن فروڭرم "ساتو كلوارڭا ساتورومە" دافە دەجايىكەن سەفونەت مەلائىي فروڭرم رومە مەمفۇ مەليلقە.

حال اين اداھە سەمات - مات اونتوق كەلىسەن دان كسجهتەن رعىت دەسمەفيغ مەرسەن فروڭرم بىنتوان رومە ضەغۇفە يىغ دەفرأونتوقكەن باڭى توجوان فېڭىر ئەن رومە- رومە دان فەمىيەن رومە دەستىياف دیوان أونداغۇن نىڭرى اونتوق مەمبىنەت مەرىيەنكەن بىن رعىت يىغ كورۇغ بىر كەلۋاپايان سەرتا مەبایيقي دان مەدافەتكەن رومە سەندىرىي كفدا مەرىك.

دالم اسفيق إيكۆنومى دان فلاپوران، بىلياو تله مەعنەفسىتى سېكتور-سېكتور يىغ بولىيە دېرى تەرمۇوان يائىت سېكتور فەرخەمانەن سەفرتى بىدۇغ فەنچوغۇن يىغ فەرلۇ دەرگى دان دەماجۇكەن اكىر نىڭرى كلنت بىرجايى منجادى دەسەتىنەسى فيلىيەن فەرتام فەنچوغۇن دەمىسەتىك. سلائىن ايت، باڭى منىعېتكەن كەماسوقەن فەنچوغۇڭ أنتارابىغىسا بىرأسەسەن فەنمفيلىن نىڭرى كلنت سەباڭى حب-فەنچوغۇن إسلام،

ماسيه برفقسي يكن كفدا ؤيسي - منتديير كلنتن برأساسكن
سيستم إسلام دان إستقامه دأتس داسر ممباغون برسام
إسلام . بكتيو فولا فريپتان ميسيلت ماسيه ملتق肯 متلامه
اونتوق مماجو دان ممباغونKen رعيت دان نكري كلنتن
منوجو بركاتن، كمموران دان كباجيقن يغ ديبينا دأتس
فرينسيف "تقوى توغلق فمباغون".

أسدات ذاد بنتارا كانن تله ممبوات بيراف لغكه
فمر كاسأن ملالوي فمبنتوقن صف أهلي مجلس مشوارت
كراجان نثري يخ داغكف س ماكين منتف افبيلا
مثوكهكن لاثي فتحياتن ترهادف كونسييف شوري دان
كر جسام كفاكران أهلي أكام دغن إختصاص اي مروفاكن
سوات لغكه اونتوق ممفوكوهكن ميسى كفي瀛فين
علماء معهوروس تدبیر كراجان دان فاري.

أستاذ داتوء بنتارا كانز أمة في بهاتن تهادف إسسو - إسسو





INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU PENUBUHAN DAN HALA TUJU

Oleh: Mohd Fadli Ghani
Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Salah satu pembaharuan terawal yang diperkenalkan oleh Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan ketika mula mengambil alih kerajaan Kelantan daripada Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) ialah menubuhkan Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG). Asas utama penubuhannya adalah supaya pemikiran dan legasi Tok Guru terus digembangkan untuk memberikan suntikan idea kepada kerajaan Kelantan dalam mentadbir negeri mengikut acuan Islam. IPTG yang dipengerusikan oleh Dato' Menteri Besar Kelantan iaitu Ustaz Dato' Ahmad Yakob, telah melantik Tok Guru sebagai Murabbi Ummah selaku pemikir utama di institut ini.

Sejarah Penubuhan IPTG

Persaraan Tok Guru sebagai Menteri Besar Kelantan mulai 5 Mei 2013 iaitu sebaik sahaja Pilihan

Raya Umum Ke-13 berakhir telah menyebabkan secara rasminya, khidmat Tok Guru kepada negeri Kelantan turut berakhir setelah 23 tahun menabur bakti di Kota Darulnaim. Ustaz Ahmad selaku Menteri Besar Kelantan yang baru telah melihat hal ini sebagai satu kerugian kepada kerajaan dan seluruh rakyat Kelantan. Beliau mencetuskan idea supaya sebuah institut pemikiran ditubuhkan untuk terus menjana pemikiran dan legasi Tok Guru demi kepentingan agama dan seluruh rakyat Kelantan.

Bagi tujuan tersebut, IPTG telah ditubuhkan pada bulan Jun 2013 dengan seorang bekas Pegawai Tadbir Negeri, Dr. Che Samsudin Mohamed Noor dilantik sebagai Pengarah IPTG. Langkah awal penubuhan IPTG ini bermula apabila idea Ustaz Ahmad telah dibentang dan diluluskan oleh Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kali Ke-10/2013 pada 15 Mei 2013. Ia diikuti pembentukan Jemaah Fellow IPTG yang

dipengerusikan sendiri oleh Ustaz Ahmad sebagai sebuah badan pentadbir (board of governors) kepada IPTG. IPTG mula beroperasi di tingkat bawah, Blok Dewan Undangan Negeri, Kota Darulnaim mulai Jun 2013.

Visi dan Misi IPTG

Penubuhan IPTG dengan tujuan untuk melanjutkan legasi pemikiran Tok Guru telah menggariskan visi dan misinya bagi mencapai tujuan tersebut. Visi IPTG ialah untuk menjadi pusat rujukan utama pemikiran Tok Guru dan pemikir-pemikir Islam di seluruh dunia sebagai suntikan semangat dalam merealisasikan wawasan dan menterjemahkan kesyumulan Islam dalam kehidupan bernegara melalui dasar Membangun Bersama Islam (MBI). Secara mudahnya, visi ini diungkapkan sebagai ‘menjadikan IPTG sebuah institusi yang mengembangkan dasar MBI berdasarkan kepimpinan ulama.

Sedangkan misi IPTG adalah melaksanakan program latihan, kajian dan pembangunan bagi melahirkan jentera kerajaan dan masyarakat yang memenuhi kehendak dasar MBI. Ia adalah satu peranan untuk membantu kerajaan mengembangkan dasar Membangun Bersama Islam atas prinsip Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan (UMI), selain menyemarakkan konsep kepimpinan ulama dalam kerajaan Kelantan.

Bagi mencapai visi dan misi ini, IPTG telah menggariskan tiga objektif utamanya iaitu:

- i. Mewujudkan sebuah institusi yang dapat mengabadikan legasi kepimpinan ulama dalam jentera kerajaan negeri;
- ii. Menjadi sebuah institusi rujukan, latihan dan pengembangan dasar MBI dan prinsip UMI; serta
- iii. Menjadi pusat penyelidikan dan pengembangan bagi pentadbiran kerajaan negeri Kelantan. Sejak dari awal penubuhannya, IPTG telah disasarkan untuk menjadi sebuah institusi kecemerlangan pentadbiran dan pemerintahan yang mempunyai tiga komponen iaitu aktiviti keilmuan, perpustakaan dan pusat sumber serta pusat penyelidikan dan pengembangan.

Aktiviti keilmuan yang dibangunkan adalah berdasarkan kuliah agama, syarahan akademik, seminar dan forum secara berkala melibatkan aspek pembangunan, pentadbiran dan pemerintahan mengikut kaca mata Islam; manakala komponen perpustakaan dan pusat sumber akan menghimpunkan semua bahan yang dihasilkan oleh Tok Guru dan kajian berkaitan dengannya, selain bahan-bahan rujukan berkait dengan pemikiran, sejarah, tamadun dan falsafah Islam.

Dalam komponen penyelidikan dan pengembangan, akan diwujudkan kumpulan pemikir pelbagai kluster yang berperanan menggali dan membangunkan idea-idea baru untuk melanjutkan legasi Tok Guru, sekali gus membantu Menteri Besar yang baru.

Hala Tuju IPTG

Setelah tiga tahun beroperasi sejak Jun 2013, IPTG yang telah melalui sejarahnya dengan kehilangan Murabbi Ummah, Tok Guru pada 13 Februari 2015, terpaksa mengorak langkah bagi mengembangkan peranan dalam mencapai visi dan misinya. Pada 29 Mac 2016, IPTG telah membincangkan cadangan supaya satu *retreat* diadakan untuk merangka hala tuju IPTG setelah setahun pemergian mantan Menteri Bekas Kelantan itu. Dalam *retreat* IPTG yang diadakan pada 28 Julai 2016, lima hala tuju IPTG telah digarisukkan melibatkan aspek legasi kepimpinan ulama, pemikiran dan tamadun Islam, kajian dasar, pengembangan pengajian *thaqafah* Kelantan serta latihan dan pengukuhan.

Dalam konteks legasi kepimpinan ulama, IPTG akan memberikan fokus untuk membangunkan kesedaran rakyat tentang peranan ulama dalam memimpin *ummah*, meningkatkan peranan ulama dalam pentadbiran kerajaan dan intitusi masyarakat serta memperluaskan ruang kajian tentang institusi keilmuan Islam dan para ulama Kelantan sepanjang zaman. Dengan legasi kepimpinan ulama yang menjadi teras dasar MBI di bawah prinsip UMI, IPTG akan menjadi institusi kajian dasar bagi kerajaan negeri Kelantan dengan membugarkan semula pemikiran Tok Guru untuk menjadi rujukan pentadbiran dan membantu kerajaan negeri melanjutkan legasi beliau dengan pembentukan dasar berdasarkan Islam.

Selain tumpuan untuk terus menggali mutiara ilmu yang ditinggalkan oleh Tok Guru, IPTG juga turut mengembangkan seluruh warisan keilmuan Islam yang dibangunkan oleh para ulama, pemikir dan sarjana Islam sejak era klasik hingga ke zaman kontemporari. Aspek-aspek sejarah dan tamadun yang terbangun dalam tempoh lebih 1,000 tahun sejak berdirinya kerajaan Islam di Madinah pada tahun 622 Masihi adalah relung ilmu yang sangat luas untuk dikaji dan diadaptasikan oleh Kelantan.

Ternyata para ulama, pemikir dan sarjana Islam telah membangunkan kerangka-kerangka teori politik, pemikiran dan tamadun Islam yang kuat dalam menghadapi perkembangan ideologi dan pemikiran moden yang mengugat ketulenan pemikiran Islam hari ini. Aspek serangan pemikiran seperti Islam liberal adalah antara ancaman yang akan ditangani oleh IPTG.





Pen-pen yang biasa digunakan oleh Tok Guru dalam urusan pentadbiran sehari-hari.

IPTG juga secara optimis melihat peluang Kelantan yang sangat cerah kerana ramainya alim ulama, cendekiawan dan cerdik pandai dalam kalangan anak-anak Kelantan, serta banyaknya kajian akademik yang dibuat tentang segala aspek berkait dengan Kelantan. Dalam konteks ini, IPTG akan membangunkan pengajian *thaqafah* Kelantan melalui Persidangan Tahunan Pengajian Thaqafah Kelantan bagi mengekalikan Kelantan sebagai pusat keilmuan, membangunkan semua cabang ilmu berkait dengan Kelantan serta menggalakkan kajian-kajian ilmiah Kelantan.

Bagi mengembangkan kesedaran rakyat dalam menghayati dasar MBI, atau yang disebut oleh Ustaz Ahmad sebagai ‘Merakyat Membangun Bersama Islam,’ seluruh komponen dasar tersebut perlu disampaikan ke setiap corong telinga rakyat melalui program latihan dan juga pengukuhan. IPTG akan membantu agensi-agensi latihan sedia ada dari segi menyediakan modul, jurulatih, fasilitator dan sebagainya untuk memastikan seluruh kerangka dasar kerajaan negeri dapat disampaikan kepada rakyat. Keberkesanan program latihan dan pengukuhan ini akan meningkatkan kejelekitan antara rakyat dan kerajaan, sekali gus mengukuhkan dukungan rakyat terhadap kepimpinan ulama di Kelantan.



Ustaz Ahmad Yakob tidak mengubah bilik MB, seakan mahu kekal aura Allahyarham Tok Guru.

IPTG dalam tonggak Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan

Ketika Ustaz Ahmad menyampaikan ucapan sempena 25 tahun dasar MBI pada tahun 2015, beliau telah menggariskan sasaran untuk Kelantan Melangkah Ke Hadapan berpaksikan tiga tonggak utama iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Tiga tonggak ini bukan sahaja meletakkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang sentiasa mendukung pelaksanaan syariat dalam semua urus tadbirnya, tetapi juga turut menjadi kerajaan yang berintegriti berdasarkan prinsip UMI, sehingga melimpah keberkatan dari langit dan bumi kepada negeri Kelantan.

Walau bagaimanapun, keberkatan yang disasarkan ini mestilah bergerak serentak dengan usaha pembangunan fizikal, pertumbuhan ekonomi, penyediaan infrastruktur dan agihan kekayaan yang adil dan seimbang sehingga seluruh rakyat merasai kemakmuran yang dilimpahkan oleh Allah kepada negeri ini. Kemakmuran ekonomi mesti diseimbangkan dengan kemajuan kerohanian sehingga dunia benar-benar menjadi jambatan menuju akhirat.



Buku ‘Tok Guru, Sebuah Catatan Perjalanan Spiritual’ mengisahkan pelbagai aspek kehidupan Allahyarham Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat.



Selain keseimbangan antara rohani (keberkatan) dan jasmani (kemakmuran), percantuman kedua-dua tonggak ini akan membawa kepada keseimbangan kehidupan rakyat antara golongan kaya dan miskin. Budaya *ta'awun* (tolong-menolong), belas kasihan, berperikemanusiaan dan seumpamanya juga mesti bergerak serentak supaya kebajikan seluruh rakyat dapat digembangkan. Sedangkan kemuncak kebajikan itu adalah mentaati Allah dan Rasul-Nya.

Dalam konteks mencapai dasar MBI dengan prinsip UMI yang bertonggakkan Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan, IPTG menjadi satu institusi penting dalam membantu kerajaan untuk mengkaji, membangun dan mengembangkan aspek-aspek yang berkaitan, mengukuhkan kefahaman rakyat terhadap dasar dan hala tuju kerajaan serta memastikan seluruh program pembangunan yang seimbang ini memenuhi kehendak rakyat dan peraturan syariat.

Penutup

Setelah tiga tahun IPTG melangkah dalam membantu kerajaan untuk mengukuhkan dasar MBI, Alhamdulillah kini IPTG telah berjaya melaksanakan beberapa peranan walaupun dalam skala yang masih kecil sesuai dengankekangan yang ada. Sekalipun usia masih diperingkat bertatih dankekangan kewangan, IPTG tetap optimis untuk terus aktif membantu kerajaan dalam Merakyatkan Membangun Bersama Islam, sekali gus melanjutkan legasi kepimpinan ulama yang diwariskan oleh Allahyarham Tok Guru. ☺





MEWUJUDKAN PORTFOLIO HUBUNGAN SERANTA

Oleh: Abdul Malik Abd Karim
Foto: UKMB dan UPKN

Sebagai sebuah kerajaan negeri yang menekankan keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, kepimpinan Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan pada hari ini adalah kesinambungan dasar Membangun Bersama Islam yang diperkenalkan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

Dengan agenda Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI), kepimpinan Ustaz Dato' Bentara Kanan telah membuat beberapa tindakan dan pembaharuan untuk memperkasakan lagi pentadbiran dan pembangunan negeri Kelantan antaranya dengan mewujudkan Portfolio Hubungan Seranta di bawah Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta.

Tujuan utama adalah bagi membolehkan penyaluran maklumat kerajaan negeri dipercepatkan menerusi pusat-pusat aktiviti Kelantan di luar negeri. Di samping itu, ia juga dapat memastikan anak-anak Kelantan yang berada di perantauan dapat merasai apa jua polisi yang digariskan oleh kerajaan negeri se-terusnya dapat menjaga kebajikan mereka.

Menyedari akan peranan tersebut, Unit Hubungan Seranta (UHS) telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan bil. 11/2013 yang bersidang pada 19 Rejab 1434H bersamaan 29 Mei 2013 telah bersetuju menubuhkan satu portfolio baru yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta dipengerusikan oleh Dato' Haji Mohd Nassurudin bin Haji Daud.

Matlamat dan objektif lain ialah ke arah memenuhi kepentingan kerajaan negeri dalam segi hubungan politik, penerimaan maklumat, idea serta input semasa, dan penyebaran sosiobudaya dan dakwah bersama dengan warga perantau Kelantan di merata tempat (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan luar negara).

Hal ini kerana peningkatan bilangan rakyat Kelantan yang bekerja dan menjalankan pelbagai aktiviti di serata tempat semakin ramai. Maklumat yang diperolehi daripada Persatuan Anak Kelantan Perantauan Malaysia (PERAKAN Malaysia) tidak kurang 300 ribu orang yang aktif bermobilisasi (pergi-balik) sepanjang musim. Jadi ia menjadi satu kemestian kepada kerajaan negeri Kelantan untuk berusaha membentuk satu jaringan perhubungan supaya segala input dan output dapat dikongsi secara betul dengan kumpulan sasar.

Jaringan perhubungan ini begitu strategik memandangkan kumpulan mahupun individu warga perantau secara langsung atau tidak langsung telah memberi banyak sumbangan dalam pelbagai bidang pembangunan negeri termasuklah insaniah, politik, ekonomi dan sosiobudaya, demi *survival* kerajaan negeri Kelantan.

Golongan perantau dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu golongan produktif sosioekonomi (penjawat awam, pekerja swasta, peniaga dan lain-lain) dan golongan pelajar (universiti, pusat latihan, pondok, sekolah dan lain-lain).

Dari segi taburan, rakyat bermobilisasi itu boleh dibahagikan mengikut lokasi iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, dan luar negara (Thailand,

Indonesia, Mesir, Jordan, Arab Saudi, Amerika Syarikat, Eropah, India, Jepun, China dan lain-lain).

Sehubungan dengan itu, UHS menjadi platform untuk penyaluran maklumat yang tepat berkaitan falsafah, dasar dan program MMBI secara berkesan dalam melahirkan warga Kelantan yang berilmu, berakhlik dan bermuafakat.

Selain itu, objektif penubuhan juga adalah membina hubungan baik antara kerajaan negeri Kelantan dan warga perantau Kelantan yang berada di serata tempat di samping mewujudkan jaringan dan kerjasama dengan warga perantau Kelantan demi kepentingan bersama.

Program yang dirangka oleh UHS juga bertujuan untuk memperkuatkkan kerjasama bagi melaksanakan usaha dakwah, pembangunan Islam dan penerangan melalui kerjasama di peringkat dalam dan luar negeri. Antara program yang telah dijalankan ialah Program Mesra Anak Kelantan di Perantauan, penerangan dan dialog, santai anak muda dan sebagainya.

Hasilnya, dengan penubuhan UHS ia menunjukkan betapa pihak kerajaan negeri Kelantan cakna terhadap hubungan seranta selari dengan amalan negeri berkebajikan dalam pelbagai perkara termasuklah memupuk ukhuwah dan kesetiaan warga perantau kepada tempat lahirnya, serta menggarap dan menyalurkan idea baru demi membina keutuhan dan kemajuan negeri Kelantan dalam apa jua bentuk pembangunan yang menuju keberkatan, kemakmuran dan kebajikan rakyat.

Juga, memastikan warga perantau yang cukup umur mendapat kesedaran Islam dan demokrasi demi kestabilan politik Kelantan berteraskan pengukuhan *maqasid syariah* demi *survival* pelaksanaan pentadbiran kerajaan yang mesra syariah.



Sumber: UPKN Kelantan



Pemberian sumbangan raya kepada anak-anak PERAKAN menceriakan lagi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016.

Sumber: Facebook Dato' Nassuruddin Daud



Berpandukan objektif di atas, pelbagai strategi diberi penekanan iaitu:

Strategi mengukuh dasar dan kepimpinan: Melaksanakan kesemua dasar kerajaan negeri berdasarkan visi dan misi dengan strategi Hubungan Seranta yang mengukuhkan amalan MMBI di bawah kepimpinan ulama.

Strategi merapat hubungan dengan warga perantau: Merancang dan bekerjasama dengan semua pihak bagi menjayakan apa jua program/aktiviti yang boleh merapatkan hubungan warga perantau dengan kepimpinan kerajaan negeri Kelantan.

Strategi hubungan dengan pertubuhan perantau: Membina hubungan dengan mana-mana entiti/pertubuhan berkaitan warga perantau Kelantan, terutama PERAKAN Malaysia, kerana entiti-entiti ini merupakan duta/penghubung kerajaan negeri.

Strategi hubungan strategik: Menjalin hubungan strategik dengan PERAKAN Malaysia sebagai NGO tempat berkumpul bagi semua persatuan/Kelab Anak Kelantan luar Kelantan.

Majlis Sambutan 10 Tahun PERAKAN Malaysia




Seminar PERAKANITA 2016



Kejohanan Futsal PERAKAN Juara-juara Zon Piala Menteri Besar Kelantan



Majlis Dialog PERAKAN Tawau.



Strategi kestabilan kerajaan: *Isitiqamah* dalam memastikan kestabilan hubungan bagi membina *ukhuwah* dan maklumat warga perantau dengan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan.

Kesimpulannya, kejayaan tugas dan tanggungjawab UHS ini bergantung kepada kerjasama langsung dengan semua pihak yang berkaitan dengan matlamat dan objektifnya.

Di samping itu, penubuhan UHS merupakan satu inisiatif pembaharuan yang diperkenalkan oleh kepimpinan Dato' Ustaz Ahmad Yakob bagi memastikan anak-anak Kelantan di perantauan sentiasa berada dalam agenda kerajaan negeri Kelantan iaitu MMBI.

Sesungguhnya, idea mewujudkan hubungan seranta menunjukkan sifat cakna kepimpinan Menteri Besar Kelantan terhadap anak Kelantan yang berada di perantauan dan kejayaannya bergantung kepada komitmen serta kerjasama semua pihak yang berkaitan. Oleh itu, ia memerlukan tindakan proaktif dan progresif dalam memastikan perancangan tahunan dapat diselaraskan dengan semua pihak yang terlibat. ☺

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bersama Perakan



Majlis Mesra Aidilfitri Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan di Perantauan menjadi aktiviti tahunan setiap 2 Syawal. Ini merupakan masa yang sesuai menghimpunkan anak-anak perantau yang pulang berhari raya di kampung halaman bersama pimpinan kerajaan negeri.





REALITI PEMERKASAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH NEGERI KELANTAN

Oleh: Dr. Mohd Azhar Abdullah, Timbalan Ketua Eksekutif (HEP), KIAS

Mungkin ramai tidak menyangka kesungguhan kerajaan negeri Kelantan memperkasa keadilan undang-undang jenayah syariah sampai ke tahap kerajaan Persekutuan mengizinkan usul pindaan Akta 355 di parlimen. Perjalanan onak berduri dalam tempoh 24 tahun bermula dari tahun 1993, satu bukti nyata keikhlasan pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam, kukuh dan konsisten sehingga kini.

Sewajarnya kita mengambil iktibar atas nasib yang menimpa Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M yang mendapat persetujuan Diraja pada 2 September 2002, kemudian diwartakan pada 25 September 2003, tetapi akhirnya sepi tanpa berita setelah Barisan Nasional mengambil alih pemerintahan Terengganu daripada parti PAS.

Kerana itu, wajar kita bersyukur langkah berani tahun 1993 meluluskan Enakmen Kanun Jenayah (II) 1993 satu usaha dakwah yang besar kepada sejarah perundangan syariah di Malaysia, bahkan dunia Islam. Orang yang berhati kecil dan minda yang kalah sahaja tidak menghargai kebaikannya.

Tok Guru pencetus momentum pemerkasaan

Rahsia pemerkasaan undang-undang jenayah syariah negeri Kelantan yang menjadi contoh adalah pelaksanaan secara menyeluruh dan menurut *roadmap* secara bijaksana. Tahap pembentukan dan pengukuhan melalui jentera-jentera kerajaan negeri Kelantan secara bersepadu, khususnya tiga jawatankuasa penting iaitu; Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan, Jawatankuasa Sekretariat yang dipengerusikan oleh EXCO Pembangunan Islam, Dakwah dan Hubungan Seranta, dan Jawatankuasa Pindaan Rang Undang-Undang dipengerusikan oleh Ketua Hakim Syarie.

Tiada siapa boleh menafikan faktor kesegeraan Usul Pindaan Rang Undang-Undang Akta 355 diterima untuk dibentangkan oleh Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, Ahli Parlimen Marang di parlimen pada 26 Mei 2016 adalah bertolak daripada kegigihan dan kebijaksanaan kerajaan negeri Kelantan sejak tahun 2011. Ramai orang tidak mengetahui bahawa Allahyarham Tok Guru merupakan pencetus dan watak utama kepada momentum besar ini. Pada 7 Oktober 2011, Allahyarham Tok Guru menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi mengangkat Kanun Jenayah Syariah Kelantan ke tahap penguatkuasaan yang realistik.

Antara langkah yang dikenal pasti ialah mencari jalan bagaimana kerajaan Persekutuan boleh memberikan laluan bagi mengatasi sekatan-sekatan di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan seperti pindaan Akta 355, kerjasama pihak polis dan penjara.

Apabila Tok Guru tidak lagi memegang jawatan Menteri Besar Kelantan pada Mei 2013, Ustaz Dato' Hj. Ahmad Yakob (Dato' Bentara Kanan) meneruskan misi tersebut tanpa menoleh ke belakang lagi. Cita-cita murni Tok Guru untuk mendaulatkan Islam menjadi sebatи sehingga nafas terakhir, beliau berwasiat kepada anakandanya, "ayah nak walaupun tutup mata (mati), hudud kena buat juga di Kelantan."

Hasilnya, tertubuhnya satu Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan pada Julai 2014. Jawatankuasa ini diberikan tanggungjawab mengemukakan cadangan bagi melancarkan usaha kerajaan negeri Kelantan melaksanakannya pada tahun 2015. Malangnya cadangan pindaan Akta 355 seperti yang dirancang oleh kerajaan Persekutuan tertangguh atas sebab-sebab teknikal. Atas alasan tersebut, kerajaan negeri Kelantan berpendapat, langkah bijaksana adalah membawa pindaan Akta 355 melalui Rang Undang-Undang Persendirian ke parlimen dan adalah tidak objektif menunggu tindakan lanjut pihak kerajaan Persekutuan yang belum dipastikan tarikhnya, sedangkan kerajaan Kelantan mempunyai *roadmap* tersendiri.

Kuasa kita meminda Akta 355

Profesor Ahmad Ibrahim menegaskan, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Pindaan 1984 perlu dipinda kerana dua sebab utama. Pertama, Akta 355 adalah akta induk yang terpakai dan mengikat semua enakmen jenayah syariah di negeri-negeri. Kedua, Akta ini menghadkan hukuman denda tidak lebih RM5000, tidak lebih 6 sebatan dan tidak lebih 3 tahun penjara. Kedua-duanya adalah halangan perundangan yang besar kepada pemeriksaan Mahkamah Syariah menurut tuntutan Islam yang sebenarnya.

Dalam enakmen jenayah syariah di Malaysia telah terkandung empat kesalahan hudud iaitu zina, qazaf, arak dan murtad. Siapakah yang akan bertanggungjawab di hadapan Allah SWT nanti atas kesalahan zina? Kerana seksyen 11, Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan yang telah berusia 50 tahun hanya memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih tiga tahun, denda tidak lebih RM5,000 dan sebatan enam



kali. Hukuman zina bagi seksyen 11 ini terang-terangan bercanggah dengan hukuman sebanyak 100 kali dalam ayat 2, surah an-Nur.

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan menegaskan, pindaan Akta 355 satu kewajipan yang perlu disegerakan, bukan ditangguh lagi bak kata pu-jangga, "perkara baik elok disegerakan, nanti akan banyak pula karenahnya di hadapan". Pindaan ini akan memberi laluan kepada Mahkamah Syariah untuk berfungsi sesuai dengan nama dan bidang kuasanya, serta menjunjung maksud Perkara 3, Perlembagaan bahawa Islam adalah agama rasmi yang sifatnya tertinggi dan menjadi cara hidup pengikut agama Islam di negara ini.

Kita sememangnya mempunyai kemampuan untuk meminda Akta 355 secara realiti, kerana melibatkan pindaan dan penambahbaikan seksyen 2 sahaja iaitu Akta 355 yang telah wujud dan terpakai sejak tahun 1965 dan bukan menggubal satu Akta baru yang belum wujud. Dalam pada itu, hanya memerlukan sokongan majoriti mudah, iaitu 112 sokongan ahli parliment di Dewan Rakyat. Daripada 222 ahli parliment, 136 ahli parliment adalah beragama Islam.

Kelantan bersiap sedia

Isu kesediaan ini sengaja dipolemikkan oleh sesetengah pihak kerana motif tertentu yang sebenarnya tidak perlu dilayan. Jika kerajaan Kelantan tidak mempunyai pelan pelaksanaan yang komprehensif, sudah tentu hayatnya mati di tengah jalan. Namun, kerajaan negeri Kelantan bertindak berdasarkan pelaksanaan bukan tertumpu kepada penggubal dan meluluskan Kanun Jenayah Syariah sahaja, tetapi mengambil kira semua sistem dan bahagian teknikal yang berkaitan. Ia termasuk:

- I. Semakan dan penambahbaikan enakmen undang-undang prosedur yang menyokong enakmen jenayah syariah (undang-undang substantif). Semaikan ditumpukan kepada dua enakmen prosedur penting, iaitu Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan No. 9/2002 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Mahkamah Syariah Negeri Kelantan No. 8/2002. Rang Undang-Undang Pindaan Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah Negeri Kelantan No. 8/2002 sedang disiapkan di peringkat terakhir untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang telah diadakan pada bulan Julai 2017. Sesungguhnya bukan mudah menyemak enak-



yang melibatkan pakar dan prosedur tertentu. Sebanyak 14 kali pertemuan dan bengkel secara berterusan sejak tahun 2015.

II. Tidak munasabah kesalahan dan hukuman, serta hudud dan qisas diperkasa sedang kesalahan hukuman takzir tidak diberikan perhatian. Pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan No.2/1985 dirangka sejak tahun 2015, seiringan dengan draf Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015 dan telah disiapkan oleh Jawatankuasa Sekretariat. Rang Undang-Undang ini tidak dibentangkan kerana menunggu pindaan Akta 355 bagi mengelakkan penggubalan dua kali perkara yang sama.

Enakmen kesalahan-kesalahan takzir yang dicadangkan ini disifatkan menyeluruh yang mengandungi 83 seksyen, berbanding Enakmen 1985 hanya 34 seksyen. Banyak kesalahan baru diperuntukkan seperti kesalahan mengubah jantina, jual beli secara riba, memakan harta anak yatim, penyalahgunaan tanda halal, menghalang perhimpunan agama Islam, menggalak kemungkar dan tidak menuaikan solat fardu.

III. Pengasingan Jabatan Pendakwa Syarie daripada pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dan Bahagian Penguatkuasaan Syarie pada Disember 2015 bagi meningkatkan tahap pencapaian keadilan syarie. Sebelumnya semua negeri di Malaysia, meletakkan Bahagian Pendakwa Syarie dan Penguatkuasaan Syarie di bawah satu pentadbiran jabatan hal ehwal agama. Pengasingan Jabatan Pen-

dakwa Syarie ini sangat praktikal sebagai satu badan bebas. Ia merupakan langkah pertama di Malaysia yang dimulakan oleh negeri Kelantan, kemudiannya dicontohi oleh Selangor dan Wilayah Persekutuan pada tahun 2016 dan Perak pada tahun 2017.

Malah, cadangan terbaru yang sedang dipertimbangkan ialah untuk mengasingkan Bahagian Penguatkuasaan daripada JAHEAIK bagi memaksimumkan keadilan.

IV. Membuat Kaedah-kaedah Hukuman Kanun Jenayah Syariah, khususnya hukuman hudud dan qisas. Kaedah ini dibentuk melalui Muzakarah Penyediaannya di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan yang melibatkan pakar-pakar, termasuk mufti, akademik, perubatan, perundangan sivil dan syarak seluruh Malaysia. Bagi mengukuhkannya, kerajaan negeri Kelantan telah membuat lawatan untuk meninjau pelaksanaan hudud dan qisas di Aceh, Brunei dan Qatar.

Hasil pendekatan dakwah

Faktanya, kanun hudud dan qisas 1993 Kelantan adalah yang pertama dalam versi Melayu di Nusantara. Ia ibarat letupan "bom besar" yang mengejutkan ramai daripada lena dan kebekuan pemikiran disebabkan terkurung dalam pemahaman undang-undang jenayah syariah yang sempit seperti isu khalwat dan pondan sahaja. Ia memberi kesan besar kepada perkembangan ilmu dan pelaksanaannya di mana

menjadi rujukan kepada Aceh dan Brunei serta pengajian undang-undang di universiti-universiti. Hari ini Aceh dan Brunei berjaya menguatkuasakan hudud dan qisas secara berperingkat di mana Kelantan yang memulakan langkah tersebut dan manfaatnya untuk Islam sejagat.

Kerajaan negeri Kelantan lebih yakin memberikan penerangan kepada semua masyarakat. Malah, gelombang dakwah penerangan kini lebih hebat, khususnya terhadap pemimpin, pentadbir dan masyarakat melalui media, ceramah, bengkel, kuliah dan sebagainya termasuk sambutan Hari Hudud setiap tahun. Langkah ini merupakan satu tugas besar bagi kerajaan Kelantan kerana seolah-olah memikul keseluruhan program penerangan Pindaan Akta 355. Arahan dikeluarkan kepada pihak berkuasa negeri, pejabat agama, Pihak Berkuasa Tempatan untuk bekerjasama memberi penerangan kepada masyarakat Kelantan seluruhnya. Kemuncaknya, pada 12 Januari 2017 solat munajat peringkat negeri Kelantan telah diadakan di Padang Majlis Daerah Machang.

Hasilnya, 18 Februari 2017, pelbagai lapisan masyarakat seluruh Malaysia berhimpun menjadi lautan ungu di padang Merbok, menzahirkan sokongan kepada pindaan RUU Akta 355. Sekali gus, keyakinan umat Islam kepada keadilan hudud semakin meningkat, termasuk keyakinan orang bukan Islam. Kajian Universiti Malaya ke atas responden berbangsa Cina terhadap soalan; adakah hukum hudud boleh dilaksanakan di Malaysia walaupun masyarakatnya berbilang kaum dan agama, meningkat daripada 12% kepada 24% dalam tempoh setahun dari Oktober 2011 hingga September 2012.

Kesimpulannya, seluruh jentera mempercaya undang-undang jenayah syariah di Kelantan terus bergerak mengikut momentum *roadmap* secara bijaksana. Hasil tuaianya sudah dekat untuk kita nikmati bersama, jika kita terus *istiqamah* dan bijaksana. Rakyat Malaysia akan melihat negeri Kelantan ialah negeri pertama yang akan melaksanakan pembaharuan undang-undang jenayah syariah apabila Akta 355 diluluskan di parliment kelak. Kita berdoa agar usaha ini menjadi realiti dan diredhai oleh Allah SWT. Q



Sultan Brunei menerima mengadap Menteri Besar Kelantan bagi merakamkan ucapan tahniah di atas kejayaan Kerajaan Brunei melaksanakan Kanun Perintah Jenayah Syariah 2013 dan seterusnya mengadakan hubungan kerjasama erat bagi pelaksanaan hukum hudud.



Kelantan merealisasikan penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri bagi memperkuatkkan pelaksanaan hukum hudud di Kelantan.



Menteri Besar Kelantan membentangkan Pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 yang mengandungi hukum hudud di persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan.

PROGRAM DIPLOMA TASAWWUR ISLAM

BINA POTENSI PEGAWAI TADBIR NEGERI



Oleh: Mohd Asri Mat Daud & Muhammad Najid Abdullah
Foto: UKMB dan UPKN

Program Diploma Tasawwur Islam merupakan satu cetusan idea Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan bagi mendapatkan nilai tambah asas ilmu agama khasnya dalam melengkapkan lagi visi kerajaan negeri iaitu Merakyatkan Membangun Bersama Islam. Sudah tentu apabila pegawai-pegawai tadbir negeri mempunyai ilmu yang mendalam dalam pengajaran Islam, maka segala tindak-tanduk mereka akan lebih terarah.

Usaha kerajaan negeri melaksanakan program ini adalah untuk menambahkan kefahaman berkaitan tuntutan Islam khususnya dalam mentadbir serta meneruskan apa yang telah diperjuangkan oleh pemerintah Khulafa Ar-Rasyidin. Hal ini bertujuan untuk meninggikan agenda ilmu dalam pentadbiran, sekali gus menjadikannya sebagai indikator dalam tadbir urus. Ia bersesuaian dengan firman Allah:

“Maka bertanyalah kamu, kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui”, (Surah An-Nahl: 43).

Jika disoroti kesan sejarah Tamadun Islam, penyusunan agenda pendidikan secara institusi mula disusun secara baik pada zaman Khalifah Umar Al-Khattab apabila beliau mendirikan pusat-pusat pengajian Islam di Kota Basrah, Kufah, Fustat dan sebagainya. Guru-guru agama telah dihantar ke pusat-pusat pengajian berkenaan sementara imam-imam pula dihantar ke masjid-masjid. Para pegawai dan pentadbir kerajaan dihantar ke pusat pengajian Islam yang didirikan bagi mendalami kandungan kitab suci al-Quran dan hadis sebagai panduan dalam mentadbir negara.

Begitulah juga dengan pentadbiran kerajaan negeri yang mahu menjadikan Kelantan sebagai model dalam pentadbiran sebagaimana acuan pemerintahan

Khulafa' Ar-Rasyidin yang sangat mementingkan agenda pembangunan Ilmu Tasawwur Islam dan juga pendidikan tinggi. Agenda ilmu pada hakikatnya merupakan agenda yang boleh merubah sesebuah negeri atau negara itu menjadi semakin membangun dan maju.

Asas ilmu inilah juga yang diterapkan oleh kerajaan Kelantan agar agenda pembangunan dapat dibangunkan berteras akidah Islamiah sebagai kunci yang menaungi seluruh aspek perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri. Menyedari hakikat tersebut, Program Tasawwur Islam telah diterapkan kepada pegawai-pegawai tadbir kerajaan negeri yang merupakan tulang belakang dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan. Antara tujuan utama program tersebut ialah:

- i. Menerapkan nilai-nilai agama Islam dalam sistem pentadbiran dan pengurusan kerajaan negeri;
- ii. Membentuk pegawai agar menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam sektor perkhidmatan awam;
- iii. Melahirkan pegawai yang bersedia untuk berubah dan menjadi contoh dalam masyarakat.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan wang untuk membayai yuran pengajian serta makan dan minum peserta bagi menamatkan kursus ini dengan anggaran RM42,900.00 bagi satu siri, dan hingga kini kursus berkenaan telah berjaya dilaksanakan hingga siri ketiga. Sebelum ini, peserta Program Tasawwur Islam siri I telah ditawarkan kepada Pegawai Tadbir Negeri sahaja. Setelah mendapat maklum balas yang sangat baik, peserta Program Tasawwur Islam siri II dan siri III telah dibuka kepada pegawai-pegawai Gred 41 ke atas di lain-lain jabatan negeri seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Veterinar, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan lain-lain.

Kerajaan negeri benar-benar mengimpikan pegawai-pegawai kerajaan negeri Kelantan tidak hanya cekap dalam pekerjaan semata-mata, bahkan mempunyai ilmu keagamaan yang tinggi. Impian kerajaan negeri memiliki pegawai tadbir yang boleh menjadi imam di masjid-masjid, boleh membaca doa di dalam sesuatu majlis bahkan mampu menjadi pengkuliahan dalam bidang agama di masjid-masjid apabila diminta. Semoga usaha yang mulia ini berjaya sepenuhnya. ☺



Majlis Graduasi Program Sijil Tasawwur Islam siri ke-2 2015.



Penerima Sijil Tasawwur Islam siri ke-2 2015.

Program Diploma Tasawwur Islam

Majlis Pelancaran Siri 1 (2013/2014):

21 Zulhijjah 1435H

Bersamaan 16 Oktober 2014

Tempat:

**Dewan Bunga Teratai,
Kompleks Kota Darulnaim,
Kota Bharu**

Pelancaran Oleh:

Menteri Besar Kelantan



کومونیٹی Komuniti



"di hati"

Jom sertai komuniti DnD dan dapatkan KAD KOMUNITI Dnd anda hari ini

**PENDIDIKAN • KEUSAHAWANAN • MOTIVASI
KEMAHIRAN • SUKAN**

**MAHAR • TABUNGAN • INFQAQ • MUAMALAT • KOMUNITI
DINAR • DIRHAM • WAFER**

"Seutama-utama dinar yang dinafkahkan oleh seseorang lelaki ialah dinar yang dinafkahkan kepada keluarganya, dan juga dinar yang dinafkahkan kepada kenderaan untuk berjuang fi-sabilillah dan pula yang dinafkahkan kepada sahabat-sahabatnya untuk berjuang fisabilillah juga."
(Riwayat Muslim)



KELANTAN GOLD TRADE SDN BHD
SUKRIKAT MELAKU PERDAGGAN MENTERI KESIHATAN KELANTAN BHD
Pt 473 Tingkat Bawah, Bandar Baru Tunjong
15100 Kota Bharu Kelantan

019-931 3901 (Pusat Jualan DnD LTSIP)
09 747 4900 (Pusat Jualan Bazar Tok Guru)
09-7441901 (Pejabat)



MAAHAD SAINS TOK GURU

PENERUS AGENDA MELAHIRKAN MODAL INSAN BERKUALITI

Oleh: Wan Roslan Wan Hamat

Foto: UKMB

Menuntut ilmu dalam Islam diwajibkan ke atas setiap muslim lelaki mahupun perempuan seperti mana sabda Nabi SAW:

"Menuntut ilmu adalah fardu ke atas setiap muslim" (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Bagi meneruskan agenda mendorong tuntutan syariat bagi melahirkan generasi yang hidup berteraskan ilmu dan mengamalkan gaya hidup beragama, kerajaan negeri Kelantan telah menubuhkan Maahad Sains Tok Guru. Penubuhan Maahad Sains Tok Guru berkONSEPkan asrama penuh yang dibina di Pengkalan Chepa dan peletakan batu asas telah disempurnakan pada 6 Februari 2014, iaitu seawal setahun pentadbiran Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob (Dato' Bentara Kanan) sebagai Menteri Besar Kelantan. Sekolah ini diberi nama Maahad Sains Tok Guru bagi menghargai ketokohan Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) sebagai bapa pendidikan yang telah mentransformasikan sistem pendidikan di negeri Kelantan hingga dikenali sebagai Negeri Tadahan Wahyu.

Objektif Penubuhan

Maahad Sains Tok Guru merupakan salah satu produk kerajaan negeri Kelantan di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri bagi pembinaan Maahad Sains Tok Guru di atas tapak seluas 4.8 hektar ialah RM12.4 Juta. Pengambilan pertama pelajar telah dilakukan pada Januari 2017 di mana seramai 120 orang pelajar terpilih lepasan UPSR telah diambil.

Tujuan penubuhan Maahad sains Tok Guru adalah bagi melahirkan modal insan yang profesional dalam ilmu perubatan dan agama. Ini sekali gus dapat mengembalikan zaman kegemilangan ilmu perubatan Islam yang dipelopori oleh Ibnu Sina yang juga dikenali sebagai Bapa Kedoktoran. Ilmu Perubatan dan Falsafah Ibnu Sina telah dijadikan rujukan oleh pakar ilmu perubatan dunia. Semoga usaha kerajaan negeri Kelantan membudayakan sifat Islam yang menyeluruh daripada semua aspek kehidupan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa Islam dan bidang profesional itu saling bergantungan dan memerlukan antara satu sama lain.

Pengislaman Kurikulum

Pelaksanaan sistem kurikulum pendidikan Maahad Sains Tok Guru adalah gabungan Kurikulum Arab Agama mengikut Kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar dan kurikulum kebangsaan Kementerian Pendi-

dikan Malaysia. Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada Pengajian kitab Turath (klasik) yang merangkumi kitab Bahasa Arab, kitab Hadis, Fiqh dan Akhlak. Tujuannya adalah untuk mencapai agenda kerajaan negeri Kelantan yang mahu memastikan pendidikan agama di Kelantan terus berkembang dan se-terusnya dapat melahirkan modal insan kelas pertama yang berkualiti dalam kalangan lepasan sekolah-sekolah YIK.

Bahasa Pengantar dan Komunikasi

Pengajaran dan Pembelajaran di Maahad Sains Tok Guru berasaskan kemahiran berbahasa. Bahasa Melayu dan Bahasa Arab dijadikan bahasa pengantar, manakala Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris pula dijadikan bahasa komunikasi. Bagi memastikan para pelajar dapat menguasai bahasa selain daripada bahasa Melayu, pelaksanaan *bi'ah* berbahasa Arab dan Bahasa Inggeris diperkenalkan. Selain itu, pelbagai program dan aktiviti pengukuhan berbahasa Arab dan Bahasa Inggeris disediakan seperti Pusat Bahasa "Shelter Center", *Khathabah 'Amma*, latihan menulis, praktikal perbualan, penyampaian kosa kata, penggunaan makmal bahasa dan media elektronik serta pelbagai lagi.





Perasmian tapak kompleks Maahad Sains Tok Guru di Pengkalan Chepa.

Penerus Transformasi Pendidikan Kelantan

Sesuai dengan Kelantan di bawah kepimpinan ulama dengan dasar Membangun Bersama Islam, kebajikan dalam pendidikan rakyatnya terus diberi tumpuan dan penekanan. YIK mula menubuhkan aliran Sains pada tahun 1993 di Maahad Muhammadi Lelaki dan Maahad Muhammadi Perempuan. Kemudiannya, YIK terus mengambil langkah proaktif mengembangkan aliran Sains Tulen di Maahad Pengajian Islam, Maahad Muhammadi Pasir Mas, Maahad Amir Indera Petra Bachok dan Maahad Muhammadi Tumpat.

Ia diikuti dengan penubuhan Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, Maahad Tahfiz Sains Nurul Aman, Maahad Muhammadi Gua Musang, Maahad Rahmaniah Kuala Krai dan kini, Maahad Ahmadi Tanah Merah serta Maahad Sains Tok Guru. Kewujudan maahad aliran sains tulen berkenaan dijangka bakal melahirkan lebih ramai tokoh sains berjiwa Islam yang mampu berada di hadapan dalam menyahut cabaran dunia globalisasi.

Pembentukan kerohanian amat sesuai dilakukan ketika alam persekolahan. Perancangan rapi dalam jadual harian Pelajar Maahad Sains Tok Guru telah disusun oleh pihak pengurusan YIK bagi memastikan para pelajar memenuhi masa dengan sebaiknya. Pengisian masa harian pelajar adalah seperti prima jadual harian pelajar Sekolah Berasrama Penuh. Bezanya ialah pengisian harian pelajar di Maahad Sains Tok Guru dipenuhi juga dengan halaqah ilmu, kelas hafazan, usrah dan pelbagai aktiviti yang memantapkan kerohanian para pelajar. Inilah transformasi sistem pendidikan yang menjadi kebanggaan YIK di bawah pentadbiran kerajaan negeri Kelantan yang mengimpikan kelahiran generasi pelapis kepada dakwah Islamiah yang berjaya dalam ilmu akademik dan kerohanian.



Maahad Sains Tok Guru mempunyai bangunan kompleks sendiri, dilengkapi dengan asrama, makmal bahasa dan komputer serta padang bola sepak.



Infrastruktur

Bagi mendukung cita-cita pendidikan baru dunia Islam yang bukan sahaja mengembalikan pendidikan Islam tradisi kepada kedudukan yang kompetitif, ilmu profesional ke dalam kerangka Islam juga perlu disediakan perancangan dan kemudahannya. Selain daripada dibimbing oleh tenaga pengajar yang terbaik daripada bidang masing-masing, Maahad Sains Tok Guru juga menyediakan pelbagai kemudahan lengkap antaranya bangunan sekolah, dewan serba guna, makmal, masjid, rumah guru serta taman mini.

Diharapkan dengan kecekalan dan keazaman yang tinggi kerajaan negeri Kelantan dalam mengutamakan pembangunan insan dan pendidikan, Kelantan akan terus memperoleh keberkatan yang rakyatnya hidup dalam kemakmuran dan kebijakan terus menjadi perhatian utama. Q





IDEA KEANTARABANGSAAN MENTERI BESAR KELANTAN

Foto: UKMB dan UPKN



MENERIMA
KUNJUNGAN
PELABUR-PELABUR
DARI NEGARA
ARAB.





KUNJUNGAN
MENTERI BESAR
KELANTAN KE
KEDIAMAN
DUTA THAILAND
SEMPENA
MENGHORMATI
KEMANGKATAN
RAJA THAILAND.



JALINAN MESRA
MENTERI BESAR
KELANTAN DENGAN
KERAJAAN
NARATHIWAT



MAJLIS
MAKAN MALAM
UNIVERSITI
MADINAH
DAN BERSAMA
WAKIL ISTANA.



KUNJUNGAN
HORMAT DARI
KEDUTAAN
AMERIKA
SYARIKAT.



PERJUMPAAN
BERSAMA
WAKIL
ARAB SAUDI



Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam

Oleh: Dr. Wan Nik Wan Yussof
Pengarah, Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan

Latar belakang

Pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam telah menyambut ulang tahun jubli perak pada tahun 2015. Sudah tentu nilai dan fakta kejayaan dasar Membangun Bersama Islam akan menjadi fokus untuk dilihat oleh seluruh warga negeri Kelantan dan pihak luar.

Sehubungan hasrat Menteri Besar Kelantan yang mahu dirangka satu perancangan agar “memasyarakatkan” dasar Membangun Bersama Islam secara menyeluruh, demi melihat kadar penerimaan dan penghayatannya meningkat dalam kalangan warga negeri Kelantan.

Justeru satu perancangan strategik telah diadakan bagi memastikan pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam bagi penggal keenam ini dapat dijayakan dengan cemerlang dalam tempoh lima tahun (2014-2018). Hasilnya satu pelan strategik ‘Merakyatkan Membangun Bersama Islam’ (MMBI) telah siap dan dilancarkan pada 6 Mei 2014.

Urus Setia

Urus setia pelan strategik ini ialah urus setia bersama MMBI di bawah Pejabat Menteri Besar dengan kerjasama Pusat Kajian Strategik negeri Kelantan dan Urus Setia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan. Setakat ini Pusat Kajian Strategik bertindak sebagai penyelaras kepada urus setia tersebut. Sementara itu, dokumen pelan strategik MMBI telah pun diedar kepada pihak atau agensi yang terbabit.

Pelaksana

Pelaksana bagi pelan strategik ini ialah pelbagai agensi kerajaan negeri Kelantan. Kandungannya berupa program, projek dan aktiviti yang disusun di bawah tujuh mercu tanda pelan strategik berupa objektif bagi memenuhi matlamat, iaitu:

1. Amalan kebersihan
2. Menyempurnakan solat
3. Pembangunan pendidikan
4. Menyuburkan kebudayaan dan kesenian
5. Menangani gejala sosial
6. Menerajui pembangunan ekonomi Islam
7. Penyelidikan dan penilaian.

Konsep Memasyarakatkan

Bagi mencapai maksud ‘memasyarakatkan’ [Kamus Dewan: memperkembang dan menyebarkan sehingga

meresap ke dalam masyarakat, menjadikan tersebar (terkenal dan sebagainya) dalam kalangan masyarakat, meluaskan pengetahuan tentangnya atau penggunaannya dan sebagainya dalam kalangan masyarakat].

Konsep Merakyatkan

“Merakyatkan” ditakrifkan oleh Kamus Pelajar dan Kamus Dewan sebagai menyebarkan sesuatu ilmu, amalan (baik) dan sebagainya secara meluas kepada seluruh rakyat; menyebarluaskan ilmu, amalan dan sebagainya kepada rakyat: ilmu kebudayaan harus dirakyatkan agar ilmu itu tidak menjadi urusan sarjana, kaum elit dan golongan cendekiawan semata-mata.

Oleh kerana takrif “**merakyatkan**” dan “**memasyarakatkan**” didapati tidak jauh bezanya yang berkisar kepada persoalan proses menyebar luas ilmu kepada rakyat (masyarakat), maka panel perancang bersetuju menamakan pelan strategik ini sebagai **Pelan Strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam**. Justeru persoalan pokok di sebalik takrif “memasyarakatkan” dan “merakyatkan” ialah ke arah memenuhi persoalan bagi pembangunan insan iaitu:

1. Memberikan pengetahuan
2. Meningkatkan pemahaman
3. Memastikan penerimaan
4. Menggalakkan penghayatan
5. Memakmurkan amalan

Ke arah mencapai realiti dasar Membangun Bersama Islam dalam kalangan rakyat.

Matlamat

Sehubungan dengan konsep dan persoalan di atas, maka matlamat MMBI ini ialah “mendidik” masyarakat agar bersikap “mesra” dengan dasar Membangun Bersama Islam, lantas “komited” kepada semua usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri Kelantan.

Bagi memenuhi matlamat ini, maka visi MMBI ialah menyebarluaskan dasar Membangun Bersama Islam untuk difahami, diterima, dihayati dan diamalkan secara meluas dalam kalangan rakyat Kelantan.

Sementara misi MMBI ialah menggerakkan agensi kerajaan melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan semua lapisan rakyat mempunyai pengetahuan, kefahaman, penerimaan, penghayatan dan pengamalan yang selari dengan prinsip Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan.

Moto

"Keberkatan, kemakmuran dan kebajikan semua rakyat"

Orientasi Pelaksanaan Strategi Merakyat
Membangun Bersama Islam

Orientasi

Orientasi strategik ialah berasaskan **lima konsep pendidikan** kepada kumpulan sasar (rakyat) seperti mana rajah berikut:



Sehubungan dengan itu, misi setiap agensi pelaksana ialah mendedahkan pengetahuan tentang aspek dasar Membangun Bersama Islam kepada kumpulan sasar agar pemahaman berlaku secara meluas. Program yang dilaksanakan diharap akan menghasilkan penerimaan pelbagai lapisan rakyat (sepertimana sasaran). Lapisan rakyat yang memahaminya sudah tentu akan bersedia menerima, kemudian akan bersedia melakukan penghayatan secara individu mahupun menerusi kelompok masing-masing. Apabila penghayatan berlaku secara meluas sudah pasti kesannya akan meningkatkan lapisan rakyat yang bersedia dengan amalan yang selari dengan dasar Membangun Bersama Islam.

Oleh itu, penyelesaian orientasi kepada lima persoalan pokok (seperti dalam rajah di atas) adalah ke arah memenuhi matlamat MMBI iaitu pendekatan "mendidik" masyarakat agar bersikap "mesra" dengan dasar Membangun Bersama Islam, lantas "komited" kepada semua usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri Kelantan. Sekali gus memenuhi tuntutan visi dan misi pendekatan MMBI ke arah menyebar luas dasar Membangun Bersama Islam dengan menggerakkan agensi pelaksana agar mencapai objektif tujuh teras MMBI sepertimana dijelaskan melalui rajah berikut:

7 TERAS MMBI



Kekangan

Suatu hakikat, pemantauan khusus pihak urus setia bersama MMBI tentang pelaksanaan oleh agensi terbabit belum pernah dibuat secara rasmi. Ini disebabkan kewujudan urus setia bersama di bawah SPARK (Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar Kelantan) sebenarnya masih belum berlaku sepenuhnya.

Oleh kerana itu, menjelang empat tahun usia Pelan Strategik MMBI ini, suatu langkah pemurnian perlu dibuat, termasuklah memastikan pembentukan Urus Setia Bersama MMBI dapat memenuhi fungsinya.

Memahami moto MMBI

Keberkatan merupakan petunjuk pencapaian setiap program di bawah dasar MMBI dari segi mendapat keredaan Allah. Sementara lapisan rakyat sebagai penerima menikmati keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Di sana berlaku pematuhan dan penghayatan amalan hidup yang berpaduan syariah atau tidak melanggar akhlak yang diajar oleh Islam. Nilai keberkatan sebenar ialah menerima Islam sebagai cara hidup yang syumul.

Kemakmuran pula merujuk kepada kemajuan dan pembangunan sosio-ekonomi yang berkaitan dengan mutu hidup dan jaminan hidup sehari-hari dan masa depan. Ia turut menyentuh aspek limpahan rezeki yang merata kepada semua lapisan rakyat dan tingginya amalan berkebajikan berlegar dalam masyarakat. Nilai utama kemakmuran ialah berlaku peningkatan mutu dan keserasian hidup kesan kemakmuran sehingga meringankan bebanan atau terbebas daripada tekanan hidup.

Kebajikan adalah manifestasi dari pada pencapaian nilai keberkatan dan kemakmuran hasil pelaksanaan program, aktiviti dan projek pembangunan berpaduan dasar MMBI. Apabila mencapai tahap pembangunan yang seimbang, maka ia petanda keberkatan dari Allah SWT dan meningkatnya tahap kemakmuran sosioekonomi dalam kalangan rakyat Kelantan.

Kesan daripadanya akan meningkatkan amalan berkebajikan (fastabiql khairat) dalam masyarakat. Sekali gus akan menyuburkan amalan saling membantu, kerjasama dan perkongsian (ta'awun) antara pelbagai lapisan masyarakat yang berbilang kaum dan agama serta adat tradisi.

Perancangan strategik

Perancangan strategik bagi menghasilkan pelan strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) telah diadakan pada 23 hingga 24 April 2014 di Perdana Resort. Mendasari perancangan strategik tersebut ialah **tiga prinsip utama** teras pentadbiran dan pengurusan kerajaan negeri Kelantan di bawah Dasar Membangun Bersama Islam- Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan.

Sementara rujukan dalam perancangan tersebut adalah kandungan **enam dasar utama kerajaan negeri Kelantan** yang sedia ada. Setiap satunya terdapat dalam bentuk pekeliling, enakmen, dasar dan aktiviti yang dilaksanakan iaitu:

1. Dasar Pentadbiran Kerajaan berteraskan Syariat

- i. Pekeliling Pentadbiran (Cuti Dua Hari Seminggu)
- ii. Pekeliling Pentadbiran (Cuti Ibu Bersalin)
- iii. Pekeliling Pentadbiran (Cuti Kematian Pasangan)
- iv. Pekeliling Pentadbiran (Bekerja Berdekatan/Mesra Pasangan)

2. Dasar Perundangan dan Kehakiman

- i. Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) Pindaan 2015
- ii. Mengemas kini Enakmen Kekeluargaan

3. Dasar Kebudayaan dan Kesenian

- i. Enakmen Kawalan Hiburan
- ii. Dasar Pelancongan

4. Dasar Pembangunan Pendidikan

- i. Dasar Pendidikan YIK
- ii. Penubuhan KIAS di bawah YAKIN
- iii. Dasar Bantuan Pendidikan Pra-sekolah (PASTI)
- iv. Dana Pendidikan Negeri Kelantan
- v. Institut Latihan Perguruan Kelantan

5. Dasar Pembangunan Ekonomi

- i. Enakmen Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)
- ii. Enakmen Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat (PPLRK)
- iii. Enakmen Perbadanan Tunjong
- iv. Enakmen Perbadanan Tok Bali
- v. Enakmen Perbadanan Pertanian Kelantan
- vi. Dasar Bertani Satu Ibadah
- v. Majlis Penasihat Ekonomi Negeri Kelantan

6. Dasar Pembangunan Sosial

- i. Dasar Pembangunan Wanita
- ii. Dasar Pembangunan Belia
- iii. Dasar Keluarga Mawaddah
- iv. Dasar Pembangunan Insan
- v. Dasar Kebajikan dan Kesejahteraan

Mercu tanda

Di dalam kandungan perancangan strategik MMBI telah dirumuskan dalam tujuh aspek mercu tanda (**Teras Kejayaan**) dasar Membangun Bersama Islam. Ia telah dimasukkan berpandukan orientasi matlamat MMBI.

- 1. Amalan kebersihan**
- 2. Menyempurnakan solat**
- 3. Pembangunan pendidikan**
- 4. Menyuburkan kebudayaan dan kesenian**
- 5. Menangani gejala sosial**
- 6. Menerajui pembangunan ekonomi sosial**
- 7. Penyelidikan dan penilaian**

Ketujuh-tujuh aspek dimuatkan dalam peta pelan strategik dengan memperincikan objektif dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang harus dicapai berasaskan penetapan program/projek/aktiviti. Pelaksanaannya melibatkan komitmen agensi pelaksana sebagai PIC (Person in Charge) dengan sasaran pencapaian dalam tempoh 2014-2018.

Kesemua maklumat pelan strategik MMBI dijelaskan sebagaimana butiran dalam setiap mercu tanda (teras kejayaan) daripada kandungan peta pelan strategik. Dalam penulisan ini, setiap mercu tanda dinyatakan KPI objektif dan program/projek/aktiviti yang diputuskan yang perlu dilaksanakan ke arah memenuhi petunjuk pencapaian penting dasar MMBI negeri Kelantan.

Penutup

Memandangkan pelaksanaan strategi MMBI ini masih dianggap baru berbanding dasar induknya Membangun Bersama Islam, maka kerjasama dan komitmen bersama pihak yang terbabit amatlah penting. Keutamaannya adalah setiap agensi pelaksana seperti tertera dalam pelan strategik bagi ketujuh-tujuh teras pencapaian MMBI akan diambil tanggungjawab secara serius.

Ia merupakan suatu cabaran kerana kejayaannya amat bergantung kepada kesungguhan bersifat *political will* dalam memastikan kebersamaan semua pihak ke arah mencapai matlamat dasar ini, iaitu keberkatan, kemakmuran dan kebajikan kepada semua rakyat Kelantan. ☺



SPARK

UNIT PEMANTAUAN DAN PELAKSANAAN STRATEGIK PEJABAT MENTERI BESAR KELANTAN

Oleh: Abu Al-Farouq

Kira-kira sepuluh bulan selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13, Menteri Besar Kelantan yang baharu telah mengumumkan penubuhan Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar Kelantan (SPARK) sebagai tanda penekanan beliau terhadap kemajuan pentadbiran negeri Kelantan. Pejabat Menteri Besar Kelantan merupakan satu-satunya Pejabat Menteri Besar yang mempunyai unit seumpama ini.

Ia ditubuhkan kesan daripada pemerhatian sebelum ini iaitu:

- Banyak perjanjian yang dimasuki oleh kerajaan negeri, agensi kerajaan negeri, Badan Berkanun Negeri atau perbadanan negeri yang kurang menyebelahi pihak kerajaan dan sangat menyebelahi pihak swasta;
- Banyak dasar kerajaan negeri yang diumumkan yang amat baik dari segi konsepnya namun tidak dijemahkan ke dalam bentuk Pelan Strategik Pelaksanaan yang jitu dan lengkap dengan penetapan Tahun Sasaran Pencapaian;
- Banyak enakmen negeri sudah terlalu lama usianya yang perlu diberi nafas baru sesuai dengan perkembangan semasa;
- Banyak sumber hasil yang tidak dioptimakan, serta banyak ruang bagi mewujudkan sumber hasil yang baru;
- Banyak perancangan portfolio Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang diumumkan tetapi kehilangan fokus kerana tidak dipantau secara dekat;
- Banyak maklumat yang berlebar tetapi tidak dikumpulkan secara berpusat dan tidak diolah menjadi maklumat strategik;
- Banyak maklumat ekonomi, kewangan dan pelaburan dikeluarkan oleh Bank Negara, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan lain-lainnya tetapi tidak dianalisa dan dijadikan bermanfaat untuk perancangan negeri.



Kelantan

Darul Naim



Maka Menteri Besar Kelantan mula menerapkan sebuah visi yang jauh ke hadapan agar masalah ini ditangani secara pentadbiran dan sistematik, justeru unit SPARK ini digagaskan.

Selepas penubuhan SPARK, pihak pengurusan telah mewujudkan dua bahagian dalam unit ini yang merangkumi empat seksyen iaitu:

i. Bahagian Pemantauan:

1. Seksyen Dasar dan Perundangan
2. Seksyen Analisa Strategik dan Sumber

ii. Bahagian Pelaksanaan Strategik

3. Seksyen Pentadbiran Awam dan Kewangan
4. Seksyen Ekonomi dan Pelaburan

Seksyen Dasar dan Perundangan

- Mengkaji semula dasar-dasar kerajaan negeri untuk penambahbaikan dan mencadangkan dasar-dasar serta pendekatan baru yang bersesuaian seperti Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) telah diperincikan melalui Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan: Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan.

- Meneliti cadangan Akta Parliment yang ada hubung kait dengan kepentingan negeri seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan meneliti Enakmen Negeri yang sedia ada untuk tujuan penambahbaikan serta mencadangkan Enakmen baru yang bersesuaian, seperti Enakmen Yayasan Amanah Tok Kenali 2015 serta cadangan Rang Undang-Undang Sumber Air Kelantan 2017, Cadangan Rang Undang-Undang Hibah Kelantan 2017 dan cadangan Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah 2017.

- Menjaga kepentingan kerajaan, agensi kerajaan dan syarikat kerajaan melalui penelitian terhadap semua draf perjanjian yang bakal ditandatangani termasuklah semakan semula perjanjian yang telah ditandatangani bagi menyelesaikan isu berbangkit.

- Membuat semakan dalam aspek perundangan bagi beberapa perancangan infrastruktur dan utiliti seperti pengurusan koridor utiliti, pelesenan industri ICT, permit operasi menara telekomunikasi dan papan iklan (billboard).

Seksyen Analisa Strategik dan Sumber

- Membuat analisa strategik kepada maklumat dan isu yang melatari pentadbiran kerajaan negeri.
- Menyediakan Model Itqan sebagai perkakasan (tools) kepada jentera penerangan kerajaan negeri berkaitan dengan perkara yang melatari pentadbiran negeri dan isu-isu yang berbangkit.
- Mengurus Sudut Sumber dan Arkib SPARK yang mengandungi Laporan-Laporan Tahunan yang dibentang di atas meja dalam Sidang Dewan Undangan Negeri dan Sidang Parlimen.



Dr. Nazmi Ghazali Azmi selaku Pengarah SPARK bersama Menteri Besar Kelantan.

Seksyen Pentadbiran Awam dan Kewangan

- Mengurus Pusat Sehenti Maklumat Strategik Negeri menerusi Sekretariat Pusat Sehenti Maklumat Strategik Negeri dan menyelenggara portal Pusat ini dengan mengolah maklumat strategik dalam 50 bidang portfolio yang boleh diakses untuk kegunaan kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen Kerajaan.
- Mengemukakan kertas-kertas makluman, kertas-kertas cadangan berkaitan perkara-perkara dan isu-isu terpilih kepada Menteri Besar Kelantan, Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri serta pihak-pihak yang berkenaan.
- Mengadakan soal-selidik seperti Soal-Selidik Persepsi Lantikan Politik Terhadap Prestasi Pimpinan Kerajaan Negeri dan mengadakan kajian lapangan dalam senario sosiopolitik negeri Kelantan sebagai kajian strategik bersama Institut Darul Ehsan.
- Membuat susulan terhadap aduan-aduan yang sampai ke Pejabat Menteri Besar Kelantan.

Seksyen Ekonomi dan Pelaburan

- Memantau program dan projek kerajaan negeri melalui Sekretariat SPARK menerusi format pelaporan projek/program, format pelaporan dasar/institusi dan format pelaporan program/projek mercu tanda serta membuat pemantauan terus ke beberapa Agensi sasaran.
- Mengemas kini profil dan portfolio ekonomi dan pelaburan serta data-data yang berkaitan dengannya.
- Mengendalikan isu-isu berkaitan ekonomi dan pelaburan serta mengkaji sumber-sumber hasil negeri sedia ada serta mencadangkan sumber-sumber hasil yang baru.

Dengan usaha-usaha yang digerakkan menerusi Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar Kelantan, dapatlah kita rumuskan betapa Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan merupakan pemimpin kerajaan yang amat mementingkan fakta, hujah dan analisa terhadap segala pertimbangan beliau dalam menerajui Negeri Serambi Mekah ini. Konsep Ulama dan Umara yang memimpin dan mentadbir jelas terangkum dalam sosok pemimpin kesayangan rakyat Kelantan ini. ☒

SPARK

UNIT PEMANTAUAN DAN PELAKSANAAN STRATEGIK PEJABAT MENTERI BESAR KELANTAN



AIR KELANTAN SDN BHD

Lot 188 Wisma Air Kelantan, Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-743 7777 Faks: 09-747 2030
www.airkelantan.com.my

"Dan Kami jadikan tiap-tiap
sesuatu yang hidup daripada air"
(Al-Anbiya': 30)



SEBARANG ADUAN, HUBUNGI KAMI Pusat Info & Talian Aduan (PINTAS)

15777
pintas@airkelantan.com.my

Kami bertekad meningkatkan kualiti & kuantiti
untuk kepentingan bersama



CERTIFIED TO ISO/EC 27001:2013
CERT. NO.: AR 6519
LOJI RAWATAN AIR KELAR



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: AR4439



MS ISO/IEC 17025
NO. SAMM : 707
MAKMAL PUSAT AIR KELANTAN



مغروسون تشكی نجیس

SUDAHKAH ANDA
**MENGOSONGKAN
TANGKI NAJIS
DI PREMIS ANDA ?**

www.majaari.com.my

f MAJAARI SERVICES SDN. BHD.

09-747 0005 | 09-743 0055

Makluman 1: Bermula pada 1 Julai 2016, semua rumah kediaman dan premis perniagaan yang bersambung ke loji rawatan kumbahan awam akan dikenakan caj pembentungan.

Makluman 2: Berkkuatkuasa Januari 2017, syarat tambahan telah dimasukkan ke dalam Syarat Lesen Premis Perniagaan iaitu mana-mana pemegang lesen bagi setiap premis yang menggunakan atau mempunyai kemudahan tangki enapcemar hendaklah memastikan pengosongan tangki enapcemar melalui Maajari Services dilakukan dengan kekerapan sekurang-kurangnya 3 tahun sekali.



Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob (Dato' Bentara Kanan) Menteri Besar Kelantan

Oleh: Asqolani M Foto: Ahmad Naime Muhammad

Menteri Besar kayuh basikal ke masjid

Biarpun sebelum ini tidak ramai orang mengenalinya, namun sikap ramah dan mudah menguntum senyuman membuatkan beliau disenangi ramai. Lebih-lebih lagi anak murid dan kakitangan sekolah tempat beliau mengajar. Begitu juga masyarakat sekitar tempat tinggalnya. Beliau bukan seorang guru agama biasa kerana ayahnya seorang ulama terkenal yang memiliki pusat pengajian pondok di Berangan, Tumpat.

Beliau tidak kedekut berkongsi ilmu agama dengan masyarakat di medan kuliah, di masjid atau madrasah. Selepas kembali dari Mesir, beliau mencurahkan ilmu kepada masyarakat. Kata orang tua-tua, watak beliau saling tidak tumpah dengan Allahyarham ayah-andanya. Masakan kuah tidak tumpah ke nasi. Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob (Dato' Bentara Kanan) juga berperanan sebagai seorang dai'e berbakti kepada masyarakat. Masjid Kampung Alor Pasir terletak tidak jauh dari rumahnya tempat beliau berkongsi ilmu agama dengan orang ramai. Program itu diteruskan hingga sekarang seminggu sekali selepas Maghrib setiap malam Selasa. Beliau juga menyampaikan kuliah di Masjid Kampung Laut dan Surau Tok Ayah sebulan sekali.

Seorang Guru

Ustaz Ahmad memulakan kerjaya awal sebagai guru sekembalinya dari Mesir. Sekolah Menengah Dato' Bentara Dalam, Segamat menjadi sekolah pertama tempat beliau berkhidmat dalam bidang pendidikan. Selepas lebih empat tahun menabur bakti di negeri orang, beliau akhirnya kembali ke Kelantan dan Sekolah Menengah Dabong, Kuala Krai yang terletak

di kawasan hulu menjadi sekolah pertama beliau meneruskan kerjaya guru di negeri sendiri. Ketika itu perhubungan ke Dabong agak sukar. Hanya laluan kereta api dan bot yang menjadi penghubung utama. Namun ia tidak mematahkan semangat Ustaz Ahmad sebagai seorang pendidik untuk terus memberi ilmu kepada anak bangsa.

Kemudian pada tahun 1986, beliau dipindahkan ke Sekolah Menengah Perempuan di Pasir Mas. Sekolah itu kira-kira 20km sahaja dari rumahnya. Tidak lama kemudian beliau ditukarkan mengajar di Rantau Panjang. Selepas mengajar hampir lapan tahun di Sekolah Menengah Rantau Panjang, akhirnya beliau meletakkan jawatan dan bertanding di DUN Pasir Pekan pada Pilihan Raya Umum 1995.

Selepas tidak lagi bergelar guru, rutin kehidupan lam-paunya berubah. Bukan lagi sekadar murid, kini masyarakat pula menjadi tumpuannya. Pada pilihan raya tersebut, beliau dipilih oleh rakyat mewakili DUN berkenaan. Selepas ADUN Semangat 46 meletak jawatan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri kerana menyertai UMNO, Ustaz Ahmad menjadi pilihan Allahyarham Tok Guru Nik Aziz untuk mengisi kerusi EXCO kerajaan negeri pada tahun 1996.

Kelibatnya sebagai seorang pemimpin makin dikenali selepas menduduki kerusi anggota EXCO. Pada 17 Mei 1997, beliau dilantik sebagai Penggerusi Jawatankuasa Industri, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Sumber Manusia. Kemudian selepas Pilihan Raya Umum 1999, beliau dilantik menerajui Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar. Selepas Pilihan Raya Umum 2004, beliau diamanahkan sebagai Timbalan Menteri Besar menggantikan

tempat Dato' Abdul Halim Abdul Rahman yang berpindah ke kerusi Parlimen Pengkalan Chepa. Selepas dua penggal berada di kerusi Timbalan Menteri Besar, beliau diberi kepercayaan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz untuk menggantikannya mentadbir negeri.

Beliau telah memilih seorang pendidik lepasan Universiti Kebangsaan Malaysia, Siti Zabidah Ab Hamid sebagai suri hidup pada tahun 1980 dan mereka dikurnianya 12 orang cahaya mata.

Menteri Besar

Walaupun sekarang beliau bergelar Menteri Besar, namun perwatakaninya masih sama sejak dahulu hingga kini. Tidak ada protokol yang menjadi penghalang, ia memudahkan orang ramai mendekatinya. Rumahnya masih lama, cuma dibersarkan sedikit di bahagian belakang sepadan dengan bilangan anak yang ramai.

Rumahnya jenis kayu dan batu, tidak jauh berbeza dengan rumah Allahyarham Tok Guru di Pulau Melaka. Kedudukannya sebagai ketua kerajaan bukan suatu kemegahan bagi keluarganya. Ia tidak merubah kehidupan lamanya. Rumahnya terletak di Kampung Alor Pasir, tidak jauh dari stesen kereta api dan pekan Wakaf Bharu, Tumpat.

"Saya tidak ada pembantu rumah. Pilihlah sama ada hendak buncuh



teh atau kopi panas. Nescafe pun ada", kata Ustaz Ahmad kepada penulis semasa krew Qiadah berkunjung ke rumahnya beberapa bulan lepas.

Rumah sederhana besar itu agak sunyi memandangkan isteri dan anak-anaknya tiada di rumah. Biarpun masih dalam keadaan uzur beliau tetap keluar menemui kami yang menunggu di beranda rumahnya. Masih sempat berseloroh walaupun dalam keadaan uzur. Ketika mengadakan kenduri di rumahnya, beliau sendiri melayan tetamu yang datang. Berpakaian baju Melayu dan samping di luar (ala Johor). Beliau sibuk melayan tetamu yang datang.

Pernah ketika kunjungan Allahyarham Tok Guru ke rumahnya, beliau sendiri mencedok dan menghulur lauk kepada Tok Guru. Hidangan makanan dibawanya dari dapur. Begitu juga ketika mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri atau Hari Raya Aidiladha, beliau tidak segan melayan tetamu yang datang. Beliau tidak suka mengharapkan orang lain namun ada ketikanya kakitangan pejabat Menteri Besar dan petugas DUN Pasir Pekan datang membantu secara sukarela.

Bagi penduduk tempatan, mereka tidak hairan melihat kelibat Menteri Besar memandu sendiri kereta ketika bertemu rakyat. Beliau juga sering mengayuh basikal dan menunggang motosikal ke masjid atau masuk kampung. Apabila terserempak seseorang beliau berhenti dan bertanya khabar. Tabiat dan rutin seperti itu sudah menjadi perkara lumrah dalam hidupnya. Maka tidak hairanlah ketika Allahyarham Tok Guru mengumumkan untuk berundur sebagai ketua kerajaan negeri pada 6 Mei 2013, beliau terkejut besar.



Allahyarham Tok Guru menyerahkan mandat kepada Ustaz Ahmad bagi meneruskan kepimpinan kerajaan. Biarpun ada pihak yang cuba mempertikaikan pelantikan itu, namun Allahyarham Tok Guru mengekalkan ulama mengetua pentadbiran kerajaan. Kedua-dua tokoh tersebut berada dalam kelompok ulama sebuah gerakan Islam terbesar di Malaysia.

Keluarga Ulama

Allahyarham Tok Guru Nik Abdul Aziz mengetuai Majlis Syura Ulama ketika berada di kerusi Menteri Besar. Legasi itu diikuti oleh Ustaz Ahmad yang juga dilantik sebagai Timbalan Musyidul Am selepas ketidaaan Tok Guru. Kedua-duanya berasal daripada keluarga ulama di mana bapa Ustaz Ahmad merupakan pengasas Pondok Berangan, Tumpat.

Tok Guru Haji Yakob Ishak berasal dari Kampung Kelong, Tumpat sebelum berhijrah ke Kampung Berangan. Ustaz Ahmad merupakan anak kedua, dilahirkan pada 1 Februari 1950. Hasil perkongsian hidup dengan Che Zainab Che Hussin, 87 mereka dikurniaikan tujuh orang anak.

"Saya pun tidak menjangka dinamakan sebagai pengganti Tok Guru kerana masih ada orang lain yang lebih layak. Saya juga tidak pernah mengimpikan jawatan ini. Ketika itu saya mencadangkan Tok Guru untuk pilih sesiapa sahaja dalam kalangan rakan-rakan pimpinan kerana semuanya mampu untuk meneruskan asas yang ditinggalkan Tok Guru," ujarnya.

Walaupun Tok Guru sudah tiada lagi, namun visi dan misi yang digembung sejak dahulu tidak pernah terhenti. Malah terus disuburkan dengan pendekatan yang berpaut kukuh di bawah payung Membangun Bersama Islam (MBI). Tumpuannya sekarang berusaha merakyatkan dasar MBI. Beliau tidak mahu tema MBI berlingkar dalam kalangan pentadbir sahaja. Prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan perlu dirakyatkan ke peringkat akar umbi.



Rutin Harian

Kelainan Ustaz Ahmad dalam politik ialah sikap beliau tidak suka mencari musuh. Beliau tidak gemar menyerang secara terbuka di gelanggang ceramah seperti sesetengah pemimpin lain. Walaupun hadir pada program ceramah, beliau lebih suka bercerita mengenai perkara yang kerajaan negeri laksanakan dan tentang masalah rakyat.

Kalaupun ada ketikanya menyinggung pihak lawan namun sekadar sebutan bagi mengingatkan rakyat. Beliau juga lebih banyak berada di pejabatnya atau menghadiri mesyuarat. Maka tidak hairanlah banyak perkara berkaitan pentadbiran kerajaan negeri ada dalam pengetahuannya. Biarpun isu mengenai perka-ra kecil yang bersifat teknikal beliau tahu sedikit se-banyak mengenainya.

Setiap hari sekiranya tiada program di luar beliau sudah sampai di pejabat pada pukul 8.30 pagi. Beliau akan berehat seketika menjelang waktu Zuhur. Pejabatnya di tingkat satu, Blok 1, Kota Darulnaim menjadi tempat solat pegawai dan kakitangan pe-jabatnya. Ada pegawai dan kakitangan yang melaung-kan azan apabila masuk waktu solat. Beliau mengimamkan solat. Adakalanya selepas menjamah nasi bungkus beliau meneruskan tugas yang belum selesai.

Keadaan itu tidak jauh berbeza dengan apa yang ber-laku di era Tok Guru. Pejabat Menteri Besar juga se-bagai surau. Ada kakitangan menghamparkan sejadah di atas karpet di ruang tetamu.

Beliau tidak sukar untuk ditemubual sekiranya tiada kekangan dengan tugas lain. Pernah suatu ketika beliau bertanya pegawainya adakah penulis (warta-wan) sudah datang untuk menemuramahnya, kalau belum boleh minta tunda hari lain. Ketika penulis datang keesokannya beliau awal-awal lagi memohon maaf kerana tidak sempat ditemuramah semalam kerana mengejar waktu.

"Minta maaflah sebab tidak sempat sediakan air," ujarnya acap kali kepada penulis ketika selesai mene-muramahnya sebelum ini.

Ustaz Ahmad sempat singgah untuk sarapan di kedai kop i Kampung Paloh Chicha, Pasir Pekan.



Ustaz Ahmad juga seringkali ditemui berkeseorangan membeli keperluan rumah di kedai atau pasar tanpa ditemani keluarga atau pembantunya. Barang yang dibeli dibimbit sendiri ke kereta untuk dibawa pulang.

"Pada hari minggu, memang Ustaz Ahmad suka me-mandu sendiri kereta. Beliau tidak mahu menyusah-kan pemandu dan pegawai peribadinya," kata Setia-usaha Politiknya, Ustaz Wan Ruslan Wan Hamat.

Situasi seperti itu jarang ditemui bagi seorang ketua sebuah kerajaan. Manakala pada hari Khamis sekira-nya tidak sibuk dengan tugas di pejabat, Ustaz Ahmad menziarahi rakyat di kawasannya. Pejabat pusat khidmat DUN Pasir Pekan di Kampung Paloh menjadi pejabat keduanya. Di situ lah beliau dan petu-gas menyusun atur program bersama masyarakat dan 'turun ke bawah' menemui rakyat. Ruslan Ismail dari Kampung Pulau Seratus pernah menceritakan beliau terkejut apabila diberitahu Menteri Besar memandu sendiri bot ketika datang menemui rakyat di kawasan pulau ketika banjir.

Beginilah susun atur kehidupan seorang Menteri Besar Kelantan yang di atas pundaknya terpikul takrif men-tadbir kerajaan Membangun Bersama Islam. Sosok peribadinya terbina atas rangka perjalanan hidup serta aura berlatarkan keluarga ulama. Beliau bangkit meneruskan legasi Membangun Bersama Islam dengan kudrat ilmu dan pengalaman.

The uniqueness of Rebana Ubi Kelantan



By: Akhi Sahrul

The Malay archipelago is well known for its tradition, from clothes and rich culture to musical instruments. We must strive to continuously pursue this unique trait that was inherited over many generations to ensure the preservation of Malay culture.

An example of this unique characteristic is the Rebana Ubi, a type of percussion musical instrument highly favoured by the Malay community in Kelantan, especially amongst the older generations.

Rebana Ubi is highly popular in Kelantan during the olden days as it was the state's identity. Practically, Rebana Ubi is classified as a drum-like instrument, played by beating it with a stick. Rebana Ubi has its own appeal over an average rebana because of its larger size (70cm diameter and 1 metre in height). Rebana Ubi can be hung horizontally or placed on the floor depending on the size.

The front part of the Rebana Ubi is round and made of bull leather. The leather is stretched to a piece of timber. The timber is then cut to the desired size and a hole which will create a sound when it is beaten.

In yesteryears, Rebana Ubi was not just a musical instrument but also used as a communication tool. The Rebana Ubi is placed on a hill and played with different beats according to the message. Messages conveyed through this medium were mostly community-based such as an invitation to a wedding celebration or danger warning.

As with other traditional musical instruments, the Rebana Ubi is played with various, soothing and engaging rhythms by the beater.

Usually, the Rebana Ubi festival is held after the harvesting season from afternoon until late at night and sometimes even until dawn.

During the festival, 'ttewas bano' competition is held to find the best sound of Rebana Ubi as well as those with rich decoration. Each Rebana Ubi is played by two people while standing on the left and right side. The player standing on the right will play the Rebana Ubi using his left hand while the player standing on the left side will hit the Rebana Ubi using his right hand.

Each team consists of 6 Rebana Ubi with 12 players. However, nowadays the sound of the Rebana Ubi has become more scarce and is being replaced with various technically advanced and modern communication methods and musical instruments.



Rebana Ubi mostly performed at the Gelanggang Seni, Kota Bharu.



Realising this dying culture, the State Government of Kelantan through the Cultural, Tourism and Heritage portfolio together with the State's Tourism Information Centre are fully committed to popularise the traditional culture. As part of this effort, they have organised rebana competition at the local and international levels.

According to the Chairman of State Committee for Tourism, Culture and Heritage, Major (R) Dato' Haji Md Anizam Ab Rahman, rebana has its unique heritage value that needs to be reintroduced as this form of art is an asset, especially to the tourism industry.



Japanese tourist trying to play the Rebana Ubi at the Gelanggang Seni.



Under this initiative, the Kelantan Tourism Information Centre (TIC) has gathered five groups, namely Sri Petani, Sri Tujuh, Merak Awang Selamat, Kelab Kebudayaan dan Kesenian KADA Tumpat and Sri Amok Perdana. They are very active in taking part to perform at the Gelanggang Seni, Kota Bharu as well as accepting invitations to perform at State Government events.

"I hope the measures taken by TIC will be able to strengthen the bond among the enthusiasts and motivate them to continue their effort to revive this art for our future generations," said Major (R) Dato' Haji Md Anizam Ab Rahman.

He added, "the art of the rebana is indeed a unique one. Together with its big structure, it's also presented in a group that symbolizes unity amongst us. Without teamwork, the sounds won't come out right and is not enjoyable to the listeners - this is the hidden message behind the art of Rebana Ubi. It is hoped that the Rebana Ubi will be revived and sustained by the younger generations and the generations to come". Q





KETUPAT SOTONG

Manfaat menolong

Keunikan nama dan menu juadah tradisional Melayu memang luar biasa tersohor terutama air tangan rekaan masyarakat Pantai Timur yang sangat memartabatkan resam leluhur.

Sesungguhnya resipi makanan orang Melayu Islam Kelantan amatlah seimbang gizi jasmani dan rohani bahkan tepu zat maknawi. Setiap ramuan bukan sahaja enak dan berkhasiat bahkan sarat citra keunggulan akal budi bangsa yang secara jelas tiada tolok banding aras apabila nenek moyang kita ini bijak bertindak untuk mentarbiah dan berdakwah melalui makanan sebagai pengalas. Generasi kontemporari menerima tunjuk ajar secara ringkas tapi berbekas.

Memahami kalam Allah dalam surah al-Isra' ayat 7: jika kamu berbuat baik, bererti kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri. Dan jika kamu berbuat buruk, maka keburukan itu bagi dirimu sendiri. Mereka pun mencipta makanan yang bukan sahaja sedap dan lazat bahkan penuh maksud dan falsafah tersirat melalui satu resipi yang sukar untuk dilabelkan sebagai

kuih ataupun lauk kerana ia adalah kombinasi kedua-duanya. Inilah dia Ketupat Sotong ataupun Sotong Sumbat yang menyimpan falsafah nan sarat perihal sifat saling menolong yang amat bermanfaat diamalkan sepanjang hayat demi keuntungan di dunia dan akhirat.



1

Bahan-bahan



2



3

Falsafah sederhana ini pula memberi teladan tentang bagaimana kuat dan indahnya kebersamaan dalam hidup. Seperti sotong yang mahal harganya, hendak dimakan sedikit, tidak kenyang. Jika mahu diratah begitu sahaja, sayang. Molek jika beras pulut yang sedikit murah disumbat ke dalam perut sotong, apabila makan insya-Allah kenyang. Sotong yang asalnya lauk sudah bertukar menjadi kuih apabila diaduk dengan beras pulut. Itulah nikmat yang tidak terpergi apabila hidup saling melengkapi.

Bagi memperincikan lagi maksud terpendam, perlambangan ketulusan hati budi dipancarkan melalui ikon warna putih beras pulut yang dibasuh bersih dan direndam seketika di dalam santan cair dan secubit garam (bagi menambahkan kelemakan rasa ketupat) serta ditoskan. Kemudian masukkan ke dalam perut sotong itu sebanyak 3/4 daripada isipadu badannya sahaja agar ketupat yang terhasil lembut dan serata masak. Tidak perlu penuh bagi mengelak pulut membuaik. Itulah ibrah keikhlasan bergotong-royong tanpa riaik.

Tidak perlu dipotong leraian kepala sotong berjanggut panjang (tentakel) tetapi giginya berbentuk bulat di tengah-tengah di dalam sesungut perlu dibuang. Bagi mengemaskan rupa bentuk Ketupat Sotong ini, sesungut yang panjang terlebih dahulu dimasukkan ke dalam perut berinti tiga per empat beras pulut, kemudian masukkan belakang kepalanya hingga tidak nampak matanya dan seterusnya cucukan dengan lidi pencungkil gigi di pangkal sesungut tersebut dan pastikan kepala sotong itu kemas dicucuk. Sila berhati-hati ketika mencucuk lidi supaya tidak terkena pada mata sotong itu atau ia kelihatan hodoh kehitaman ataupun berserabut akibat kepala dan janggut sotong tercabut.



4

Barangkali ada segelintir yang tidak menggemari makanan ini kerana ia kelihatan janggal dan tidak masuk akal. Masakan tidak, makanan laut yakni sepu-luh ekor sotong yang lazimnya menjadi lauk diserasikan dengan makanan darat berupa setengah cupak beras pulut, dua kilogram santan pekat, 3 keping manisan (nisse kerek), 4 helai daun pandan dan secubit garam berkolaborasi menjadi resipi luar duga yang sangat *umph!* Nah, inilah hakikat kemanisan tolong-menolong yang saling memberi untung.

Resipi yang limpah falsafah bermula dengan pemilihan sotong yang bersaiz sederhana besar dan segar yang dileraikan kepala dengan badan dan dibasuh bersih serta ditoskan ini melambangkan ketawadukan dan kesederhanaan adalah niat awal ketika mahu membantu amat dititik beratkan kerana jika diambil sambil lewa sahaja aktiviti tolong-menolong tidak menjadi tulus ikhlas seperti saranan Ilahi. Samalah jika diambil yang kecil apabila dimasak sotong itu akan mengecut dan jika tidak segar badannya akan pecah akibat pengembangan pulut. Begitulah wasatiah yang dituntut.



5

Demikian, perumpamaan adab semasa bermuafakat mestilah dihindari sifat bongkak yang membawa kepada berubah niat menolong kerana Allah kepada tujuan bermegah-megah sekali gus melukai hati orang yang ditolong dengan tusukan sifat ‘agah’ (takabbur).

Di dalam periuk, lapik bahagian dasarnya dengan daun pandan sehingga melitupi kesemuanya, susun sotong padat berinti beras pulut, kepala serta janggut memenuhi ruang dasar dan tindan perlahan di atasnya dengan cermat. Masukkan santan pekat tadi bersama sedikit garam dan manisan. Hidupkan api yang paling kecil, tutupkan periuk dan masak selama 30 hingga 45 minit hingga pulut didalam sotong masak dan santan akan pecah minyak.

Kreativiti nenek moyang Melayu kita nan bijaksana amatlah luas skopnya. Kekal berpegang teguh kepada prinsip setiap kebaikan yang dilakukan pastilah kebaikan itu akan kembali kepadanya semula.

Jika seseorang suka menolong pasti akan ditolong, jika seseorang suka memaafkan pasti akan dimaafkan. Manakala sebaliknya jika seseorang suka memudahkan urusan orang lain, maka pada suatu waktu dia mendapat kesulitan pasti akan ada sa-haja yang menolongnya, insya-Allah. Begitulah sunatullah sebagaimana Allah berfirman dalam surah ar-Rahman ayat 60: tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan.

Cara memasak:

1. Bahan-bahan yang diperlukan termasuk sotong yang dileraikan kepala.
2. Beras pulut yang direndam santan dimasukkan 3/4 ke dalam badan sotong.
3. Masukkan kepala sotong hingga tenggelam matanya.
4. Cucukkan dengan lidi di pangkal sesungut.
5. Masukkan semua bahan ke dalam periuk.
6. Tutupkan periuk sehingga sotong masak.



Dari situ, mereka meraikan selera anak cucu yang kurang menggemari rasa manis sebaliknya menyukai rasa lemak berkrim. Justeru itu resepi di atas diubah suai dengan tambahan sejempurn halba, setengah inci halia dan 3 ulas bawang merah. Kedua-duanya perlu dimayang. Secukup rasa gula dan garam. Resipi sebegini lebih popular di negeri jiran, Terengganu Darul Iman.

Berbeza sedikit cara penyediaan ketupatnya apabila beras pulut yang telah direndam bersama santan hendaklah terlebih dahulu ditanak sehingga masak dan biarkan sejuk. Kemudian baharulah disumbatkan ke dalam perut sotong tersebut dan dimasak hingga santan pecah minyak.

Toleransi tetap dititikberatkan ketika menghulurkan bantuan yakni berdasarkan kemampuan dan cita rasa tersendiri. Begitu jugalah kaedah penyediaan juadah ini adalah tipikal dan sukatan bahan-bahannya mengikut selera masing-masing, jika mahu lebih manis perbanyakkan gula manisannya, jika mahu masin maka lebihkan garamnya dan jika tidak suka berlemak maka kurangkanlah santannya. Semerbak aroma di dapur mencanak-canak memecahkan liur, alangkah enak menikmati hidangan Ketupat Sotong bertelur.



* Foto Ihsan Restoran Terapung di Pantai Seri Tujuh, Tumpat, Kelantan.



BANDAR BARU LEMBAH SIREH BERMULA DARI KEBUN SAYUR

Oleh: M Faqih

Foto: Ahmad Na'ime Muhammad dan Muhamad Bukhari Muhamad

Sebelum ini setiap kali melewati Jambatan Sultan Yahya Petra, kita dapat melihat panorama yang menghijau di sebelah hulu Sungai Kelantan. Kawasan taman sayuran tersebut mendapat bantuan agensi pertanian seperti Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Tembikai, jagung, lada dan pelbagai lagi sayur begitu subur di tanah berpasir tersebut. Malah di situ juga ada sebuah bangunan sebagai tempat pengumpulan hasil pertanian. FAMA dan peraih sering datang mengutip hasil pertanian untuk dipasarkan di pasar-pasar sekitar Kota Bharu.

Di sebelah hilir dan bawah jambatan pula ada ketika ni kita dapat menyaksikan lembu-lembu ditambat di sana sini. Dataran Sungai Kelantan itu penuh dengan pokok dan semak samun kecil yang sesuai sebagai padang ragut. Kawasan itu begitu subur kerana sering ditenggelami air bah pada musim tengkujuh. Lumpur yang dibawa arus sungai dari hulu meliputi kawasan tersebut menjadi delta berbaja semulajadi.

Selepas bah surut, petani yang kebanyakannya tinggal di Kampung Sireh akan membajak semula kawasan itu untuk memulakan penanaman sayur-sayuran. Situasi tersebut dapat kita saksikan sejak Jambatan Sultan Yahya Petra siap dibina pada tahun 1969.

Jambatan itu menghubungkan Kota Bharu dengan Tumpat merentasi Sungai Kelantan. Pada awalnya dicadang pembinaan oleh kerajaan Perikatan, namun selepas parti itu tewas pada Pilihan Raya Umum 1959, cadangan projek tersebut ditarik balik.

Menurut bekas anggota EXCO kerajaan negeri, Haji Mohd Amin Yaakub peruntukan projek tersebut dipindahkan ke Temerloh, Pahang. Kerajaan PAS yang menguasai Kelantan ketika itu memulakan pembinaan jambatan terbabit pada tahun 1963 dengan kos RM6.7 juta. Pembinaannya dilakukan oleh syarikat Kien Huat Private Limited dan dirasmikan pada 1 April 1965.

Sejak dahulu hingga tahun 2003, panorama di bawah Jambatan Sultan Yahya Petra tidak banyak berubah. Kebun sayur-sayuran dan binatang ternakan menjadi landskap sejak berzaman di situ.

Lembah Sireh mulai berubah

Namun selepas pentadbiran Kelantan berubah tangan dibawah kepimpinan ulama, perancangan bagi membangunkan kawasan tersebut mulai kedengaran. Biarpun ramai menganggap mustahil dan "kerja gila" namun tidak ramai menjangkakan dengan apa yang kita dapat saksikan hari ini.

Perancangan untuk membangunkan kawasan tersebut dikatakan bermula sejak tahun 1990. Syarikat Adorna Group yang berpangkalan di Pulau Pinang berminat membangunkan kawasan tersebut. Berdasarkan perancangan awal pembangunannya, projek ini melibatkan tebing kedua-dua belah Sungai Kelantan meliputi Kota Bharu dan Pasir Pekan. Kerja-kerja tebus guna tanah daripada lembah kepada dataran dirancakkan paluan gendangnya. Semua pihak terkesima dengan perancangan projek tersebut.

Sebagai timbal balas kepada pembangunan projek itu, pihak syarikat menawarkan sebuah jambatan baharu

menghubungkan Kampung Cina di Kota Bharu dan Palekbang di Tumpat. Malah projek meletak batu asas jambatan itu juga diadakan sebagai menggambarkan kesungguhan pihak syarikat.

Tugu perasmian jambatan itu masih boleh dilihat hingga sekarang di Palekbang. Sebelum ini ramai yang keliru perancangan projek jambatan itu dengan mendakwa ia dibuat kerajaan negeri. Ramai yang telah lupa sejarah atau barangkali sengaja melupakannya. Ini kerana projek tersebut adalah inisiatif syarikat swasta dan bukannya kerajaan negeri.

Syarikat Adorna juga membina sebuah hotel di Jalan Post Office Lama yang dikenali sebagai Diamond Puteri dan sekarang Grand Riverview. Malangnya syarikat terbabit dikatakan berdepan masalah kewangan bagi meneruskan projek pembangunan tebing barat sungai Kelantan.

Projek terbabit tidak menjadi kenyataan walaupun segala perancangan dan reka bentuknya cukup mempesonakan. Beberapa tahun selepas itu, muncul pula sebuah syarikat Liziz Standaco Sdn. Bhd. menzahirkan komitmen bagi membangunkan semula kawasan tersebut. Pembangunan di lembangan sungai di Kuching, Sarawak menjadi model bagi membangunkan Lembah Sireh. Maka pada tahun 2003, syarikat terbabit menandatangani perjanjian dengan kerajaan negeri bagi membangunkan projek mega tersebut.

Majlis bersejarah itu telah diadakan pada 8 Julai 2003. Dokumen perjanjian ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Tengku Shah Buddin Tengku Mohd Maasom dan Pegawai Kewangan Negeri, Mohd Aiseri Alias. Manakala Liziz Standaco diwakili oleh pengurusnya iaitu Datin Hasmah Abdul Rahman dan Pengarah Urusan, Dato' Guok Nguong Peng. Pembangunan yang dirancang ini melibatkan kawasan seluas 1,000 ekar di tebing barat Sungai Kelantan.

Sebaliknya pengumuman projek pembangunan terbabit menjadi berita sedih buat penanam sayur dan



penternak di Kampung Sireh. Tempat di mana mereka mencari rezeki sejak berpuluhan tahun akan bertukar menjadi kota batu. Sebelum ini petani menyewa tanah tersebut dengan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu secara bayaran TOL (Temporary Occupation License) setiap tahun.

Bagaimanapun, masalah petani mendapat perhatian kerajaan negeri. Kerajaan memastikan pembangunan di Lembah Sireh tidak menjelaskan kehidupan rakyat terutamanya golongan miskin. Selepas rundingan diadakan, akhirnya 130 petani dibayar pampasan kerana tidak dapat mengusahakan lagi tanah tersebut dengan aktiviti pertanian.

Syarikat pemaju menyediakan dana sebanyak RM3 juta untuk projek dan pampasan kepada petani di Lembah Sireh. Kerajaan negeri turut menawarkan lokasi baru yang lebih selamat daripada banjir di Kampung Tikat bagi membolehkan petani meneruskan kerjaya mereka. Kini Kampung Tikat, Banggol terkenal dengan tanaman tembakai susu dan sayur-sayuran.

Bandar Baharu Lembah Sireh

Projek harta tanah terbesar di Kelantan yang berpusat di Lembah Sireh tersebut dianggar melibatkan kos lebih RM2 bilion. Pada perancangan awal fasa 1 melibatkan pembinaan Hypermarket Tesco dan lot-lot kedai. Fasa 2 pembinaan sebanyak 2,000 lot kedai, pasar raya antarabangsa, hotel dan esplanad sepanjang 4 kilometer.

Sebagai timbal balas Liziz merancang membina sebuah masjid, stadium tertutup wanita dan tabung untuk rumah kos rendah bernilai RM15 juta. Selepas menandatangani perjanjian, syarikat Liziz Standaco berusaha mengubah wajah kawasan pertanian di Lembah Sireh. Kapal menyedut pasir beroperasi setiap hari bagi mengangkut pasir untuk ditimbun bagi meninggikan dataran Lembah Sireh.

Jentera penyedut pasir dan kapal korek yang jarang dilihat sebelum ini ditunda ke kawasan tersebut dan akhirnya berjaya mengubah wajah lama Lembah Sireh menjadi gedung dan gudang membangunkan ekonomi negeri, dari lembah pertanian kepada dataran operasi dan dagangan.

"Pada peringkat awal, ramai yang mengatakan saya gila kerana melabur ratusan juta bagi membangunkan kawasan lembah di Kampung Sireh. Ini kerja gila, kata ramai pihak kepada saya. Mereka takut dengan risiko banjir yang menjadi fenomena biasa di situ setiap kali musim tengkujuh. Namun saya tidak mengendahkan kecaman mereka. Hari ini saya buktikan dakwaan banyak pihak sebelum ini meleset," kata Guok Nguong (Pengarah Urusan, Liziz Standaco Sdn. Bhd.) ketika ditemui.

Pada peringkat awal projek pembangunan Lembah Sireh dirancang meliputi Kampung Sireh Bawah Lembah sehingga Kampung Cina. Bagaimanapun lokasi berhampiran Kampung Cina terlibat dengan

projek tebatan banjir Sungai Kelantan oleh JPS. Keadaan itu menyebabkan pembangunan Lembah Sireh dikurangkan kepada 716 ekar.

Kerajaan negeri sebaliknya menyediakan kawasan gantian seluas 114 ekar di Pasir Pekan. Projek tebatan banjir seluas 100 ekar dilaksanakan di Kampung Cina hasil kerjasama kerajaan Pusat.

Selain itu kerajaan negeri juga dapat menyelamatkan wang rakyat hampir RM600 juta bagi membina projek tebatan banjir di Bandar Baharu Lembah Sireh. Hari ini kita boleh lihat jajaran batu dan benteng konkrit dibina di sepanjang projek berkenaan.

Dalam tempoh empat tahun, kerja-kerja menimbun pasir di Lembah Sireh dilakukan secara berterusan. Projek itu juga sekali gus dapat mendalamkan Sungai Kelantan. Pernah ketika bah besar melanda Kota Bharu sebelum ini menyebabkan sebuah kapal pengorek pasir milik Liziz Standaco tersadai ke sisi Jambatan Sultan Yahya Petra. Ada juga pasir-pasir yang sudah ditambun di daratan dihanyutkan semula arus sungai. Selain itu jenetera berat milik syarikat tenggelam dalam bah.

Selepas kerja-kerja menimbun selesai dijalankan, pembinaan bangunan di lokasi itu mulai dijalankan. Kemajuan projek begitu membangangkan hingga seolah-olah kawasan pertanian di kawasan lembah bertukar menjadi bandar baharu dalam sekilip mata.

Projek pembangunan Lembah Sireh beroperasi mengikut fasanya yang telah dirancang pada tahun 2007. Pembangunan rumah kedai, ruang pejabat dan pusat beli-belah menyebabkan Lembah Sireh berubah wajah.

Setelah Pasar Raya Besar Tesco beroperasi di situ, Lembah Sireh semakin dikenali. Bandar berkembar Kota Bharu tersebut menjadi lokasi tumpuan baharu. Selain itu terdapat juga AEON Mall, sebuah pasar raya antarabangsa yang kini juga beroperasi di Lembah Sireh. Di lokasi itu juga terdapat terminal



bas ekspres bagi perjalanan ke luar Kelantan.

Setiap malam terminal itu menjadi tumpuan ramai. Puluhan bas membawa penumpang berlepas menuju ke Kuala Lumpur, Ipoh, Alor Setar, Kangar, Johor Bahru dan pelbagai lagi bandar-bandar besar lain.

Peluang pekerjaan

Berbanding sebelum ini hanya 130 penduduk mendapat manfaat daripada kesuburan tanah di Lembah Sireh, hari ini ribuan peluang pekerjaan terbuka dan direbut oleh penduduk tempatan.

Selain pasar raya besar yang terdapat di situ, terdapat pelbagai jenis perniagaan ditawarkan termasuk peruncitan, pemborong, harta tanah, percetakan, kesihatan, perkhidmatan, insurans, pejabat dan pelbagai lagi. Terdapat juga kolej pengajian tinggi iaitu Kolej Universiti Poly-Tech MARA yang beroperasi di kawasan berkenaan.

Di bahagian hilir pula sedang dibangunkan projek perumahan dan istana Kelantan. Pembangunannya menjalar hingga hampir dengan Istana Kota Lama.

Pembangunan Bandar Baharu Lembah Sireh turut memberi pulangan awal kepada kerajaan negeri lebih RM46 juta.

Menteri Besar, Ustaz Dato' Ahmad Yakob berkata, biarpun pada perjanjian awal dipersetujui hampir 1,000 ekar diberi kepada syarikat

untuk dibangunkan, namun sehingga sekarang hanya 716 ekar dimajukan. Lebih 259 ekar sudah dibangunkan dengan bangunan-bangunan perniagaan.

"Tanah di Lembah Sireh diberi secara pajakan kepada syarikat terbabit, di mana sebahagian besar sebelum ini berada dalam air. Kerajaan negeri juga memperolehi pulangan awal sejumlah RM46 juta daripada projek pembangunan Lembah Sireh," katanya.

Selain itu, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) setiap tahun mendapat bayaran cukai pintu lebih RM906,000.

Menteri Besar juga menjelaskan imbuhan yang diperolehi oleh kerajaan negeri agak tinggi biarpun modal tidak pernah dikeluarkan untuk membangunkan kawasan berkenaan. Kerajaan negeri hanya menyediakan tanah dalam bentuk pajakan. Projek pembangunan di situ mendapat kelulusan Laporan Kesan Alam Sekitar (EIA) dan MPKB-BRI pada tahun 2006. Pelan projek pembangunannya bermula pada tahun 2007 hingga 2019.

Cabaran dan harapan

Kewujudan Bandar Baharu Lembah Sireh yang kini menjadi kebanggaan rakyat Kelantan tidak sunyi berdepan pelbagai kritikan dan cemuhan pada peringkat awalnya.

Ada pihak membuat tuduhan tanpa asas terutamanya setiap kali menjelang Pilihan Raya Umum. Malah ada NGO yang dikenali sebagai Ombak membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mendorong supaya menyiasat kelewatan pembangunan kawasan berkenaan.

"Kaedah yang dilakukan kerajaan negeri dalam setiap projek pembangunan mengikut saluran undang-undang," kata Ahli Parlimen Kota Bharu, Dato' Takiyuddin Hassan.

Oleh itu pihak berkuasa merumuskan tiada penyelewengan dalam projek Lembah Sireh. Pembangunan Lembah Sireh seumpama satu mimpi yang menjelma menjadi kenyataan. Kisah di sebalik panorama Lembah Sireh bukan sahaja dicatat di helaian akhbar, majalah atau media elektronik sebaliknya menjadi subjek kajian akademik. ☐



BANDAR BAHARU
Lembah Sireh



DATO' ABDUL HALIM ABDUL RAHMAN

PEMIMPIN PERLU JADI CONTOH KEPADA MASYARAKAT

Oleh: Salmah Husain & Muhna Abdullah Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Dato' Abdul Halim Abdul Rahman merupakan mantan Bendahari PAS Pusat dan pemimpin kedua tertinggi kerajaan Kelantan selepas Menteri Besar, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, setelah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berjaya menawan Kelantan pada 21 Oktober 1990. Beliau bersama-sama Tuan Guru Dato' Bentara Setia serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan pada masa itu mentadbir kerajaan atas tiket kemenangan PAS dengan dasar Membangun Bersama Islam.

Beliau seumpama 'perpustakaan' PAS, sentiasa menjadi rujukan pemimpin dan ahli PAS sejak dahulu hingga kini, lebih-lebih lagi pimpinan muda hari ini. Beliau merupakan antara mantan pimpinan tertinggi PAS yang ada dan masih istiqamah terhadap perjuangan parti berlandaskan Islam biarpun parti itu berhadapan pelbagai situasi saat ini.

Walaupun telah menginjak usia 78 tahun dan uzur sejak empat tahun yang lalu, namun bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan ini masih gagah apabila berbicara tentang perjuangan Islam, politik dan kerajaan Kelantan diusia mudanya hingga ke hari ini. Pastinya terlalu banyak suka-duka dan jatuh bangun yang dihadapi beliau sepanjang penglibatannya sama ada di peringkat nasional maupun dalam negeri.

Qiadah sempat menemubual beliau baru-baru ini untuk mengenali dengan lebih dekat latar personaliti hebat ini dan berkongsi kisah suka duka pimpinan kerajaan negeri ketika mula melangkah ke Kota Darulnaim pada tahun 1990.

Latar belakang

Dato' Abdul Halim Abdul Rahman dilahirkan di Kampung Paloh, Bukit Panau, Tanah Merah, Kelantan pada 11 November 1939. Dididik dan dibesarkan dalam sebuah keluarga besar yang berpegang teguh dengan ajaran agama. Bapa beliau Abdul Rahman bin Muhamad ialah guru al-Quran yang dihormati dan ibunya Halimah binti Yasu' ialah suri rumah sepenuh masa. Beliau mempunyai 13 adik-beradik dari tiga orang ibu. Dari susur galur seibu dan sebapa beliau merupakan anak ketiga daripada tujuh orang adik-beradik. Beliau menjadi anak yatim piatu ketika berusia 17 tahun. Ayahnya meninggal dunia pada tahun 1957 dan disusuli dengan ibunya pada tahun yang sama.

Beliau menerima pendidikan pra-sekolah daripada bapanya sendiri dan seterusnya belajar di Sekolah Rendah Rakyat Kampung Paloh. Pada usia 12 tahun, beliau dihantar oleh keluarganya belajar di Pusat Pengajian Pondok Kampung Dangar, Pasir Mas dan sempat berguru dengan seorang imam dan pendakwah tersohor bernama Haji Ismail. Di pusat pengajian pondok itu, beliau belajar bahasa Arab, pengajian al-Quran dan fardhu ain.

Selepas setahun belajar (1950-1951) di Pusat Pengajian Pondok Kampung Dangar Pasir Mas, beliau merupakan seorang pelajar yang cemerlang dan menjadi buah hati guru serta rakan-rakannya. Semasa di

Maahad Muhammadi, beliau turut aktif dalam kokurikulum dan merupakan seorang yang berbakat besar dalam bidang syaran dan perbahasan serta bidang karangan, hingga beliau pernah menjuarai peraduan mengarang esei perayaan kemerdekaan tahun 1957.

Beliau juga pernah bekerja sambilan dengan menjaga majalah terbitan PAS iaitu Suara Islam ke merata tempat termasuk di dalam keretapi sebagai usaha mengumpul wang bagi persediaan melanjutkan pelajaran ke Mesir. Kecemerlangan keputusan peperiksaannya telah melayakkan beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir dalam bidang Usuludin hingga memperolehi Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1966.

Sekembalinya dari Mesir, beliau mengajar di Maahad Muhammadi. Kemudiannya beliau menjadi guru agama Kementerian Pelajaran Malaysia dan mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Jelebu, Negeri Sembilan. Selanjutnya beliau mengajar di Sekolah Menengah Zainab selama lebih kurang tujuh tahun (1972-1978) dan pada penghujung tahun 1978, beliau meletakkan jawatan sebagai guru agama kerana pucuk pimpinan PAS memilih beliau bertanding dalam kawasan DUN Bukit Panau dalam kawasan Parlimen Tanah Merah dalam pilihan raya 1979.

Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 1967 ketika berusia 29 tahun dengan mengahwini Aminah binti Abdullah (kini Datin Hajah). Hasil perkongsian hidup pasangan bahagia dan dirahmati Allah ini, mereka dikurniakan lima orang cahaya mata, empat perempuan dan seorang lelaki. Kesemua anaknya telah berumahtangga dan kini mempunyai 20 orang cucu (11 lelaki dan 9 perempuan).

Penyandang anugerah Tokoh Guru YIK (Yayasan Islam Kelantan) pada tahun 2009 ini bukan sahaja berjaya dalam pembentukan dirinya untuk menjadi seorang pemimpin walaupun menjadi yatim piatu ketika usia remaja tetapi beliau juga berjaya mendidik anak-anaknya muncul sebagai profesional. Anak sulung beliau bertugas sebagai doktor, dua orang bergelar pensyarah universiti (seorang daripadanya bergelar Prof. Madya) dan dua orang lagi merupakan lulusan undang-undang (salah seorangnya berkhidmat sebagai peguam bella dan penguam cara).

Penyertaan dalam politik dan gagasan Membangun Bersama Islam

Kesanggupan beliau mengorbankan jawatan sebagai guru agama di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum pada ketika itu, membuatkan beliau disindir oleh orang UMNO ketika itu. Sindiran yang sengaja dijadikan saraf pilihan raya untuk melemahkan semangatnya.

"Mereka kata orang PAS ni tidak kira apa keadaan sekalipun, sanggup terjun ke bawah walaupun tidak tahu apa yang ada di sana (bawah)," ujarnya.

Baginya, kata-kata itu jika hanya difikirkan menggunakan logik akal semata-mata, memang tiada salahnya. Tetapi kebenarannya adalah, penyertaan beliau dalam politik bukan sekadar main-main atau hanya untuk kepentingan peribadi tetapi merupakan amanah yang diberikan oleh jemaah (PAS) untuk berdakwah dan menegakkan agama-Nya. Dengan keyakinan penuh segala usaha dan pengorbanan yang dilakukan akan diganjarkan pahala selayaknya oleh Allah SWT. Ini kerana perjuangan ini merupakan jihad di jalan Allah dan beliau dengan penuh keyakinan sanggup menghadapinya ketika itu.

"Memang ketika itu kita tidak menang, malah saya kehilangan kerja, tetapi saya tidak ralat kerana perjuangan PAS adalah untuk menyebarkan hukum Allah. Walaupun PAS belum menang, namun kita berjaya berdakwah kepada masyarakat, memperkenalkan perjuangan Islam yang di bawa oleh PAS," ujarnya.

Menurutnya, kerana usaha pimpinan terdahulu membuatkan parti PAS diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat. Apabila sudah sampai masanya, Allah akan mengizinkan kemenangan itu tanpa diduga oleh sesiapa pun. Itulah keyakinan yang dipegang beliau dari dahulu sehingga sekarang yang menjadi azimat penguat untuk beliau terus *thabat* dan istiqamah dalam perjuangan.

Bagi Dato' Abdul Halim, kekalahannya ketika itu tidak mematahkan semangatnya untuk terus berjuang, apakah lagi Allah telah menggantikan nikmat lain yang begitu besar kepadanya di dunia lagi. Kelahiran satu-satunya anak lelaki yang diberi nama Anwar (anak keempat daripada lima adik-beradik) melengkapkan keluarganya benar-benar mengubat jiwanya selepas kalah pada pilihan raya itu.

"Kebetulan selepas saya kalah pada pilihan raya itu saya telah mendapat anak lelaki. Seolah-olah Allah gantikan kekecewaan saya dengan mengurniakan anak lelaki setelah saya mempunyai tiga orang anak perempuan sebelumnya," jelasnya.

Menurut beliau, sebagai orang Islam kita seharusnya reda dengan kekalahan dan tidak boleh terus hanyut dalam kekecewaan. Allah aturkan segalanya dengan sempurna mengikut kemampuan manusia. Sabar dan kuatkan semangat adalah kunci dalam perjuangan. Selepas tewas pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1978, beliau mula bermula menuhi sunnah Rasulullah dan juga hasrat Dato' Mohd Asri Muda yang mengamanahkan kepadanya untuk menguruskan perniagaan batu-bata milik beliau pada ketika itu iaitu Syarikat Batu Bata Tanah merah di Bukit Merah, Tanah Merah.

Meskipun tewas pada PRU 1978, beliau bertanding lagi buat kali kedua pada tahun 1982 di DUN Sungai Keladi (Kota Lama). Sekali lagi beliau tewas dalam pertandingan itu. Kali ketiga beliau bertanding lagi bagi DUN Banggol dalam Parlimen Pengkalan Chepa pada tahun 1986 dan buat pertama kalinya beliau menang pada pilihan raya itu.

"Kami berbincang bersama-sama bagaimana nak bangunkan Kelantan berlandaskan Islam..."

Pada PRU 1990, beliau mempertahankan DUN Banggol dan menang lagi pada pertandingan itu. Ketika ini semua calon Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) yang turut disertai Parti Melayu Semangat 46 (S46) memenangi semua kerusi (39) DUN yang dipertandingkan. Tiada kerusi yang ditandingi UMNO dan komponen Barisan Nasional (BN) pada tahun itu dimenangi mereka sama ada peringkat DUN atau Parlimen.

Selepas PAS menang besar pada tahun 1990, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan dan Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan.

"Waktu mula-mula pegang Kelantan, kita memang tak tahu nak buat apa, sebab tak ada pengalaman. Tok Guru pula serahkan kepada saya sepenuhnya untuk uruskan pembangunan negeri. Amat sukar sekali maklumlah tidak ada dasar untuk membentuk kerajaan," katanya.

Apa yang penting, pembangunan fizikal, pendidikan, sosial mesti dibangunkan mengikut kaedah Islam bersesuaian dengan dasar negeri Kelantan iaitu Membangun Bersama Islam. Beliau seterusnya merumuskan dasar itu bersama Allahyarham Dato' Ustaz Yahya Othman yang ketika itu anggota EXCO kerajaan negeri.

"Kami berbincang bersama-sama bagaimana nak bangunkan Kelantan berlandaskan Islam dan pastinya Tok Guru (arwah) adalah pemutusnya," katanya.

Beliau turut merancang tanah di Lembah Sireh dibangunkan di tanah kerajaan walaupun ianya ditentang oleh segelintir pimpinan ketika itu. "Kalau tanah kerajaan sendiri nak bangunkan tak boleh, apa lagi tanah rakyat? Sekarang, tengok pembangunan pesat di Lembah Sireh dan banyak lagi," katanya.

Bermula awal tahun 90-an, beliau mengarahkan supaya projek pembangunan terbiar peninggalan BN dihidupkan semula. Kawasan baru seperti Jalan Hamzah dibangunkan dengan projek pembangunan. Manakala Wakaf Mek Zainab dan Tanjung Chat diberi kepada syarikat pemaju supaya memajukan kawasan berkenaan termasuk di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa.

Ketika itu juga bandar-bandar baru diwujudkan bagi menampung kesesakan bandar Kota Bharu yang semakin sesak, antaranya Bandar Baru Kubang Kerian dan Tunjong. Bagi merancakkan lagi pembangunan, beliau mengingatkan pimpinan Kelantan hari ini perlu ada wawasan sendiri dan tidak boleh berharap kepada idea pemimpin terdahulu.

Pada PRU 1995 dan PRU 1999, beliau memenangi PRU bagi DUN Kijang sebelum menjadi calon PAS di Parlimen Pengkalan Chepa pada tahun 2004 dan 2008 sebelum bersara ekoran keuzuran dan bergelut dengan masalah kesihatan.

Harapan dan amanat kepada generasi baru

“Sekarang pemimpin hari ini telah mengambil dari pimpinan dahulu yang telah melaksanakan agenda tersendiri dan berjaya merentasi segala jerih payah pelaksanaan pembangunan. Pemimpin hari ini mestilah mempunyai visi dan misi sendiri yang bersifat massa untuk bangunkan kerajaan negeri dan pemberian kebajikan rakyat”, ujarnya.

“Saya optimis kerajaan dengan kepimpinan hari ini sedang menggalasnya dengan meneruskan slogan Membangun Bersama Islam. Sebagai orang lama, saya berhak untuk berkata, dalam setiap perkara pastinya akan ada kelemahan dan kesilapan dan pesan saya agar janganlah mengulanginya. Baiki segera dan bangunkan negeri ini sebaiknya,” katanya.

Pada pertemuan itu, beliau turut mengingatkan semua pimpinan agar sentiasa membuat muhasabah pada segenap lapisan pimpinan parti dengan mempraktikkan imej Islam. Beliau bagaimanapun mengakui Kelantan hari ini jauh lebih baik berbanding negeri-negeri lain di negara ini kerana dasar Islamnya.

“Pendidikan di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) juga mesti dikembangkan secara meluas supaya dapat menghasilkan profesional yang mampu menghafal al-Quran. Pendidikan sains dan tahliz adalah sebahagian daripada idea Allahuhrham Tok Guru yang mesti dihidupkan selalu,” ujarnya.

Ketika bersama Tok Guru (arwah) dalam mentadbir negeri, beliau mengakui tiada masalah yang dihadapi. Beliau amat selesa dengan gaya kepimpinan Tok Guru (arwah). Arwah seorang pemimpin yang sentiasa ‘meraikan’ idea orang lain. “Dia mendengar, menerima dan seterusnya mengarahkan supaya perkara yang baik itu dilaksanakan dengan segera,” ujarnya.

Beliau menyeru penggerak parti dan kerajaan hari ini mempertahankan kemenangan kerajaan negeri sebaik mungkin. “Pertahankan kerajaan yang ada, perkuatkan jentera parti untuk mengekalkan kemenangan,” ujarnya.

Dato’ Abdul Halim pernah diamanahkan jawatan sebagai Ketua Penerangan PAS Pusat, Bendahari PAS Pusat dan Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat dan Anggota Jawatankuasa PAS Pusat.

Setelah diuji dengan masalah kesihatan beberapa tahun lalu, pergerakannya begitu terbatas, namun masih peka dalam bab politik. Beliau bangun sekitar pukul 4.30 pagi setiap hari dipenuhi dengan berwirid, solat sunat dan berterusan hingga selepas solat Subuh. Sebelum Zuhur beliau akan membaca al-Quran dan menonton televisyen. Selepas Asar beliau akan membaca surah al-Fatihah sebanyak 100 kali sehari termasuk surah al-Ikhlas dan selawat 100 kali.

Sejak empat tahun lalu, beliau tidak lagi ke mana-ma-

na, hanya berada di rumah. Beliau sering dikunjungi pimpinan parti peringkat Pusat dan negeri untuk bertanya khabar.



Ustaz Abdul Halim kelihatan ceria ketika sesi fotografi.

Perjuangan diteruskan

Jika disingkap sejarah silam Dato’ Abdul Halim, mungkin tidak akan percaya bahawa penjaja majalah Suara Islam suatu ketika dahulu itu pernah menjawat jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan dan menjadi antara tokoh utama kepada PAS. Apa yang lebih penting generasi kini perlu melihat kejayaan beliau membentuk diri menjadi ahli politik yang istiqamah dan tidak mudah mengubah pendirian walaupun guru politiknya dan ramai rakan dalam parti menukar parti khususnya ketika PAS dilihat sudah tidak bermaya dan kehilangan sinar suatu ketika dahulu.

“Pemimpin datang dan pergi tetapi perjuangan akan terus segar selagi dasarnya adalah Islam”, jelas beliau mengakhiri wawancara.

Dengan wajah ceria, beliau gagahkan wawancara dengan penuh harapan. Semangat dan kekentalan sepanjang bergelut dengan perjuangan yang bukan mudah untuk diharungi kerana ia bukan selama-lamanya dihampar permaidani tetapi lumrahnya adalah taburan duri. Perjuangan yang bukanlah dibina atas kerangka peribadi tetapi pastinya megah dengan *ribat ukhuwah* dalam satu bahtera jemaah iaitu PAS.

Apa yang lebih penting ialah beliau sering mengharapkan agar Allah SWT mengampunkan segala kesilapan semasa mentadbir negeri dan memimpin parti. Sudah pastinya dalam setiap aturan langkah sepanjang mengenderai kepimpinan akan ada salah dan silap, juga kelemahan sebagai manusia. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan lautan mana yang tidak pernah bergelora.

Beliau juga mengharapkan agar usaha dan kesabaran menghadapi segala jerih payah yang dihadapi sepanjang memimpin parti dan kerajaan akan diganjarkan pahala selayaknya oleh Allah SWT. **Q**

MANC'S CAP LADA

Oleh: Surina Suhaimi
Foto: Ahmad Na'im Muhammad



Mancis atau lebih dikenali sebagai 'ggesek' (oleh masyarakat Kelantan) sangat sinonim dengan masyarakat kampung di mana banyak kegunaanya dalam kehidupan sehari-hari. Kebanyakan masyarakat kampung menggunakan mancis untuk menghidupkan dapur kayu api, membakar sampah-sarap, menyalaikan pelita, dan rokok.

Malah penggunaannya tidak terhad kepada masyarakat kampung sahaja, tetapi meluas di hotel-hotel di mana banyak hotel di Malaysia membuat tempahan mancis melalui kilang Kelantan Match Factory dengan jenama hotelnya sendiri. Mancis Cap Lada juga begitu tersohor suatu masa dahulu di mana mereka turut menerima tempahan bagi Sukan Komanwel tahun 1998. Ini merupakan satu pencapaian yang paling mengagumkan bagi kilang ini.

Mancis Cap Lada dikeluarkan oleh Kilang Kelantan Match Factory telah bertapak di Kelantan sejak tahun 1933 dan masih kekal beroperasi di Sungai Keladi, Kota Bharu hingga kini.

Pada tahun 1995, Tan Lian Thian, ayah kepada Tan Pheck Leng 47 tahun, telah mengambil alih kilang tersebut dan kini diuruskan oleh bapa saudaranya iaitu Wee Soon Ngan, 68 tahun, dibantu oleh Mahmud Mohd Nor, 79 tahun selaku penyelia kilang tersebut.

Kelantan Match Factory Sdn Bhd mempunyai tiga kilang dengan kawasan seluas 2.8 ekar. Ketiga-tiga kilang ini beroperasi serentak pada setiap hari dengan tugas yang berbeza. Seramai 39 orang pekerja menjayakan pengeluaran mancis di mana hampir 96,000 mancis dapat dihasilkan dalam masa sehari dengan penggunaan mesin dan juga kaedah tradisional. Terdapat tiga saiz mancis iaitu 13mm, 15mm dan



Pintu masuk
Kelantan Match Factory.



Kilang 1.

20mm. Sebanyak 80 peti dihasilkan di mana satu peti mengandungi 1,200 kotak, dan dalam satu kotak mengandungi jumlah batang mancis yang berbeza mengikut saiznya.

Kilang ini beroperasi enam hari seminggu bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.30 petang. Pekerja menjalankan tugas mengikut shif yang telah ditetapkan dan mereka tidak terikat dengan satu tugas sahaja di mana mereka akan ditugaskan dengan tugas yang berbeza-beza mengikut keperluan kilang di samping menambah kemahiran pekerja dalam mengendalikan mesin-mesin yang pelbagai.

Proses pertama bermula di *Outer Box Machine* apabila sekeping kayu nipis dilipat, digam dan dibalut. Seterusnya dijemur. Kayu ini yang telah siap bertanda diimport daripada China kerana faktor kos dan tenaga yang lebih jimat. Mengikut Wee Soon Ngan, kayu lembut diperlukan untuk menghasilkan batang mancis yang terdiri daripada kayu Terentang atau kayu Simpul Paya.



Kayu nipis.

Kemudian, kayu-kayu tersebut akan dibawa ke *Dryer Machine* yang berfungsi untuk mengeringkan kotak yang mengambil masa sekurang-kurangnya 10 minit. Dua orang pekerja diperlukan bagi mengendalikan mesin ini.

Inner Box Machine pula berfungsi untuk menghasilkan kotak di bahagian dalam. Terdapat 4 unit mesin dibahagian ini dan memerlukan dua orang tenaga kerja bagi setiap mesin. Ketiga-tiga proses ini berlangsung di Kilang 3.

Proses yang seterusnya ialah *Labelling*. Proses ini memerlukan tiga orang pekerja sekali gus di mana mesin akan berjalan serentak yang melibatkan kotak luar, kotak dalam dan label. Kotak dalam akan dimasukkan ke dalam kotak luar secara serentak dengan proses menampal label. Label pula dilekatkan dengan menggunakan kanji supaya ia tahan lebih lama. Mesin ini tidak dapat beroperasi jika pekerja tidak cukup tiga orang.



Dipping Machine atau proses celupan juga beroperasi pada masa yang sama. Mesin ini beroperasi dua atau tiga kali sahaja seminggu oleh dua orang pekerja. Di mesin ini, proses mencelup keseluruhan batang mancis ke dalam lilin dijalankan. Kemudian bahagian kepalanya akan dicelup bahan kimia yang terdiri daripada kalium klorida, kanji, sulfur dan silika. Bahan-bahan ini diadun dua kali seminggu untuk dijadikan stok. Kepala mancis mempunyai pelbagai warna mengikut permintaan pelanggan seperti merah, biru, hijau, coklat, dan sebagainya. Pewarna dimasukkan ke dalam bahan-bahan tersebut ketika proses mencelup kepala mancis dilakukan. Seterusnya ia dikeringkan dan diratakan bagi memudahkan untuk masuk ke *Filling Machine*.

Proses membuat batang mancis merupakan proses yang rumit. Batang kosong diasinkan sebelum dimasukkan kedalam mesin yang akan mengadun batang itu dengan campuran khas yang mudah bakar seakan lilin. Oleh sebab itu, batang mancis jarang diproses di kilang ini tetapi ia diimport dari negara China memandangkan kos pemprosesan dan penyelenggaraan yang tinggi.

Di *Filling Machine*, batang mancis diisikan ke dalam kotak. Ia memerlukan dua orang pekerja untuk mengendalikan mesin ini di mana batang mancis yang tidak teratur perlu disusun semula, manakala batang mancis yang patah akan dibuang. Ini penting bagi ketiga-tiga proses ini bagi menjaga kualiti persembahan mancis tersebut.



Manakala di Kilang 1 pula, *Side Pasting Machine* beroperasi bagi proses melekatkan *striking area* di kedua-dua sisi kotak. Proses ini dilakukan dua kali bagi memastikan ianya kemas dan melekat dengan sempurna. *Striking area* mempunyai campuran bahan karbida yang akan menyebabkan mancis menyalah akibat daripada geseran di permukaan tersebut. Proses ini memerlukan lebih kurang 5 orang pekerja di mana kecepatan dan kecekapan diambil kira dalam mengendalikan mesin ini.

Setelah kedua-dua sisi kotak dilekatkan karbida dengan sempurna, ia dihantar ke *Packing Machine* bagi tujuan membungkus. Sekali lagi kanji digunakan untuk melekatkan kertas pembungkusan agar lebih kemas dan tahan lama. Lebih kurang empat orang pekerja diperlukan untuk mengendalikan mesin ini. Mancis diisi ke dalam kotak kemudiannya dibungkus dalam bungkus yang lebih besar dinamakan peti.



Bahan-bahan untuk *striking area*.



Pembungkusan dilakukan dengan sangat teliti bagi memastikan ianya kemas dan sampai kepada pelanggan dengan selamat. Oleh itu kanji digunakan bagi memastikan bungkusan tersebut melekat dengan baik. Selepas itu ia diedar ke seluruh Malaysia sebanyak dua atau tiga kali seminggu mengikut permintaan pelanggan.

Kini mancis dijual dengan harga RM0.30 sekotak berbanding RM0.05 pada tahun 1960-an. Walaupun mendapat saingan hebat daripada mancis moden, mancis tradisional tetap menjadi pilihan pelanggan kerana harganya yang murah dan senang didapati. Jika dibandingkan dengan harga RM0.30 sekotak, ianya sangat berbaloi kerana usaha yang padu perlu dilaksanakan bagi menghasilkan sekotak mancis. Apa yang lebih penting, nilai sentimental mancis pada masyarakat Kelantan masih kuat di samping keperluannya. Q



Batang mancis diisi ke dalam kotak.



Packing machine.



Proses membungkus dilakukan di Kilang 1.



Peti-peti yang telah disiapkan.



MAGGI KETAM

MENU POPULAR SIANG DAN MALAM

Oleh: Zanazanzaly
Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Resipi Maggi Ketam mula diperkenalkan kepada orang ramai oleh pemilik-pemilik restoran berhampiran muara sungai di negeri Kelantan pada akhir era 1990-an disebabkan terdapat banyak sumber makanan alternatif yakni ketam nipah.

Namun ia popular setelah memasuki era milenium seiring dengan kecanggihan teknologi telekomunikasi dan internet yang menyebabkan menu tersebut menjadi tular sehingga meledak kemasyhuran menu ini keluar daripada negeri Cik Siti Wan Kembang hingga ke seluruh pelosok tanah air.

Mi segera berkuah kari pedas-masin berlaukan ketam nipah segar dengan isinya yang lemak-manis menjadi kegemaran ramai dek kerana kombinasinya mencipta satu rasa pecah liur yang amat menambat selera. Ia ternyata menjadi bualan para penggemar makanan yang sentiasa mencari kelainan sehingga mewujudkan satu fenomena baru mutakhir ini.

Maggi Ketam mendapat julukan nama daripada jenama mi segera yang sinonim dengan masyarakat tempatan walaupun ada juga jenama mi segera lain yang digunakan. Bahkan perencahnnya tidak semestinya menggunakan serbuk perencah yang disediakan di dalam setiap bungkus mi segera tersebut.

Para peniaga kebanyakannya mencipta kelainan dengan mengaduk perencah mereka yang tersendiri demi memikat selera pengunjung agar setia mengunjungi restoran mereka setelah mencuba sekali pastinya nak lagi.

D'Lah Maggi Ketam Corner, Pauh Sembilan, Bachok

Hal ini dikongsikan oleh Normilah Mat Rani, 45, bersama Nasmaidi Jais, 47, pengusaha Restoran D'lah

Maggi Ketam Corner di Pauh Sembilan, Bachok sejak 11 tahun lalu.

Menurut Normilah, tercetusnya idea mencipta resipi tersebut setelah suaminya dapat membubu ketam nipah dalam jumlah yang banyak di muara sungai berdekatan.

Pasangan suami isteri ini kemudiannya terus memikirkan resipi yang sesuai dengan ketam-ketam tersebut iaitu menggabungkannya dengan mi segera melalui kaedah cuba jaya dan akhirnya terhidanglah juadah maggi ketam nipah yang lazat berkuah ala sup asli dan tradisi seperti yang disediakan di restorannya sekarang.

Disebabkan permintaan yang tinggi terhadap menu ini, selain daripada hasil bubuan sendiri dan pembekal ketam nipah dari Pantai Cahaya Bulan, Nasmaidi perlu juga membeli ketam-ketam nipah tersebut daripada pembekal di Penarik, Setiu, Terengganu bagi menambah keperluan masakan tersebut sehingga menyebabkan harga semangkuk maggi ketam mencecah ke paras RM45.00 dengan tambahan lauk sotong, tiram dan udang. Harga biasa ialah RM25.00 sahaja untuk ketam segar bersaiz sederhana.

Mereka gigih mempromosikan resipi Maggi Ketam melalui laman sosial dengan bantuan Nestle iaitu syarikat yang membekalkan produk mi segera jenama Maggi kepada restoran mereka sehingga menghasilkan purata jualan sebanyak 15 kilogram untuk satu malam.

D'lah Maggi Ketam Corner dengan tenaga kerja seramai 6 orang ini turut menyediakan hidangan masakan panas yang lain sebagai pilihan alternatif kepada pelanggan. Ia beroperasi bermula dari pukul 5.00 petang hingga 1.00 pagi setiap hari kecuali hari Selasa.



Pesanian pihak restoran kepada para penggemar Maggi Ketam yang berhajat menempah juadah ini bagi tujuan sajian untuk majlis keramaian mahupun hidangan pengantin pada acara santapan berhias bagi mencipta kelainan tersendiri mahupun buat pengunjung yang enggan menunggu lama di meja dan mahu segera menikmati juadah Maggi Ketam istimewa sajian D'lah Maggi Ketam Corner, bolehlah membuat tempahan awal melalui talian 017-909 6421. Manakala koordinat untuk ke lokasi restoran tersebut adalah: <https://g.co/kgs/Q0Zdb7>.



Nama D'Lah Maggi Ketam Corner diambil sempena nama Nasmaidi dan Normilah.



Maggi Ketam hasil tangan Nasmaidi tidak pernah mengecewakan.



Mr. Crab, Pasir Pekan, Tumpat.

Seorang lagi pengusaha restoran Maggi Ketam yang menamakan restorannya sebagai Mr. Crab, Aiman Yusri Mohd Yusuf, 31, berkongsi cerita bagaimana tercetusnya idea untuk mereka cipta resipi menggunakan ketam nipah apabila beliau mengetahui kemujaraban isi ketam tersebut terhadap pesakit demam denggi.

Bermula dengan niat suci itulah ayah kepada tiga orang cahaya mata itu mula berbincang dengan tukang masaknya, Pak Su Ali, 37, untuk menghasilkan Maggi Ketam versi kuah singgang khas untuk pengidap demam denggi. Kuah singgang ini seperti kuah sup yang menjadikan lengkuas sebagai bahan asas.

Pak Su Ali selaku tukang masak berpengalaman, ketika diwawancara, turut berkongsi petua penawar bagi yang terkena sepit ketam ialah dengan menampalkan isi ketam daripada bahagian sepit yang

menyengat tangan atau anggota badan.

"Isi tersebut, dengan izin Allah dapat mencegah tempat terkena sepit ketam itu daripada bengkak dan sakit." Ujar Pak Su Ali bersungguh-sungguh.

Berkat usaha mereka untuk menolong memulihkan pesakit demam denggi telah berjaya menarik ramai pelanggan dengan keunikian resipi Maggi Ketam Singgang. Kemudian, mereka mencipta pula resipi Maggi Ketam berkuah ala mi bandung likat pedas sebagai sajian pilihan.

Rezeki menyebelahi mereka apabila hidangan pilihan ini juga menjadi tular di laman sosial sehingga berjaya menarik lebih ramai pelanggan terutama pada musim waktu niaga puncak sehingga pihak Restoran Mr. Crab yang beroperasi di Pasir Pekan, Tumpat sejak tahun 2005 ini perlu menyediakan bekalan 100kg ketam nipah untuk keperluan tiga hari khususnya pada musim cuti perayaan ataupun cuti sekolah.

Oleh sebab itu, selain bekalan ketam-ketam segar yang dibekalkan oleh pembekal dari Tumpat dan Bachok, beliau juga berikhtiar mendapatkan bekalan ketam segar dari Sabah yang dihantar melalui pesawat yang memakan masa selama 1 jam 45 minit sebagai bukti komitednya beliau menyajikan hidangan paling istimewa kepada pelanggan Maggi Ketam di restoran **Mr. Crab** yang bukan sahaja terdiri daripada golongan dewasa bahkan kanak-kanak.

Demi memenuhi citarasa pelanggan, Aiman sentiasa memastikan stok ketam-ketam segar itu mencukupi bagi menampung permintaan pelanggannya yang saban hari kian ramai dan mempunyai citarasa yang pelbagai seperti permintaan untuk resipi ketam nipah lada hitam, tiga rasa ataupun tom Yam.

Keistimewaan lain yang ditawarkan di Restoran Mr. Crab ialah pelanggan boleh memilih sendiri ketam-ketam segar yang masih hidup untuk menantu-

kan sendiri nilai juadah Maggi Ketam yang mahu mereka nikmati.

Harga bermula daripada RM25.00 berdasarkan saiz ketam sederhana dan meningkat kepada RM30.00 untuk tambahan empat ekor udang galah sungai. Manakala bagi permintaan ketam nipah bersaiz A ganda dua akan ditimbang mengikut berat didarab dengan nilai RM50.00 sekilogram. Kebiasaan ketam ini jenis yang bertelur sebagai bonus penambah nilai kelazatan dengan kelikatan kuahnya.

Restoran Mr. Crab yang dikendalikan oleh tujuh orang pekerja ini beroperasi dari pukul 2.00 petang hingga 1.00 pagi dan bersedia menerima tempahan bagi acara makan malam khas mahupun santai.

Tempahan awal amatlah dialu-alukan melalui talian 013-988 0001.



Alemy Maggi Ketam, Semerak, Pasir Puteh

Khusus kepada peminat-peminat Maggi Ketam yang mahu makan secara berkumpulan dalam jumlah yang ramai, Restoran **Alemy Maggi Ketam**, Semerak, Pasir Puteh adalah pilihan ideal kerana restoran ini menyediakan menu tersebut secara eksklusif tanpa juadah lain.

Dalam masa setengah jam, hidangan dimasak dan dihidangkan serentak di dalam mangkuk tanah liat bertangkai untuk mengekalkan keaslian rasa enak resipi ciptaan pengusaha iaitu Mohd Alemy bin Che Leh, 45, bersama isterinya iaitu Sakinah binti Mohammad, 43.

Sebanyak 100kg ketam nipah disajikan sehari untuk para pengunjung yang majoriti terdiri daripada golongan selebriti dan orang-orang kenamaan dari dalam dan luar negara. Pada musim perayaan, permintaan terhadap menu ini meningkat sekali ganda. Bekalan ketam nipah segar diperolehi daripada penjerat ketam sekitar yang menggunakan bito atau tangkul selain membeli secara pukal di Pasar Borong Selayang bahkan mengimportnya dari Myanmar.



Pemilik Restoran Alemy Maggi Ketam



D'Syaz Cafe, Pantai Cahaya Bulan

Teknik membius ketam bakau segar menggunakan rendaman ais untuk membersihkan keseluruhan badan ketam sebelum dibelah dua dan memasukkannya ke dalam periuk atau kuali yang limpah dengan kuah berperencah asli daripada rempah-ratus tempatan dan tiada satu pun produk yang diimport bagi memastikan zat dan kelazatan isi haiwan berprotein tinggi itu benar-benar tulen dan tidak bercampur dengan anasir lain.

"Sebab itulah, Insya-Allah para pelanggan kami tidak bersin ataupun terkena alahan semasa atau pun sesudah makan Maggi Ketam di sini kerana memang kita mencuci bersih kantung najis ketam semasa ia pengsan kesejukan," ujar pemilik D'Syaz Cafe, Pantai Cahaya Bulan (PCB), Kota Bharu, Ajizah binti Salleh, 52.

Suaminya Kaswadi bin Ismail, 52, menambah, mereka juga mencadangkan setiap menu ketam nipah diambil dengan minuman jus buah seperti epal, laici, beri dan paling mujarab ialah air limau nipis atau "singa beng".

"Minuman berkafein perlu dielakkan ketika menjamah apa juu juadah berdasarkan ketam nipah." Tambah pengusaha restoran yang sering menerima kunjungan dari istana dan para kerabat untuk menikmati sajian Maggi Ketamnya. Bagi yang berminat untuk membuat tempahan awal, bolehlah menghubungi talian 013-9435050.

Nah, para Maggi Ketam mania sekalian mahupun individu yang belum merasai keenakan resipi yang telah pun menular ke seluruh Malaysia bermula dari Kelantan, silakan berkunjung segera ke lokasi yang dinyatakan ataupun mendail nombor talian bagi menempah juadah anda dan jadilah sebahagian daripada penikmat rasa Maggi Ketam yang mencetuskan suatu fenomena luar biasa abad ini.



Kaswadi dan Ajizah berganding bahu menguruskan D'Syaz Cafe.



Kaswadi mengasingkan ketam daripada kuahnya.



Antara alatan yang diperlukan ketika menikmati ketam.



DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN SYED MOHD TAHIR **SINONIM DENGAN PROTON**

Oleh: Lanjusho Foto: Ahmad Naime Muhammad

Dilahirkan di Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan pada 11 September 1962, Dato' Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohd Tahir mewarisi darah anak Kelantan melalui keluarga sebelah ibunya, Nik Azizan Nik Salleh. Manakala ayahnya Syed Mohd Tahir Syed Hamzah berasal dari Kuala Terengganu.

Nama Dato' Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohd Tahir sangat sinonim dengan Proton. Beliau bersama Proton Holdings Berhad (Proton) bermula pada Januari 2006 sehingga Mei 2012, kerana minatnya yang mendalam dalam bidang pembuatan yang berkait rapat dengan kejuruteraan. Sepanjang beliau menerajui Proton, syarikat pengeluar kereta nasional tersebut telah mencipta beberapa sejarah gemilang permotoran negara.

Bagi mengenali sosok tubuh anak kelahiran Kelantan yang menjadi ikon dunia permotoran negara ini, ikuti temu bual ekslusif beliau bersama wakil Qiadah ketika ditemui baru-baru ini.

Qiadah: Boleh Dato' Sri kongsikan sedikit latar belakang Dato' Sri kepada pembaca Qiadah?

Dato' Sri: Saya menetap di Kota Bharu sekitar 7 tahun. Sekolah pertama saya adalah Sekolah Kebangsaan Padang Garong semasa darjah satu dan dua sebelum mengikut keluarga berpindah ke Johor Bahru selepas ayah saya yang bekerja di Jabatan Pengangkutan Jalan dipindahkan ke sana.

Kami hanya menetap di Johor Bahru sekitar tiga tahun sebelum ayah saya dipindahkan sekali lagi ke Pulau Pinang. Di sana saya menghabiskan pengajian menengah di tingkatan lima, Sekolah Penang Free. Kemudian saya mendapat biasiswa untuk menyambung pengajian tinggi di Amerika Syarikat selepas menduduki MCE (Malaysian Certificate of Education).

Saya menyambung pengajian di University of Maryland, Amerika Syarikat dalam bidang kejur-

teraan awam, bermula dari tahun 1980 hingga 1984. Saya menimba pengalaman bekerja di Amerika Syarikat selama sembilan bulan sebelum kembali ke tanah air pada tahun 1985. Oleh kerana kegawatan ekonomi pada ketika itu menyukarkan peluang pekerjaan, saya mengambil keputusan bekerja sementara sebagai jurujual perabot, sebelum saya menyertai Petronas dua tahun kemudian, iaitu bermula pada tahun 1987 hingga tahun 1995.

Qiadah: Bagaimana pula dengan kerjaya awal Dato' Sri?

Dato' Sri: Setelah kembali ke tanah air saya bekerja di Petronas kira-kira 10 tahun. Menimba pengalaman dalam industri minyak dan gas. Saya mula berkhidmat di Petronas Gas untuk projek paip gas dan kemudian di bahagian strategi korporat yang terlibat dengan projek-projek di negara Kampuchea dan Vietnam. Apabila agak lama dalam industri tersebut, saya merasakan perlu mencari pengalaman berkaitan industri lain pula.

Pada tahun 1996, saya mula menceburi bidang pembuatan. Ketika itu syarikat pembuatan terbesar di bawah kerajaan ialah HICOM (Heavy Industries Corporation of Malaysia). Saya memulakan tugas di HICOM dalam sektor korporat. Pada masa itu HICOM merancang mengeluarkan lori Perkasa yang berkapasiti tiga tan. Saya telah dilantik sebagai pengurus projek. Akhirnya pada tahun 1997, lori Perkasa berjaya dikeluarkan di Pekan. Selepas itu Tan Sri Yahya Ahmad (Allahyarham) mengambil alih teraju HICOM.

Semasa bekerja di Pekan, keluarga saya tinggal di Kuala Lumpur. Faktor berjauhan dengan keluarga menjadi faktor utama penghijrahan saya ke Perodua (Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd) pada tahun 1999 dengan tanggungjawab yang lebih besar. Saya bekerja di Perodua hampir enam tahun. Di Perodua saya banyak melihat dan membuat kajian lapangan tentang industri pembuatan permotoran. Bagi menimba lebih banyak pengalaman, saya juga melawat kilang kereta Toyota dan Daihatsu di Jepun semasa saya menjawat jawatan Timbalan Pengarah Urusan Perodua.

Selepas enam tahun di Perodua, saya berpindah ke Proton yang dikuasai oleh Khazanah Nasional Berhad pada ketika itu. Detik-detik ini melonjakkan saya dan sehingga kini saya masih sinonim dengan Proton.

Qiadah: Apakah kenangan paling menarik Dato' Sri semasa bekerja di Petronas dan Proton?

Dato' Sri: Sebagai seorang jurutera, tentunya saya lebih berminat bekerja dalam industri pembuatan. Petronas memproses bahan semulajadi dan banyak yang saya belajar semasa di sana. Proton pula banyak memberikan bahan yang kita boleh buat seperti lampu, enjin kereta dan macam-macam lagi. Saya sangat berminat dengan bidang itu dan kerja saya akan lebih terarah dalam industri pembuatan.

Konsep berkerja sebagai satu pasukan adalah faktor utama menjayakan apa jua agenda sekalipun ianya agenda besar dan sukar. Faktor kepuasan bekerja juga memainkan peranan penting dalam kejayaan sesuatu perkara. Saya mempunyai minat yang mendalam dengan reka cipta produk yang menunjukkan identiti Malaysia.

Kami bekerja dalam satu pasukan seperti satu keluarga. Apabila kereta kami dapat dikeluarkan dan dipasarkan maka terasa kepuasan sebagai pengeluar produk. Semasa di Proton, saya melalui fasa kepuasan peribadi dengan penghasilan kereta jenama nasional. Ketika di Perodua, kereta Myvi dihasilkan semasa saya sebagai Pengurus Projek.

Terdapat lebih kurang 200 jurutera terlibat bagi menghasil sesebuah kereta. Setiap hari mereka bekerja sebagai satu pasukan. Maka terhasillah kereta nasional seperti Saga, Persona, Proton Exora serta Preve hasil bekerja dalam satu keluarga.

Apabila sesuatu produk itu dikeluarkan di pasaran, kita rasa puas hati. Kepuasan terasa apabila produk itu dapat diterima oleh rakyat Malaysia dan dieksport pula ke negara lain, lebih-lebih lagi dapat dipasarkan sehingga ke United Kingdom. Ini dapat membuktikan bahawa orang tempatan pun ada keupayaan untuk membuat kereta sendiri.

Qiadah: Betulkah Proton benar-benar produk Malaysia? Sebab ada orang menyebut hanya kerangka buatan Malaysia namun enjin daripada negara lain?

Dato' Sri: Persoalan ini sering diperkatakan oleh kebanyakan orang. Ia boleh dilihat dalam dua aspek sama ada positif atau negatif. Bagi saya perkara ini perlu dilihat secara menyeluruh dan bersusur-galur dari awal pembuatan kereta sehingga produk yang kita ada hari ini.

Memanglah mula-mula enjin Proton diambil daripada produk lain yang telah diuji dan dikenali. Pada peringkat awal kerangka dan enjin diambil daripada Mitsubishi. Kemudian enjin sahaja Mitsubishi dan kerangka buatan Malaysia. Kita buat secara berpe-

ringkat dan akhirnya hari ini kerangka dan enjin adalah buatan Malaysia.

Komponen-komponen kecil Proton sememangnya diambil daripada Mitsubishi kerana adalah tidak ekonomik jika penghasilan komponen dibuat dalam jumlah yang kecil. Maka kolaborasi digerakkan sebagai sistem penghasilan sesebuah kereta mengikut jumlah keluaran.

Proton Exora sebagai contoh adalah buatan Malaysia. Tetapi bagi kereta yang dikeluarkan dalam jumlah yang kecil kita tidak buat sendiri, misalnya kereta Proton Perdana menggunakan enjin dan kerangka bawah daripada Honda kecuali bahagian atasnya adalah buatan Malaysia.

Begini juga Proton Inspira adalah produk Mitsubishi. Kalau jumlah pengeluaran adalah kecil antara 500 hingga 600 buah sebulan, adalah tidak memadai untuk dikeluarkan sendiri. Sebuah kereta baru yang kita ingin hasilkan memerlukan kos kira-kira RM600 juta. Paling tidak kita kena jual sehingga 5,000 buah sebulan barulah berbaloi. Kalau kita mengeluarkan belanja sehingga RM600 juta dan dapat jual hanya 500 atau 600 buah sebulan adalah tidak memadai.

Jenama antarabangsa yang lain juga menggunakan kaedah kolaborasi jika kereta yang dikeluarkan adalah dalam jumlah yang kecil. Volkswagen dan Audi juga melakukan kolaborasi. Banyak syarikat yang membuat kolaborasi mengikut kepakaran masing-masing. Malaysia sekarang sudah mampu membuat kereta sendiri. Proton Persona dan Proton Saga yang baru adalah seratus peratus buatan Malaysia.

Qiadah: Apa pencapaian yang dikira satu kepuasan semasa Dato' Sri berkhidmat di Proton?

Dato' Sri: Dalam mana-mana syarikat korporat selalunya yang diperkatakan adalah soal keuntungan. Anda akan dikira berjaya sekiranya keuntungan meningkat. Ia barangkali betul bagi sesetengah orang tetapi bagi saya kepuasan sebenarnya ialah apabila anak-anak buah kita gembira dan bersemangat. Kita mendidik mereka melakukan kerja secara profesional dan nampak peningkatan dari segi disiplin. Itu satu kepuasan sehingga ada orang ingat sampai sekarang. Saya tidak berminat untuk memberikan arahan sahaja.

Bagi saya kalau hendak membuat sesuatu, lebih baik saya melakukannya sendiri. Kita beri tunjuk ajar bagaimana cara hendak membuat produk. Itu baru dipanggil sebagai proses pembelajaran. Pekerja juga dihantar latihan ke luar negara. Mereka yang asalnya tidak pandai akhirnya menjadi pandai, itu satu kepuasan.

Kepuasan juga apabila pembeli memberitahu bahawa mereka puas hati dengan kereta yang dikeluarkan. Biarpun sudah empat tahun berhenti di Proton, tetapi ada orang ingat saya masih lagi di Proton.

Qiadah: Apa cabaran utama sepanjang perkhidmatan Dato' Sri di Proton?

Dato' Sri: Semestinya setiap tanggungjawab datang dengan cabaran yang sewajarnya. Semakin besar tanggungjawab maka semakin hebat cabaran. Setiap cabaran pula jika dilihat semata-mata sebagai cabaran ia akan menjadi sukar, tetapi jika dilihat sebagai "medium" untuk membuktikan tanggungjawab yang digalas sama ada ikhlas atau sebaliknya, serta beriktikad untuk belajar maka segalanya akan diuruskan dengan senang.

Ketika itu ada dua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang agak 'panas' iaitu Proton dan MAS. Saya dan Dato' Sri Idris Jala pada ketika itu selalu menyertai mesyuarat bersama Perdana Menteri. Tiap-tiap bulan kita bermesyuarat dengan Perdana Menteri. Banyak pengalaman yang saya perolehi, termasuklah berinteraksi dengan orang-orang korporat dari Khazanah Nasional dan pemimpin-pemimpin politik bermula daripada Perdana Menteri sehingga kepada menteri-menteri. Pengalaman ini mengajar saya sifat sabar dan bertoleransi, serta kaedah-kaedah pendekatan politik yang perlu diambil perhatian mengikut situasi yang pelbagai.

Qiadah: Selepas meninggalkan Proton, Dato' Sri bertugas di mana?

Dato' Sri: Selepas meninggalkan Proton, saya menggangur kira-kira empat bulan. Sebelum berhenti, saya bertemu dengan Perdana Menteri dan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat Proton ketika itu. Selepas itu saya pergi menunaikan umrah dan memulakan perniagaan sendiri. Saya bertemu dengan kawan-kawan dan membuat *restructuring* syarikat mereka dan membeli saham secara berperingkat.

Apabila usia saya sudah melewati 50-an, saya tidak berminat lagi untuk makan gaji dan mahu berusaha membina kerjaya sendiri.

Qiadah: Sebelum ini adakah Dato' Sri kerap balik ke Kelantan?

Dato' Sri: Sebelum ini saya jarang balik. Mungkin dalam tempoh dua bulan sekali kerana ibu bapa saya berada di Kuala Lumpur. Balik ke Kota Bharu sekadar hendak jumpa saudara-mara. Selain itu saya balik ke Kelantan apabila teringin hendak makan nasi kerabu, jumpa kawan-kawan dan tengok peluang perniagaan yang ada.

Ketika itu setiap kali saya balik, saya akan pergi berjumpa arwah Tok Guru Nik Aziz. Boleh dikatakan itu perkara wajib. Saya pergi berborak dengannya dan solat di Masjid Pulau Melaka. Sekarang ini, selepas dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), saya lebih kerap lagi balik. Saya hendak tolong negeri saya, sebagai tanah tempat tumpah darah saya.

Qiadah: Apa pandangan Dato' Sri apabila ramai

anak-anak Kelantan suka merantau mencari pekerjaan di tempat orang. Adakah kerana tidak ada peluang pekerjaan di negeri sendiri?

Dato' Sri: Merantau bukan kerana mahu tinggalkan negeri tetapi mahu mencari pengalaman. Baguslah kerana Rasulullah SAW pun berhijrah.

Kita berhijrah ada matlamat bagi mencari ilmu dan rezeki. Apa yang penting selepas kita berhijrah dan mempunyai pengalaman, kena tengok pula tempat asal kita. Sebab itulah saya rasa tidak kena kalau tidak tolong negeri sendiri. Kita bantu ikut apa kemampuan yang kita ada. Kita nasihat dan buat kerja bersama NGO membantu mana-mana yang sesuai. Kalau semua anak tempatan yang berada di luar buat begitu maka cepat majulah Kelantan.

Qiadah: Apakah keistimewaan yang dimiliki oleh Kelantan dan rakyatnya pada pandangan Dato' Sri?

Dato' Sri: Semua orang tahu akhlak orang Kelantan. Sifat lemah lembut, sopan santun, dan apabila bercakap bahasakan diri sebagai *ambo* (hamba). Itulah sifat orang Kelantan yang saya tengok.

Dari segi pergaulan, orang Kelantan juga suka membantu orang lain. Kita sepatutnya kena bercampur dengan semua orang.

Qiadah: Bagaimana Dato' Sri melihat keupayaan kerajaan negeri menjana ekonomi?

Dato' Sri: Kita kena tengok aspek cara mentadbir. Mungkin boleh ditambah baik. Ini kerana Kelantan banyak khazanah asli. Sebelum ini mungkin tidak ada orang bantu dan tidak terdedah dengan penerokaan bidang baru. Perubahan boleh dilakukan secara perlahan-lahan dan tidak boleh secara mendadak. Aspek pengurusan sebenarnya bergantung kepada pengalaman.

Perniagaan ada risiko dan kaedah yang perlu dibuat. Kena keras sikit dan tidak lembut sangat. Perniagaan ini kena agresif sedikit, kalau tidak ia kurang menjadi. Perniagaan mesti pandai meneroka peluang dan kerjasama tetapi susah sedikit kalau kita tidak ada pengalaman.

Kerajaan Kelantan sudah mengajak profesional balik, namun tidak ramai yang menyahut seruan itu. Mungkin faktor gaji yang tidak setara berbanding Kuala Lumpur. Keduanya, Kota Bharu tidak ada aktiviti luaran dan ketiga kerana faktor geopolitik. *Business is like politic*. Negeri-negeri lain lantik ramai profesional menjadi pentadbir. *They are not politician*. Kalau semua orang politik jadi pentadbir agak susah juga. Misalnya Singapura administration ramai profesional.

Qiadah: Sepatutnya bidang mana yang boleh diceburi lagi oleh kerajaan negeri bagi menjana-kan hasil kepada rakyat?

Dato' Sri: Ada sesetengah industri yang kita laksana tidak mengikut sistem yang sempurna. Misalnya kelulusan melombong sepatutnya kena ada *upstream* dan *downstream* industri. Kita kena kawal *upstream* dan *downstream*. Kita ada ladang kelapa sawit namun kita tidak kawal *downstream*. Orang boleh buat duit kerana mereka boleh kawal kedua-dua sekali.

Misalnya kalau kita ternak ikan, jika kita tidak kawal *downstream*, maka peraih pula yang mendapat untung. Kalau ada *downstream* apabila produk dah habis maka kita boleh dapat bekalan dengan pihak lain. Begitu juga industri pembalakan kita tidak ada *downstream* sedangkan khazanah balak lama-kelamaan akan habis. Kalau lombong perlu ada akademi, *downstream processing*.

Qiadah: Sehingga sekarang ramai yang mendakwa Kelantan negeri yang miskin, bagaimana Dato' Sri melihat realitinya?

Dato' Sri: Miskin bermaksud bukan dari segi kuasa beli. Orang Kelantan kalau tidak makan gaji mereka berniaga. Pulangan daripada bekerja di luar mereka bawa balik ke Kelantan. Istilah miskin boleh dikatakan dari aspek infrastruktur kalau dibanding dengan negeri-negeri lain. Misalnya di Kubang Pasu sejak dahulu tidak banyak berubah. Di negeri lain orang nampak canggih, kutip sampah pun guna mesin. Negeri lain mereka bekerjasama dengan kerajaan Pusat maka mereka mendapat banyak kemudahan. *Political differences*. Namun sekarang nampak lain sikit hasil kerjasama kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

Qiadah: Bagaimana Kelantan selepas ketiadaan arwah Tok Guru Nik Aziz?

Dato' Sri: Sekarang cara mentadbir agak terbuka. Menteri Besar sedia mendengar pandangan orang lain dan terbuka untuk kaedah-kaedah baharu.

Ketika saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Proton, tidak semua benda saya tahu. Kita juga mengharapkan nasihat orang lain. Kita perlu mencari penasihat yang boleh mendatangkan faedah. Cara Ustaz Dato' Ahmad Yakob nampak terbuka. Turun ke bawah dan mendengar penjelasan terhadap sesuatu perkara yang berlaku.

Qiadah: Apa lagi yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan negeri?

Dato' Sri: Kalau kita tanya kenapa sesuatu perkara itu tidak dibuat, akhirnya kita akan nampak faktor manusia. Kita tanya mengapa tidak pandai? Mengapa tidak belajar? Akhirnya akan muncul faktor manusia iaitu sikap. Prinsipnya 'Get the whole everybody' untuk bersemangat balik. Semangat dari segi prestasi dan disiplin. Nawaitu kita yang penting, sama ada orang suka atau tidak. Bukan kita mengharap rezeki daripada orang tetapi kita buat yang terbaik dan profesional.

Noktahnya yang menyimpulkan keseluruhan wawancara dengan tegas dan berhemah. 



AIR KELANTAN SDN. BHD. TERUS TINGKATKAN KHIDMAT UNTUK RAKYAT KELANTAN

Oleh: Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

Pada 14 September 2016 telah dimeterai perjanjian antara kerajaan negeri Kelantan dan Persekutuan berkaitan penstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Kelantan. Perjanjian ini merupakan salah satu daripada agenda nasional peringkat kerajaan Persekutuan yang mana pada tahun 2006 telah diperkenalkan Akta Industri Perkhidmatan Air dan diakutuasakan pada tahun 2008. Peringkat pertama Akta ini ditubuhkan, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah mengeluarkan lesen operasi kepada pengendali atau operator negeri termasuklah Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) pada tahun 2009.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh 7 buah negeri lain, ia telah membawa satu era baru bagi Aksb kerana selama ini Aksb membuat perancangan air secara *impromptu* dan *just in time* yang mana ketentuan pembiayaan kepada rancangan pembangunan air tidak dipastikan melalui perjanjian ataupun kerjasama kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Maka dengan adanya perjanjian seperti ini, sudah tentu Aksb mempunyai satu ikatan yang kukuh yang tidak boleh diingkari. Jadi bagi Aksb, ia satu nikmat bahawa rancangan yang telah diatur akan meyakinkan bahawa adanya pembiayaan kewangan.

Melalui rancangan penstrukturkan ini, fasiliti-fasiliti pembangunan air yang telah dibangunkan oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) boleh diadakan. PAAB membina dan menyerahkan kepada pihak Aksb untuk dikendalikan secara operasi dan penyelenggaraan.

Dari segi strukturnya tidak berubah. Aksb masih pengendali air bagi negeri Kelantan, cuma yang berubah ialah struktur pembiayaan kewangan. Peringkat yang kedua untuk melengkapkan agenda nasional ini ialah perjanjian yang telah ditandatangani pada 14 September yang lalu.

Terdapat lima penanda aras iaitu kekeruhan, *reserve margin*, NRW (non-revenue water), keluasan liputan bekalan air dan tekanan air bagi memenuhi *Key Performance Index* (KPI) yang telah ditetapkan.

Lima KPI yang telah dipersetujui ini ada angka-angka yang perlu dipenuhi dalam masa 3 dan 30 tahun dengan pembiayaan kewangan oleh PAAB yang bersifat timbal balik di mana pihak Aksb mendapat pembiayaan untuk memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA).

Terdapat tiga elemen dalam perjanjian ini iaitu penstrukturkan semula pinjaman ataupun hutang lama kerajaan negeri dan Pusat berkaitan dengan bekalanair termasuk juga pinjaman daripada bank-bank tempatan dan bank Pembangunan Asia. Hutang-hutang ini akan diambil alih oleh PAAB melalui terbitan bon dan lain-lain.

Sebagai *collateral*, fasiliti bekalan air milik kerajaan negeri akan diserahkan kepada PAAB sebagai pajakan dan PAAB pula akan menyewa belikannya kepada Aksb. Manakala bagi pembiayaan kewangan yang baru, PAAB akan menanggung segala kos pembangunan dan akan menyerahkan kepada Aksb untuk mengendalikan operasi dan penyelenggaraan. Aksb akan membayar *levi* ke atas fasiliti yang telah dipajakkan.

Elemen yang ketiga ialah pembangunan sumber air melalui geran kerajaan Persekutuan sebagaimana negeri-negeri lain. Sebagai contoh, Pulau Pinang diberi RM1.3 bilion untuk meningkatkan keupayaan Empangan Mengkuang setelah perjanjian migrasi.

Menurut Pengurus Besar Aksb, "kita telah menyediakan satu projek sumber air untuk negeri Kelantan yang berjumlah RM2 bilion (anggaran) bagi memastikan sumber air kita terjamin sehingga 50 tahun akan datang supaya kita tidak menghadapi masalah terutamanya apabila berlaku perubahan cuaca, khususnya kemarau. Apa yang kita rancang berkonsepkan 'reservoir in the city' iaitu bekalan air mentah tawar akan kita sediakan di sebelah hilir dalam bandar. Antara komponennya kita akan buat underground dam (empangan bawah tanah) di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti."

"Rancangan itu telah dikemukakan kepada Majlis Sumber Air Negeri dan telah diluluskan sebanyak RM5 juta dengan bajet siling sebanyak RM20 juta untuk dijalankan kajian 'feasibility's study' dan tender untuk kajian tersebut. Insya-Allah dalam masa setahun kita akan dapat reka bentuk rancangan sumber air tersebut."

Penyelesaian masalah bekalan air bersih

Pada tahun 1990, berlaku perubahan kerajaan di Kelantan. Bermula tahun itu juga pembiayaan pembangunan bekalan air telah dihentikan selama 13 tahun sehingga tahun 2003. Pada tahun 2003, Aksb mula membina fasiliti-fasiliti pembangunan bekalan air seperti loji dan *pipe line*.

Dalam tempoh 13 tahun itu, pembangunan di Kelantan tetap berjalan. Jadi permintaan kepada air tidak berhenti dengan berhentinya pembiayaan. Jadi Aksb telah kehilangan 'the development years' selama 13 tahun yang terpaksa ditampung ataupun kejar.

Lazimnya, untuk pembangunan biasa memerlukan sekitar RM200 juta setiap tahun untuk pembangunan bekalan air. Jadi jika tertinggal 13 tahun, untuk dikejar itu saja Aksb memerlukan RM2.6 bilion.

Kemudian untuk mereka bentuk dan membina fasiliti baru seperti loji air, design life biasanya 20 tahun. Jadi maknanya 13 tahun itu satu isu dan satu lagi yang dirancang untuk menghadapi permintaan pada masa hadapan selama 20 tahun. Jadi apabila dicampur dua itu, AKSB memerlukan 33 tahun pembiayaan barulah selesai masalah air.

Apa yang AKSB dapat selama ini hanyalah sebahagian daripada keperluan itu. Daripada angka yang dianggarkan, AKSB memerlukan lebih RM3 bilion untuk pembangunan hiliran dan selebihnya RM2 bilion untuk pembangunan sumber air. Keseluruhannya lebih kurang RM5 bilion diperlukan dalam masa 10 tahun ini.

Jadi tanpa pembiayaan berskala besar itu, tidak mungkin AKSB ataupun kerajaan negeri boleh menyediakan kemudahan pembiayaan sebesar itu.

Pelan strategik untuk jangka masa pendek dan panjang

Dalam perjanjian ini ada tahap minima yang disebut *minor works* yang masih dibiayai oleh AKSB sendiri manakala projek yang bernilai RM10 juta ke atas akan dibiayai oleh PAAB. Kebanyakan projek *minor* ini melibatkan projek-projek jangka pendek iaitu projek yang boleh menyelesaikan masalah dalam tempoh yang singkat seperti masalah di Temangan, paip sepanjang 1.5km telah dipasang dan selesai dalam tempoh dua minggu.

AKSB juga telah menyelesaikan masalah air di Kampung Takang, Bachok. 3km paip telah dipasang dan kini mereka menikmati bekalan air yang stabil sejak Hari Raya Aidiladha yang lepas.

Untuk jangka masa panjang, AKSB telah mengenal pasti beberapa strategi yang akan diambil dalam masa tiga tahun ini. Pertamanya ialah pembinaan loji-loji air supaya kita dapat memenuhi KPI mengenai *reserve margin*. Pada tahun 2019, kita terpaksa ada *reserve margin* sebanyak 30%.

Jika diterjemahkan kepada jumlah pengeluaran, ia hampir 800 juta liter sehari (mld). Sekarang ini AKSB mengeluarkan 450 mld. Jadi hampir sekali ganda dalam masa tiga tahun AKSB terpaksa membina loji-loji di seluruh negeri terutamanya bagi kawasan-kawasan yang kita panggil "stress area", seperti di kawasan

Kota Bharu kerana pembangunan yang pesat, di kawasan Gua Musang dan Kuala Krai dan beberapa tempat lain yang dalam perancangan AKSB.

Alternatif kepada bekalan air bersih

Tuan Haji Ir. Wan Mohd Zamri Wan Ismail melahirkan rasa syukur, "Alhamdulillah, Kelantan dianugerahkan Allah Taala dengan sumber alternatif. Kita ada bekalan air telaga, air tandak dan sebagainya. Tapi apabila musim kemarau, air tandak kering. Solusi terbaik adalah menyediakan bekalan air bersih daripada AKSB, terutamanya di bandar Kota Bharu, sumber alternatif iaitu telaga telah tercemar dengan bau dan kandungan besi."

Pengharapan kepada sumber alternatif tidak lagi menjadi satu pilihan utama. AKSB menyedari keperluan ini, maka program penggantian paip-paip di kawasan bandar terutamanya di Kota Bharu dirancang kerana inilah tumpuan kita sebenarnya (look centre). Jadi, dalam program penstrukturkan semula industri air ini, AKSB memerlukan RM2.5 bilion untuk menukar semua paip lama dan paip kecil supaya bekalan boleh diluaskan ke kawasan terpencil.

Pesanan kepada pengguna, khususnya mereka yang mengalami masalah berhubung bekalan air bersih.

Dari segi keupayaan penyampaian maklumat, pihak AKSB telah membangunkan satu aplikasi (android) yang dinamakan MyAKSB yang turut menyalurkan maklumat mengenai kebocoran, gangguan bekalan air dan kemudahan aduan oleh pengguna. Melalui aplikasi ini pihak AKSB akan mendapat info dengan lebih cepat dan tindakan dapat diambil dengan segera.

Maklumat asas yang diperlukan ialah nama dan alamat pengadu. Selain itu, peta lokasi, nombor akaun atau nombor meter merupakan maklumat tambahan bagi mengenal pasti aduan terutamanya masalah paip bocor. Alternatif lain ialah melalui talian PINTAS (Pusat Informasi dan Talian Info AKSB) iaitu 1-300-88-2572 ataupun e-mel ke airkelantan.com.my.

Harapan dan jaminan daripada AKSB berhubung manfaat perjanjian air ini.

Pihak AKSB meletakkan harapan yang tinggi agar semua yang dirancang selama ini bakal menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi kerana apa yang berlaku adalah implikasi daripada tiadanya pembiayaan yang mencukupi selama ini.

Dengan adanya pembiayaan yang lebih yakin untuk memenuhi keperluan pembangunan, AKSB boleh mengendalikan dan menawarkan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat Kelantan selepas ini.

"Saya harap rakyat Kelantan berdoalah agar perjanjian ini boleh direalisasikan dan pelaksanaan projek pembangunan boleh berjalan mengikut perancangan supaya pada masa hadapan tidak ada lagi rungutan ataupun masalah bekalan air bersih ini, insya-Allah," ujar Pengurus Besar AKSB. 





Gimik perasmian disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan.

MAJLIS PECAH TANAH RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN (RMMK) MERANTI JAJAHAN PASIR MAS, KELANTAN

Oleh: Siti Norazami Mohd Anuar
Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) adalah untuk menyediakan dan menawarkan jenis-jenis rumah yang mampu dimiliki, mencukupi, berkualiti, berdaya huni dan berlandaskan ciri-ciri Islam demi ke-selesaan dan kesejahteraan rakyat. Dasar ini menjadi satu garis panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi teknikal dan pemaju dalam merancang dan mengawal pembangunan projek-projek kemajuan Perumahan Mampu Milik di negeri Kelantan serta menjadi asas dan teras dalam pelaksanaan program RMMK.

Kerajaan negeri Kelantan dalam tempoh 5 tahun akan memberi penekanan kepada pembangunan Rumah Mampu Milik Kelantan di mana 'Satu Keluarga Satu Rumah' yang merupakan satu slogan digunakan sebagai penggerak ke arah memastikan setiap lapisan rakyat di negeri ini memiliki rumah kediaman sendiri.

Dalam merealisasikan dasar tersebut, kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) melalui anak syarikatnya iaitu PMBK Development Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek RMMK di atas tanah kerajaan seluas 5.38 ekar di Mukim Meranti, jajahan Pasir Mas, Kelantan.



Antara tetamu/jemputan yang turut hadir.

Tanggal 16 Jamadil Akhir 1438H bersamaan 15 Mac 2017 telah diadakan satu Majlis Pecah Tanah Projek RMMK, Meranti yang telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan. Majlis tersebut telah dihadiri seramai 500 orang jemputan yang terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Kelantan, Ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan dan masyarakat setempat.

Projek tersebut berada 19km daripada Rantau Panjang dan 10km dari bandar Pasir Mas. Sebanyak 58 unit rumah teres settingkat dan 6 unit rumah kedai akan dibina dibawah perancangan projek tersebut. Secara keseluruhannya, cadangan pembangunan ini akan memberi manfaat kepada rakyat negeri Kelantan dalam menjana ekonomi melalui peluang perniagaan dan pekerjaan sekali gus dapat memelihara keindahan alam sekitar flora dan fauna dengan pembangunan yang terancang berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Q



Kawasan seluas 5.38 ekar yang bakal dibangunkan menjadi kawasan penempatan.

Maylis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

RAIKAN LEBARAN, KUKUHKAN PERPADUAN



"Kamilah warga kerja PMBK"
Sesi bergambar sebelum majlis bermula



Ketibaan Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan merangkap Pengurus PMBK
Dari kiri: Hj. Khalily Ab. Kadir, Sanusi Hj. Othman, Ustaz Dato' Ahmad Yakob,
Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff, Zaini Mustapha.

Tetamu memenuhi ruang parkir PMBK bagi menikmati pelbagai juadah yang disediakan.



Menyambut ketibaan jemputan yang hadir.



Beratur panjang untuk menikmati juadah kambing golek.



Air cendol istimewa turut disediakan di gerai KGT di samping minuman lain.



Gerai KUM berkonsepkan food truck.



Kuih-muih dihidang di gerai PMBK Az-Zahab.



Pramusaji untuk meja VIP.



Isteri KPEK PMBK turut meluangkan masa hadir memeriahkan majlis.



PMBK Development menyajikan mi, maggi dan kuew tiow goreng.

Program Pemukiman

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dan Pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan Bersama Rakyat

Oleh: Siti Norazami Mohamed Anuar
Foto: Ahmad Naime Muhammad



Bagi merealisasikan hasrat pemimpin bersama rakyat, kerajaan negeri Kelantan telah menganjurkan satu Program Pemukiman Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dan Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Rakyat yang melibatkan semua parlimen di Kelantan.

Secara umumnya, pemimpin kerajaan negeri perlu memainkan peranan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat. Melalui program ini, ia dapat mewujudkan satu hubungan silaturahim antara pemimpin dan rakyat. Segala permasalahan yang timbul dalam kalangan rakyat akan dapat ditangani dan sekali gus rakyat berpeluang berinteraksi secara langsung dengan pemimpin.

Di samping itu juga, program sebegini dapat meningkatkan kepercayaan rakyat kepada kepimpinan kerajaan negeri yang berkonsepkan "Merakyatkan Membangun Bersama Islam". Konsep merakyatkan ini adalah suatu perancangan program bersepadu bagi memastikan cara hidup warga Kelantan bertambah mantap berpandukan tiga prinsip hidup beragama iaitu Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan.

Selain daripada penyampaian sumbangan, program ini turut diserikan lagi dengan ziarah rumah rakyat, lawatan kerja di tempat terpilih, Majlis Bersama Pimpinan Masyarakat Setempat, solat Zuhur berjemaah bersama rakyat serta menyantuni anak muda dan belianis di parlmen berkenaan.

Antara agensi yang terlibat sepanjang program ini ialah Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Urus Setia Pembangunan Insan Belia, Sukan dan NGO, Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan serta Pejabat Agama setiap parlmen.

Bermula 09 Mac 2017, sebanyak empat parlmen telah terlibat iaitu Ketereh, Machang, Pasir Puteh dan Tumpat. 50 keluarga menerima sumbangan di parlmen Ketereh, parlmen Machang melibatkan 75 keluarga, parlmen Pasir Puteh pula seramai 50 keluarga, parlmen Tumpat melibatkan 50 keluarga dan parlmen Jeli sebanyak 50 keluarga. Bagi parlmen Rantau Panjang, Bachok, Kubang Kerian, Gua Musang dan Pengkalan Chepa pula akan diadakan dalam masa terdekat. 



Parlimen Machang.



Parlimen Pasir Puteh .



Parlimen Tumpat .

DAHULU - OPIS PANJANG

Bangunan 'Opis Panjang' terletak di bahagian hadapan Istana Balai Besar, Kota Bharu. Merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri Kelantan masa itu. Telah dirobohkan sebelum 1950. (Gambar diambil pada tahun 1905)

The Kelantan state secretariat building known as 'Opis Panjang' situated in front of Istana Balai Besar. The building has been demolished before 1950's. (The picture taken in 1905)



KINI - TEMPAT LETAK KERETA ISTANA BALAI BESAR


Bekas kawasan 'Opis Panjang' di hadapan Istana Balai Besar, sekarang menjadi kawasan letak kereta awam.

The original site of the 'Opis Panjang' building in front of Istana Balai Besar. Now became the public car park.

Dialek

KELANTAN

oleh: Shariah Derahman & Nurul Dayanna Norji
dengan kerjasama: Dewan Bahasa & Pustaka, Wilayah Timur
foto: Google Images



Selaluh

Segera/sekarang
Immediately/right away

Menyegerakan melakukan sesuatu dengan segera atau cepat. Cara sebutan: 'sir-la-looh'.

Quickly or promptly do something.
Pronunciation: 'sir-la-looh'.

Plano

Tempat duduk basikal/pelana
Seat on a bicycle/saddle

Alat sokongan untuk penunggang atau beban seumpamanya yang diikat pada belakang haiwan dengan tali perut atau pada basikal dan motorsikal. Cara sebutan: 'pla-no'.

Support -ing tool for rider or load of its kind that is tied on the back of animal using a girth or on bicycle and motorcycle.
Pronunciation: 'pla-no'.

Keghek

Kerap kali
Frequently

Beberapa kali, berulang kali, selalu.
Cara sebutan: 'ke-gehek'.

Several times, repeatedly, always.
Pronunciation: 'ke-gehek'.

Meme

Memang
Indeed

Sudah begitu halnya, sudah tentu, sesungguhnya, sudah sepatutnya begitu. Cara sebutan: 'mair-mair'.

Befitting, of course, indeed, supposed to be like that.
Pronunciation: 'mair-mair'.

Nyejak

Penapis
Strainer

Alat yang digunakan untuk menapis sesuatu atau menyaring sesuatu. Cara sebutan: 'nye-jak'.

A tool used to refine or filter something.
Pronunciation: 'nye-jak'.



Tey

Pukul
Hit

Pukul atau bantai dengan sesuatu atau tangan. Cara sebutan: 'tair'.



Hitting or walloping using hand or something else. Pronunciation: 'tair'.

Berehi

Suka/gemar
Fondness/liking

Menggemari atau menyukai benar akan sesuatu atau seseorang. Cara sebutan: 'be-rare-hee'.

Very fond of something or someone. Pronunciation: 'be-rare-hee'.

Matte

Lebih kurang/anggaran
Approximately/estimate

100

?

400



Kira-kira (jumlah yang dianggarkan), lebih kurang atau anggaran. Cara sebutan: 'maa-tair'.

Roughly (approximate amount), approximately or estimate. Pronunciation: 'maa-tair'.



Peringat

Nyala
To flame up

Menyalakan atau menghidupkan api. Cara sebutan: 'pe-ri-ngat'.

To flame up or ignite a fire. Pronunciation: 'pe-ri-ngat'.

Peghangak

Hangat
Reheat

Memanaskan semula makanan atau mengingatkan semula tentang sesuatu perkara. Cara sebutan: 'pegha-ngak'.

To reheat the food or to refresh one's memory. Pronunciation: 'pegha-ngak'.

Rajin

Pernah
(Have) ever

Sudah ada mengalami (melakukan, melihat, merasai, dll). Cara sebutan: 'ra-jin'.

Already experiencing (done, saw, felt, etc.).
Pronunciation: 'ra-jin'.

Loni

Sekarang
Now

Masa kini, sekarang. Cara sebutan: 'law-nee'.

At this moment, now. Pronunciation: 'law-nee'.



Lada Bena

Lada hitam
Black pepper

Lada yang buahnya bulat dan hitam warnanya, rasanya sedikit pedas. Cara sebutan: 'la-da be-nar'.

Round and black seasoning spice taste a little bit spicy. Pronunciation: 'la-da be-nar'.

Papah

Potong rambut pendek hampir rapat ke kulit kepala

To cut the hair short almost reaching the scalp

Memotong rambut pendek hampir rapat ke kulit kepala sehingga menampakkan kulit kepala. Cara sebutan: 'pa-pah'.

Cutting the hair short almost reaching the scalp to reveal skin around the head. Pronunciation:



Sauk

Pakai
To wear

Mengenakan atau memakai pakaian pada badan bermula dari kepala. Cara sebutan: 'sa-ok'.

To wear or to put on clothes on the body over the head.
Pronunciation: 'sa-ok'.





Kehek

Muntahkan semula
Spew

Mengeluarkan semula makanan atau benda dalam mulut.
Cara sebutan: 'kair-hack'.

Spew out food or something from the mouth.
Pronunciation: 'kair-hack'.

Khobek

Selongkar
Rummage



Menyelongkar untuk mencari dan memeriksa dengan membongkar sesuatu tempat. Cara sebutan: 'khor-back'.

Rummaging to search and inspect by moving around or turning over a place. Pronunciation: 'khor-back'.



Khesok

Alih
Shift

Beralih atau berpindah kedudukan ke tempat lain. Cara sebutan: 'khe-sok'.

Shift or move to another position.
Pronunciation: 'khe-sok'.

Khabak

Peluk kuat-kuat
Tight embrace

Perbuatan memeluk atau berdakap (dalam kedudukan rapat antara satu dengan lain dan tangan mengelilingi yang lain) dengan kuat dan sangat erat.

Cara sebutan: 'khaa-bark'.



The act of tightly hugging or embracing (in a position that is close to each other with arms clasp around the other). Pronunciation: 'khaa-bark'.

Jemeruk

Berlaku pada masa yang sama
Happened at the same time

Pada masa yang sama, bertembung, bersekali. Cara sebutan: 'je-me-ruk'.

At the same time, encounter, together. Pronunciation: 'je-me-ruk'.



اوروس ستیا قباعونن وانیتا، کلوارک، دان کباجیکن کراجان نکری کلنتن

URUS SETIA PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KEBAJIKAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

“Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.”
(Al-Baqarah : 201)

DASAR BERKEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

- *Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan* digubal pada tahun 2015 selari dengan dasar Membangun Bersama Islam sebagai garis panduan dalam menjayakan agenda berkebajikan negeri Kelantan.
- *Gagasan OKU Muqarrabun* dirangka sebagai menyatakan komitmen pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha membangunkan Orang Kurang Upaya (OKU) berdasarkan potensi dan keupayaan diri individu-individu Orang Kurang Upaya.

SKIM BANTUAN

• OKU

Bantuan Ma'ruf OKU
Skim Tabung Rahmah (OKU)

• ARMALAH

Skim Manfaat Armalah
Skim Khairat Armalah
Bantuan Ad Hoc Armalah
Bantuan Sosioekonomi Armalah

• ANAK YATIM/ ARMALAH

Skim Pendidikan Anak Yatim
(Diraasah)

Hotline Kebajikan

019 988 2999

PENCARIAN SUKARELAWAN

MESRA



- **KURSUS PENGURUSAN BANTUAN BENCANA**
- **MESRA KASIH**
- **MESRA TREAT**
- **MESRA ATTACK**

Daftar Sukarelawan

013 984 6913

UNIT Pembangunan Wanita | Kemahiran Wanita | Pembangunan Keluarga | Pembangunan Kebajikan

013 984 5917

Kelas Jahitan & Sulaman

09 747 6568

Pejabat UPWK

09 747 6510

Faks UPWK

013 983 5912

Kaunseling

قر و ماهن وادی ایمان

PERUMAHAN WADI IMAN
KOK LANAS

Banglo (4 UNIT)



Noorin

013-907 3209

Syazwan

013-981 0054

Dibuka untuk jualan

Fasa I, II & III Sudah Habis Dijual Dengan CF Sejak Tahun 2008

- 25 minit ke bandar Kota Bharu
- 5 minit ke Politeknik Kota Bharu
- Harga dari RM283K ke atas
- Unit terhad



PERUMAHAN
WADI IMAN
FASA IV
MAHANG WEST, KOK LANAS

Semi-D



ڤەئەن مەنەن ئىستەرى كەلتەن
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
www.pmbk.gov.my



Pejabat urusan:

Tingkat 4, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-747 4082 | Faks: 09-747 7815

**PERCUMA
YURAN GUAMAN**
10 PEMBELI TERAWAL



BERKEMBAR A (4 UNIT)

- Keluasan: 1,500 kp
- 3 bilik
- 2 bilik air



BERKEMBAR B (4 UNIT)

- Keluasan: 1,044 kp
- 3 bilik
- 2 bilik air



اوسيها كلنتن USAHA KELANTAN

*"Sejak daripada kita memerintah 1990 lagi sampai ke hari ini kita mahukan kepada **KEBERKATAN**, **KEMAKMURAN** dan **KEBAJIKAN** setakat mana yang kita mampu usahakan."*

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN
Menteri Besar Kelantan

31st
KEBERKATAN
KEMAKMURAN
KEBAJIKAN